

**GASTRONOMI DALAM ANTOLOGI PUISI KEISTIMEWAAN DAN
KEINDAHAN SETEMPAT KELANTAN SERAMBI BUDAYA
BERKOLEK WARISAN MELALUI PENELITIAN TEORI PUITTIKA
SASTERA MELAYU**

WAN ABDUL RAHMAN BIN WAN TAJUDIN

C22A0311

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

“Gastronomi” Dalam Antologi Puisi Keistimewaan Dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan Melalui Penelitian Teori Puitika Sastera Melayu

Wan Abdul Rahman Bin Wan Tajudin

C22A0311

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- | | | |
|-------------------------------------|---------|--|
| ☒ | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| ☐ | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh..... sehingga |
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Wan Abdul Rahman Bin Wan Tajudin

C22A0311

Tarikh 4/1/2025

Tandatangan Penyelia

Dr Nordiana Binti Ab Jabar

Tarikh 4/1/2025

PENGHARGAAN

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang"

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat ilahi dengan izin dan limpah kurniaNya serta segala puji kepada Allah SWT telah dapat pengkaji menyempurnakan projek penyelidikan akhir dengan sempurna dan jayanya. Meskipun menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran sepanjang menjalankan penyelidikan namun banyak sokongan dan dorongan serta bantuan telah pengkaji peroleh sepanjang proses untuk menyiapkan penyelidikan ini

Justeru itu, saya dengan rendah hati ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Nordiana Binti Ab Jabar selaku pensyarah dan penyelia yang saya hormati bagi projek penyelidikan akhir ini. Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah banyak memberi sokongan dan tidak jemu dalam memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang tidak kurang sepanjang proses penulisan penyelidikan ini berlangsung sehingga akhimya. Sesungguhnya, pengorbanan dan kesabaran yang telah diberikan oleh beliau kepada saya hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan yang telah dilakukan beliau

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada ibu saya iaitu Rosmani Binti Muhammad kerana tidak pernah lelah dalam memberikan sokongan dan semangat serta doa yang tak terhingga sepanjang saya menyelesaikan penulisan projek penyelidikan akhir ini. Di samping itu, saya tujukan juga buat rakan-akan seperjuangan yang membantu saya dan memberikan bantuan serta kerjasama dalam membantu saya dengan sangat baik sepanjang saya menyiapkan penulisan projek ini. Oleh itu, segala jasa dan pengorbanan yang telah diberi amat saya hargai dan bersyukur kerana banyak pertolongan yang telah saya peroleh dalam melakukan kajian ini.

Akhir Sekali sekalung penghargaan terima kasih diucapkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan khususnya Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan kerana telah memberikan kemudahan kepada saya bagi menjalankan kajian ini.

JADUAL KANDUNGAN

	KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS		
PENGHARGAAN		i
JADUAL KANDUNGAN		ii
SENARAI RAJAH		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		
 BAB 1	 PENGENALAN	
1.0	Pengenalan	1-3
1.2	Latar Belakang	3-7
1.3	Permasalahan Kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Batasan Kajian	11-12
1.7	Kepentingan Kajian	13-14
1.7.1	Individu	13
1.7.2	Masyarakat	13-14
1.7.3	Negara	14
1.8	Kesimpulan	15
 BAB 2	 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Kajian Lepas Mengenai Gastronomi	

	2.2.1 Tesis	17
	2.2.2 Buku	17-18
	2.2.3 Artikel Jurnal	19-21
	2.2.4 Laman Sesawang	22
2.3	Kajian Lepas Mengenai Puisi Keindahan Negeri Kelantan	
	2.3.1 Tesis	22-24
	2.3.2 Buku	24-25
	2.3.3 Artikel Jurnal	25-27
	2.3.4 Laman Sesawang	27-28
2.4	Kajian Lepas Mengenai Teori Puitika Sastera Melayu	
	2.4.1 Tesis	28-30
	2.4.2 Buku	30-31
	2.4.3 Artikel Jurnal	31-33
BAB 3	METODLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	34-35
3.2	Reka Bentuk Kajian	36

3.2.1 Kaedah Kualitatif	36-37
3.2.2 Dokumentasi	37
3.3 Cara Pengumpulan Data	38
3.3.1 Analisis Dokumen	38-39
3.3.1.1 Analisis Teks/Novel/Buku	39-40
3.3.1.2 Artikel/Jurnal/Tesis	40-41
3.3.2 Kaedah Kepustakaan	40-41
3.3.3 Kaedah Internet	41-42
3.4 Analisis Tematik	42-43
3.5 Penerapan Teori	44-45
3.5.1 Teori Puitika Sastera Melayu	45-48
3.5.2 Kerangka Konseptual Kajian	49
3.6 Kesimpulan	50

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	51
4.2 Jenis Gastronomi	52
4.2.1 Nasi Kerabu	53-60

4.2.2 Kuih Akok	61-63
4.2.3 Ayam Percik	63-67
4.2.4 Lompat Tikam	68-71
4.2.5 Nasi Tumpang	72-74
4.3 Kaedah Pemeliharaan Gastronomi Kelantan	74
4.3.1 Pendokumentasian Resepi dan Teknik Tradisional	75-78
4.3.2 Penglibatan Komuniti dan Amalan Turun-Temurun	79-83
4.3.3 Pendidikan dan Pengajaran Melalui Institusi	83-84
4.3.4 Penjenamaan Makanan Warisan dan Pengkomersialan	84-85
4.3.5 Promosi Melalui Pelancongan Gastronomi	85-86
4.4 Impak Gastronomi	87
4.4.1 Pelancongan	87-88
4.4.2 Budaya	88-90
4.4.3 Adat	90-92
4.4.4 Ekonomi	92-93

	4.4.5 Sosial-Mengukuhkan Jalinan Kemasyarakatan	93-95
4.5	Kesimpulan	96
BAB 5	RUMUSAN	
5.1	Pendahuluan	97
5.2	Rumusan Kajian	98-104
5.3	Implikasi Kajian	104
	5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Individu	104-105
	5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat	105-106
	5.3.3 Implikasi Kajian Kepada Negara	106-108
5.4	Cadangan	108
	5.4.1 Individu	109-110
	5.4.2 Masyarakat	110-111
	5.4.3 Institusi	111-112
5.5	Kesimpulan	113
	SUMBER RUJUKAN	114-120

SENARAI RAJAH

	HALAMAN
3.1 Teks Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan serambi Budaya Berkolek Warisan	39
3.2 Proses Analisis Tematik	42
3.3 Prinsip Teori Puitika Sastera Melayu	44
3.4 Kerangka Konseptual	49
4.1 Nasi Kerabu	53
4.2 Kuih Akok	61
4.3 Ayam Percik	63
4.4 Lompat Tikam	68
4.5 Nasi Tumpang	72
4.6 Pendokumentasian Resepi Masakan Kelantan Tiktok	76
4.7 Pendokumentasian Resepi Masakan Kelantan Facebook	77
4.8 Makanan Tradisional Kelantan	80
4.9 Penglibatan Komuniti Masyarakat Kelantan	82

“GASTRONOMI” DALAM ANTOLOGI PUISI KEISTIMEWAAN DAN KEINDAHAN SETEMPAT KELANTAN SERAMBI BUDAYA BERKOLEK WARISAN MELALUI PENELITIAN TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU

ABSTRAK

Gastronomi merupakan kajian tentang hubungan antara budaya dan makanan yang merangkumi seni, sains, dan amalan memilih, menyediakan, serta menikmati makanan yang berkualiti tinggi. Dengan kata lain gastronomi ini melibatkan kajian tentang makanan. Gastronomi mengkaji berbagai komponen budaya dengan makanan sebagai pusatnya. Kajian ini bertujuan meneliti unsur gastronomi dalam *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* melalui penerapan Teori Puitika Sastera Melayu. Fokus kajian adalah pada tiga objektif kajian iaitu mengenal pasti jenis gastronomi yang terdapat dalam pantun dan puisi, menganalisis peranan gastronomi dalam menarik minat pelancong ke Kelantan serta menjelaskan kesan gastronomi terhadap masyarakat Kelantan. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif melalui analisis teks terhadap puisi-puisi terpilih dalam *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Pengkaji melakukan analisis deskriptif terhadap teks pantun yang dipilih. Data akan diuraikan berdasar pilihan teks pantun dalam *Antologi* berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gastronomi seperti Nasi Kerabu, Akok, Ayam Percik, Lompat Tikam dan Nasi Tumpang bukan sahaja berfungsi sebagai elemen estetika dalam karya sastera malah menjadi lambang identiti, adat resam dan kearifan tempatan masyarakat Kelantan. Selain itu, penggambaran gastronomi dalam puisi turut berperanan sebagai medium promosi budaya yang berkesan melalui pendokumentasian resipi dan teknik tradisional, penglibatan komuniti serta pelancongan gastronomi. Kajian ini juga mendapati bahawa gastronomi memberi kesan yang sangat besar terhadap masyarakat dari aspek budaya, adat, sosial, pelancongan dan ekonomi. Oleh hal yang demikian, kajian ini membuktikan bahawa gastronomi merupakan warisan budaya tidak ketara yang bernilai dan wajar dimartabatkan melalui karya sastera bagi memastikan kesinambungan identiti dan budaya masyarakat Kelantan.

Kata Kunci : *Gastronomi, Puisi, Teori Puitika Sastera Melayu*

“GASTRONOMY” IN THE POETRY ANTHOLOGY *KEISTIMEWAAN DAN KEINDAHAN SETEMPAT KELANTAN: SERAMBI BUDAYA BERKOLEK WARISAN* THROUGH THE APPLICATION OF MALAY LITERARY POETICS THEORY

ABSTRACT

Gastronomy is the study of the relationship between culture and food, encompassing the art, science, and practices of selecting, preparing, and enjoying high-quality food. In other words, gastronomy involves the study of food, examining various cultural components with food as its central focus. This study aims to examine gastronomic elements in the poetry anthology *Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan: Serambi Budaya Berkolek Warisan* through the application of Malay Literary Poetics Theory. The study focuses on three main objectives: to identify the types of gastronomy present in pantun and poems, to analyze the role of gastronomy in attracting tourists to Kelantan, and to explain the impact of gastronomy on the Kelantanese community. The methodology employed is a qualitative approach through textual analysis of selected poems from the anthology. The researcher conducts descriptive analysis of the selected pantun texts, with data interpreted based on the chosen texts in the anthology using Malay Literary Poetics Theory. The findings reveal that gastronomic elements such as *Nasi Kerabu*, *Akok*, *Ayam Percik*, *Lompat Tikam*, and *Nasi Tumpang* function not only as aesthetic elements in literary works but also as symbols of identity, customs, and local wisdom of the Kelantanese community. Furthermore, the depiction of gastronomy in poetry serves as an effective medium for cultural promotion through the documentation of traditional recipes and techniques, community involvement, and gastronomic tourism. The study also finds that gastronomy has a significant impact on society in terms of culture, customs, social life, tourism, and the economy. Therefore, this study demonstrates that gastronomy is a valuable form of intangible cultural heritage that should be elevated through literary works to ensure the continuity of identity and culture of the Kelantanese community.

Keywords: *Gastronomy, Poetry, Malay Literary Poetics Theory*

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perkataan sastera berasal daripada bahasa sanskrit iaitu “castra”. Sastera merupakan hasil karya yang lahir daripada pemikiran manusia dan perasaan manusia kemudian disampaikan melalui bahasa yang indah, kreatif dan penuh makna. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005) menyatakan sastera didefinisikan sebagai penyampaian hasil seni melalui bentuk puisi atau prosa yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Sastera ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti puisi, cerpen, novel, drama dan esei. Menurut kamus dewan edisi keempat kesusasteraan ialah seni yang menggambarkan keindahan dengan bahasa seperti novel, sajak, pantun, persuratan dan seni sastera. Menurut Abdul Halim Ali, 2011 menjelaskan bahwa dalam budaya sastera Melayu maksud kesusasteraan itu sendiri mencerminkan sifat yang indah yang ada pada karyanya. Kesusasteraan pula mempunyai maksud yang khusus iaitu perkataan-su yang bermaksud keindahan, baik, dan cantuk.

Dalam penghasilan karya sastera, terdapat pelbagai elemen-elemen keindahan yang digunakan untuk menjadikan karya tersebut sebagai sebuah karya yang mempunyai penjiwaan yang baik untuk di baca oleh khalayak. Menurut Awang, H., & Ismail, H. (2016) karya sastera yang dihasilkan itu berlandaskan cara hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat. Oleh hal yang demikian, masyarakat dapat memahami pelbagai nilai kemanusiaan, mengenali sejarah dan budaya serta menilai pelbagai aspek kehidupan dari perspektif yang berbeza. Sastera memainkan peranan yang penting dalam membentuk jati diri bangsa disamping memupuk daya pemikiran yang kritis dalam kalangan pembaca. Sastera

bukan sekadar himpunan kata-kata indah tetapi merupakan sebuah cerminan jiwa dan minda manusia yang merentas masa dan sempadan.

Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan pada puisi tradisional yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu iaitu Pantun. Pantun merupakan salah satu bentuk puisi tradisional Melayu yang kaya dengan nilai seni dan budaya. Pantun adalah puisi tradisional yang terdiri daripada pembayang dan maksud yang ditulis secara berangkap. Pantun ini bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian mesej akan tetapi ianya juga sebagai alat untuk memelihara dan menyampaikan elemen-elemen penting budaya sesuatu masyarakat. Menurut (Harun Mat Piah, 1989:122) beliau mengatakan bahawa pantun ini merupakan satu puisi asli atau lama yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dan juga merupakan sebuah puisi yang paling awal muncul berbanding dengan puisi-puisi yang lain. Pantun telah wujud sejak zaman dahulu lagi dan diwariskan secara lisan dari generasi ke generasi. Pantun mempunyai kedudukan yang istimewa dalam budaya masyarakat Melayu kerana bukan sahaja digunakan sebagai medium hiburan malah ia sebagai alat komunikasi, pendidikan dan penyampaian nilai moral.

Menurut Muhammad Haji Salleh (1999) mengatakan bahawa anantara berbagai-bagai bentuk puisi di Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Melayu mungkin pantunlah yang memperlihatkan genius dan kesempurnaan seni sastra bangsa-bangsa yang telah digolongkan sebagai Melayu dengan jelas. Pantun sangat sesuai dengan jiwa orang Melayu kerana dapat membuktikan bahawa keperibadian orang Melayu itu sendiri yang terkenal dengan kesenian dan kebudayaan. Pantun ini dilontarkan bagi memperindah lagi sesebuah ucapan serta digunakan untuk membicarakan tentang budi bahasa, kasih sayang masyarakat, adat istiadat, perkahwinan dan sebagainya. Pantun bukan sahaja digunakan dalam konteks hiburan seperti dalam permainan dan majlis perkahwinan malah berperanan

sebagai medium untuk menyampaikan nasihat, sindiran halus dan pandangan hidup masyarakat Melayu. Keindahan kata dalam khazanah bahasa Melayu jelas melihatkan daya cipta pemikiran dan falsafah masyarakat Melayu Tradisional yang tinggi, asli dan bernilai seni. Oleh hal yang demikian, pantun merupakan salah satu warisan sastera lisan Melayu yang amat bernilai dan masih kekal relevan sehingga hari ini.

1.2 LATAR BELAKANG

Negeri Kelantan merupakan negeri yang kaya dengan adat dan tradisi mereka yang tersendiri. Kelantan yang dikenali sebagai Serambi Mekah bukan sahaja kaya dengan tradisi malah turut menampilkan kekayaan budaya dalam aspek gastronomi atau seni kuliner tempatan. Negeri Kelantan dikenali serambi mekah kerana kuatnya pengaruh islam dalam kehidupan seharian masyarakatnya. Namun pada masa yang sama ia juga diiktiraf sebagai “Serambi Budaya” kerana keupayaannya mengekalkan dan memartabatkan pelbagai bentuk kesenian, tradisi dan adat Melayu yang masih hidup dan subur dalam kalangan rakyatnya.

Salah satu aspek budaya yang paling menonjol dalam masyarakat Kelantan ialah tradisi gastronominya. Kelantan sangat terkenal dengan pelbagai jenis makanan yang mampu menarik minat para pengunjung yang datang. Makanan bukan sahaja berperanan sebagai sumber pemakanan dan kepuasan fizikal malah ia turut menjadi medium komunikasi sosial dan symbol identiti budaya. (Tradisional Masyarakat Melayu Kelantan Dan Peranakan Siam *Kelantan Traditional Food of Kelantan Malay et al.*, 2024) menjelaskan dalam artikelnya bahawa makanan yang terdapat di negeri Kelantan ini sangat berbeza dengan negeri lain di seluruh semenanjung. Keunikan makanan tradisional dapat dilihat melalui nama bagi sesuatu makanan itu yang dikatakan memiliki nama yang pelik tetapi mempunyai rasa yang sangat sedap. Keistimewaan ini bukan sahaja dirasai melalui pengalaman deria malah turut tercerna dalam karya sastera khususnya dalam puisi yang mendokumenkan keindahan dan keunikan

warisan setempat. Penduduknya yang ramah dan berpegang teguh kepada nilai keagamaan menjadikan negeri ini unik dan menaarik untuk diterokai.

Dalam konteks kajian ini ia membincangkan mengenai jenis gastronomi yang terdapat dalam pantun buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* melalui penelitian teori puitika. Kajian ini juga memfokuskan bagaimana gastronomi dapat dimanifestasikan dalam puisi-puisi yang terkandung dalam buku antologi tersebut melalui pendekatan teori puitika seterusnya memperlihatkan hubungan erat antara makanan, budaya dan puisi dalam membentuk identiti negeri Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti keunikan dan keaslian makanan tradisional Kelantan dari sudut pandang gastronomi tempatan. Hal ini sudah pasti membuka ruang kepada pengkaji untuk menjadikan elemen-elemen budaya tempatan seperti makanan sebagai subjek puisi yang bukan sahaja bersifat estetika tetapi juga sarat dengan nilai etnografi dan semantik budaya.

1.2.1 Definisi Konsep

Gastronomi

Istilah Gastronomi berasal daripada dua perkataan Greek iaitu “Gastro” yang membawa maksud “perut” dan “Namos” yang bermakna pengetahuan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, gastronomi ditakrifkan sebagai suatu kajian, seni atau amalan memilih, menyediakan atau memakan makanan yang baik. Dengan kata lain, gastronomi melibatkan kajian tentang makanan. Gastronomi tidak hanya terangkum dalam kajian tentang cara pembuatan semata-mata, tetapi merupakan suatu bidang yang luas. Kajian gastronomi merangkumi pelbagai komponen budaya yang menjadikan makanan sebagai paksi penelitian (Santich 2004). Bidang ini penting bagi memahami dan menghargai makanan dalam kehidupan seharian. Pengertian lain gastronomi difahami sebagai kajian tentang hubungan

antara budaya dan makanan (Csoban & Konyves 2015). Istilah ini sering disalah tafsir sebagai istilah yang mengacu kepada seni masakan. Namun ada juga yang mendefinisikannya dengan maksud yang lebih luas yang merangkumi perhubungan budaya dan makanan dengan agama, ekonomi, pertanian, geografi, sejarah, moral dan sosial, teknologi dan sebagainya. Gastronomi merangkumi proses seperti menemui, merasai, mengalami pengalaman, mengkaji memahami dan menulis tentang penyediaan serta kualiti deria bagi nutrisi manusia secara menyeluruh. Oleh itu, makanan, dalam hal ini gastronomi telah pun dianggap sebagai satu disiplin budaya (Ferguson 1998). Kini keunikan gastronomi di sesebuah negeri di Malaysia telah dijadikan salah satu daya tarikan utama dalam bidang pelancongan. Gastronomi juga merujuk kepada seni dan ilmu penyediaan, persembahan serta pemahaman budaya makanan. Dalam konteks kajian ini ia meliputi makanan tradisional Kelantan seperti nasi kerabu, budu, lompat tikam dan sebagainya yang turut membawa makna simbolik dalam puisi. Elemen gastronomi dalam pantun bukan sekadar berfungsi sebagai hiasan kata tetapi memainkan peranan penting dalam melukiskan identiti budaya sesuatu kawasan. Pantun yang menghuraikan makanan-makanan ini biasanya diiringi dengan elemen-elemen lain seperti cara penyediaan, bahan-bahan yang digunakan serta kaitan dengan amalan harian masyarakat.

PUISI

Puisi merupakan salah satu genre utama dalam sastera yang mengungkapkan perasaan, pemikiran dan pengalaman manusia dalam bentuk yang padat, berirama dan indah dari segi bahasa. Ia menggunakan gaya bahasa yang kreatif, simbolisme serta elemen estetik seperti rima, aliterasi dan metafora untuk membangkitkan kesan emosi dan intelek kepada pembaca atau pendengar. Dalam tradisi kesusasteraan Melayu, puisi telah wujud sejak zaman silam sebagai medium lisan yang membawa pelbagai fungsi sosial, pendidikan, keagamaan dan politik. Menurut Mohd. Taib Osman (1989), puisi tradisional Melayu bukan hanya bertujuan untuk menghibur tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai-nilai budaya, adat resam serta pegangan hidup masyarakat Melayu. Hal ini merupakan wahana utama dalam menyampaikan ilmu, memperkukuh jati diri dan menyampaikan ajaran yang bersifat moral dan spiritual. Seiring dengan perkembangan zaman, bentuk dan gaya puisi turut berkembang namun fungsinya sebagai alat ekspresi budaya dan pemikiran tetap utuh.

Dalam konteks sastera moden, puisi menjadi saluran untuk pengarang menyuarakan pandangan terhadap isu semasa, identiti serta hubungan antara manusia dan alam sekeliling. Seperti yang diuraikan oleh Rahman Shaari (2004), puisi moden bukan sahaja mengekalkan unsur keindahan bahasa tetapi turut memperlihatkan kebijaksanaan pemikiran pengarang dalam mengolah isu kemanusiaan, politik dan spiritual secara simbolik dan kreatif. Puisi juga bersifat fleksibel dan boleh dimanfaatkan untuk memperjuangkan nilai lokal seperti yang terdapat dalam antologi bertemakan budaya setempat dan elemen gastronomi seperti dalam kajian ini.

Oleh itu, puisi ditakrifkan sebagai karya sastra yang bukan sekadar bersifat estetik dan linguistik, tetapi juga sebagai medium yang mengangkat dan melestarikan warisan budaya melalui penyampaian simbolik dan makna mendalam selari dengan gagasan Teori Puitika Sastra Melayu yang menekankan nilai, fungsi dan makna dalam teks sastra.

Teori Puitika Sastra Melayu

Menurut Haji Muhammad Salleh (2000:240) konsep estetik Puitika Sastra Melayu dicipta melalui genre puisi dan naratif dikonsepskan dalam beberapa cara iaitu berdasarkan konsep pengulangan, ingatan, pernyataan dan peniruan atau salinan. Dalam buku Puitika Sastra Melayu edisi ketiga Muhammad Haji Salleh (2021) menjelaskan bahawa sastra yang dikaji luas tebarannya dan walaupun terdapat pelbagai ragam dan cara khususnya namun pada akhirnya masih juga berkongsi sebuah tradisi asas yang dapat kita namakan sebagai tradisi sastra Melayu. Menurutnya lagi, bahasa Melayu naratif, formula yang diulang guna, kias ibarat dan metafora dalam pantun dan syair yang memperlihatkan perkongsian khazanah yang cair dan pesat semuanya menandakan suatu amalan yang diterima dan dipakai bersama. Menurut beliau puitika adalah sistem yang menggabungkan pandangan dunia, nilai, simbol, gaya bahasa dan bentuk penyampaian sastra yang membentuk keindahan makna dalam karya sastra Melayu. Seterusnya, pendekatan puitika ini muncul daripada tradisi lisan, teks klasik dan pengalaman sejarah yang panjang dalam masyarakat Melayu yang mementingkan keseimbangan antara bentuk dan isi antara indah dan benar serta antara peribadi dan masyarakat. Muhammad Haji Salleh menyatakan lagi bahawa puitika Melayu bukan hanya menilai karya dari aspek bentuk semata-mata tetapi turut memberi penekanan kepada kandungan nilai, kefalsafahan dan bagaimana karya itu mencerminkan jati diri sesuatu bangsa.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada setiap kajian yang dilakukan sudah pasti ada masalah yang ditemukan dalam kajiannya. Melalui penemuan permasalahan kajian ini ianya akan menjurus kepada persoalan kajian dan akhirnya akan dapat menetapkan objektif kajian mereka. Berdasarkan tajuk kajian yang dibuat oleh pengkaji terdapat tiga permasalahan kajian yang dapat dikemukakan dalam kajian ini. antara tiga permasalahan kajian tersebut ialah:

1.3.1 Kurangnya usaha dokumentasi mengenai makanan tradisional Kelantan. Kajian lepas yang dilakukan oleh Harian Metro (2019), sajian tradisi kian dilupakan dan sifat bakhil enggan berkongsi resepi keluarga. Tambahan pula kajian berikut mengatakan bahawa tidak keterlaluan sekiranya melihat bahawa orang melayu sendiri tidak berbangga dengan makanan warisan.

1.3.2 Generasi muda kurang mengenali nilai budaya dalam puisi tradisional. Menurut Dr. Roslina Abu Bakar (2022) berpendapat bahawa satu keperluan bagi generasi muda masa kini dalam menarik minat serta pengetahuan mereka mengenai puisi tradisional dan tradisi lisan. Perkara ini disokong lagi dengan pendapat Fatin Rozaimi, 2019 menjelaskan bahawa kita sering diingatkan supaya terus memelihara dan menjaga seni, budaya dan warisan agar tidak terus hanyut dibawa arus kemodenanan.

1.3.3 Potensi gastronomi sebagai tarikan pelancongan kurang mendapat perhatian orang ramai. Setiap hidangan mempunyai cerita dan sejarahnya tersendiri yang mencerminkan kehidupan dan tradisi masyarakat Kelantan (Md Ramli et al., 2017). Kemunculan makanan-makanan moden yang pelbagai variasi telah menjadi punca makanan tradisional kurang mendapat sambutan. Menurut (Priskala, 2015) menjelaskan bahawa fenomena golongan muda yang lebih menggemari makanan bukan tradisional telah menyebabkan kedudukan makanan tradisional semakin jatuh.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kajian ini, terdapat tiga persoalan kajian yang ditemukan oleh pengkaji. Antara persoalan kajian yang dapat dikemukakan ialah :

1.4.1 Adakah gastronomi dalam pantun buku Antologi Puisi Keistimewaan dan keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan mencerminkan tradisi dan identiti masyarakat Kelantan?

1.4.2 Apakah bentuk dan jenis gastronomi yang terdapat dalam pantun buku Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan?

1.4.3 Bagaimanakah kesan gastronomi terhadap masyarakat Kelantan?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian di atas, pengkaji telah menetapkan tiga objektif kajian iaitu :

1.5.1 Mengenalpasti jenis gastronomi yang terdapat dalam pantun buku Antologi Puisi keistimewaan dan Keindahan setempat Kelantan Serambu Budaya Berkolek Warisan.

1.5.2 Menganalisis sejauh mana gastronomi dalam teks Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan dapat menarik minat pelancong datang ke Kelantan.

1.5.3 Menerangkan kesan gastronomi terhadap masyarakat Kelantan.

1.6 BATASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji tidak mampu untuk mengkaji sesuatu yang besar secara lebih khusus jadi pengkaji membataskan kajian ini supaya dapatan kajian adalah memuaskan. Pengkaji meletakkan skop dan ruang yang agak sempit dalam batasan kajian akan tetapi keseluruhan aspek dalam teks karya tersebut merupakan intipati yang menyeluruh.

Kajian ini tertumpu kepada beberapa aspek penting untuk memastikan penyelidikan yang dijalankan lebih fokus dan mendalam. Batasan kajian yang dibuat oleh pengkaji melalui kajian ini adalah melibatkan analisis terhadap pantun-pantun yang terdapat dalam buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Dalam buku ini terdapat banyak puisi yang menerangkan tentang keistimewaan negeri Kelantan namun kajian ini hanya memfokuskan 37 pantun yang terdapat dalam buku tersebut. Pantun-pantun ini pula dipilih secara elektif berdasarkan kehadiran elemen gastronomi yang berkait dengan budaya dan tradisi masyarakat Kelantan. Elemen-elemen ini meliputi makanan tradisional, bahan masakan, teknik memasak dan adat resam yang berkaitan dengan penyediaan makanan.

Seterusnya, dari segi pendekatan teori pula kajian ini menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Teori ini digunakan sebagai kerangka tunggal untuk membedah teks dan tidak digabungkan dengan teori-teori lain. Teori ini dipilih kerana sifatnya yang berakar dalam budaya Melayu dan keupayaannya memahami karya melalui nilai, pandangan hidup dan sistem estetik masyarakat tempatan termasuk dalam aspek bahasa, simbol dan fungsi sastera.

Teori Puitika Sastera Melayu ini mengandungi lapan prinsip namun dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan 3 prinsip sahaja iaitu fungsi karya sastera, genre dan yang indah-indah : Estetika Sastera Melayu. Pada fungsi karya sastera kajian ini membataskan

analisis terhadap fungsi sosial dan budaya puisi yang menggambarkan identiti gastronomi Kelantan. Hal ini termasuk juga peranan puisi dalam menyampaikan nilai, adat dan budaya makan masyarakat Kelantan. Elemen ini akan dianalisis berdasarkan sejauh mana karya berfungsi sebagai wahana pemeliharaan warisan budaya makanan dan jati diri bangsa.

Bagi genre pula, kajian ini hanya membataskan genre puisi tradisional sahaja iaitu Pantun yang termuat dalam *buku Antologi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* dan akan dianalisis. Kajian tidak akan melibatkan bentuk sastera lain seperti cerpen atau drama. Ciri-ciri genre puisi akan diteliti dari sudut bentuk, pemilihan diksi, dan teknik penyampaian yang digunakan dalam menonjolkan tema gastronomi setempat.

Selain itu, bagi prinsip yang indah-indah: Estetika Sastera Melayu pula akan dibataskan kepada penggunaan bahasa indah khususnya gaya bahasa yang berkaitan dengan gambaran makanan tradisional, masakan dan bahan-bahan tempatan. Fokus akan diberikan pada metafora, simile, personifikasi, dan simbol yang digunakan untuk membangkitkan imaginasi dan emosi pembaca terhadap pengalaman gastronomi masyarakat Kelantan.

Wujudnya batasan-batasan ini diharapkan kajian dapat dijalankan dengan fokus yang jelas dan mendalam sejajar dengan objektif penyelidikan yang telah ditetapkan.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan utama yang melibatkan pelbagai pihak seperti individu, masyarakat dan negara. Penelitian terhadap unsur gastronomi dalam antologi puisi tempatan melalui pendekatan teori Puitika Sastera Melayu bukan sahaja membuka ruang pemahaman baharu dalam konteks sastera dan budaya, bahkan mampu memperkaya kefahaman terhadap warisan tak ketara dalam landskap sastera moden.

1.7.1 Individu

Dari perspektif individu, kajian ini memberi pengetahuan yang luas kepada individu dalam memahami unsur makanan dan budaya gastronomi diangkat dan dimaknai dalam teks. Kefahaman ini membolehkan individu menghargai nilai estetika dan simbolik yang tersembunyi dalam karya sastera Melayu, di samping meningkatkan literasi budaya dan kesedaran terhadap kekayaan warisan makanan tradisional Kelantan. Rentetan daripada itu, pendekatan melalui Teori Puitika Sastera Melayu membantu individu menilai karya sastera bukan sekadar sebagai hiburan atau keindahan bahasa, tetapi sebagai wahana ilmu, dakwah, falsafah hidup dan cara manusia berinteraksi dengan persekitarannya. Hal ini akan melahirkan individu yang lebih peka terhadap nilai tempatan serta menjadikan sastera sebagai cermin jati diri bangsa.

1.7.2 Masyarakat

Seterusnya, bagi masyarakat pula kajian ini menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan budaya serta identiti tempatan khususnya dalam konteks negeri Kelantan. Puisi sebagai medium penceritaan rakyat memainkan peranan penting dalam mewariskan pengetahuan tentang makanan tradisional dan simbol budaya kepada generasi baharu. Oleh itu, kajian ini menjadi satu bentuk dokumentasi tidak langsung kepada gastronomi warisan yang mungkin terancam akibat arus pemodenan. Kajian ini juga mampu menyemai semangat

perpaduan dan apresiasi antara masyarakat berbilang kaum dengan menonjolkan keunikan makanan tradisional dan nilai-nilai yang terkandung dalam puisi. Dengan memartabatkan unsur gastronomi dalam sastera, masyarakat akan lebih menghargai budaya masing-masing serta menjadikan sastera sebagai alat penghubung antara generasi dan komuniti.

1.7.3 Negara

Bukan itu sahaja, dari sudut kenegaraan pula kajian ini membantu mengukuhkan identiti budaya Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan warisan khususnya melalui pengiktirafan dan pemartabatan sastera serta makanan tradisional. Melalui penghasilan karya akademik seperti ini, negara berupaya memupuk generasi yang bukan sahaja celik budaya, malah mampu memelihara khazanah negara dalam bentuk penulisan ilmiah yang boleh dijadikan rujukan dalam perancangan dasar atau aktiviti pelancongan warisan. Kajian ini juga dapat memberi idea kepada penggubal dasar dan penggiat industri pelancongan untuk memperkenalkan pendekatan yang lebih kreatif dalam mempromosikan pelancongan di Kelantan. Elemen gastronomi berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong sekaligus meningkatkan pendapatan negara dan memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai destinasi pelancongan budaya dan makanan yang unggul.

1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menggunakan pendekatan yang menyeluruh untuk meneroka elemen gastronomi dalam pantun sebagai medium yang berpotensi untuk mempromosikan pelancongan budaya dan gastronomi di Kelantan. Elemen-elemen gastronomi dalam pantun mencerminkan hubungan rapat antara masyarakat Kelantan dengan keunikan tradisi kuliner mereka sehingga menjadikannya alat yang berkesan untuk menarik perhatian pelancong yang ingin menikmati pengalaman budaya yang sebenar. Pantun yang disampaikan dengan bahasa yang indah dan gaya penyampaian yang menarik dapat meningkatkan penghayatan terhadap keindahan dan keistimewaan budaya Kelantan di kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Kajian ini mencadangkan agar elemen-elemen gastronomi dalam pantun diberi perhatian yang lebih mendalam dalam usaha promosi budaya dan pelancongan. Diharapkan agar elemen-elemen ini dapat dimanfaatkan secara maksimum untuk mempromosikan Kelantan sebagai destinasi pelancongan yang kaya dengan keunikan budaya dan tradisi gastronomi. Melalui analisis ini, diharapkan juga budaya, tradisi, dan identiti masyarakat Kelantan dapat diketengahkan secara lebih mendalam sekaligus memperkukuhkan peranan sastera sebagai alat promosi pelancongan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini akan membincangkan tentang beberapa kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji yang lain dalam menyokong model kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Bukan itu sahaja, melalui sorotan kajian ini juga akan membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para sarjana dalam bidang sastera ini sama ada di peringkat tempatan atau di peringkat luar mengenai puisi. Melalui kajian ini, pengkaji cuba melihat serta menganalisis kajian-kajian lepas berdasarkan pada tiga elemen utama iaitu gastronomi, puisi keindahan negeri Kelantan dan juga teori puitika sastera Melayu. Perbincangan mengenai kajian literatur ini akan mengambil beberapa kajian yang relevan sahaja dan mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan. Kajian literatur merupakan perkara utama kepada pengkaji agar kajian yang ingin dilaksanakan mempunyai penanda arah serta akan menajadikan sebagai sumber rujukan yang tepat dan sangat jelas. Oleh hal yang demikian terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang digunakan oleh pengkaji serta menjadi asas kepada pembentukan model kajian ini.

2.2 KAJIAN LEPAS MENGENAI GASTRONOMI

2.2.1 TESIS

Dalam tesis yang ditulis oleh Muhammad Ilham Azzikri (2025) yang bertajuk “Gastronomi Dalam Perspektif Folklor : Kajian Tentang Makanan Tradisional Minangkabau” menjelaskan gastronomi terkait dengan kesukaan manusia pada sesuatu makanan. Dalam kajiannya lagi menjelaskan bahawa gastronomi bukan sahaja membahas mengenai rasa dari suatu makanan atau minuman namun ianya mempunyai kaitan makna sesuatu budaya dalam sebuah masyarakat. Kajiannya ini membahas tentang makanan tradisional Minangkabau Di Nagari Kaji dalam perspektif gastronomi sastera. Penelitian yang dibuat adalah bertujuan untuk mendokumentasi jenis-jenis makanan tradisional Minangkabau serta menganalisisnya dalam konteks gastronomi sastera dengan pendekatan folklor.

2.2.2 BUKU

Menurut Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaludin dan Junaini Kasdan (2022) dalam buku mereka “Gastronomi, Peribahasa dan Akal Budi Melayu” membincangkan bagaimana objek makanan dalam peribahasa mencerminkan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Mereka menggunakan pendekatan semantik untuk menganalisis pemilihan objek makanan dalam peribahasa dan hubungannya dengan makna yang lebih mendalam. Dalam kajiannya juga turut menegaskan bahawa penggunaan metafora makanan dalam peribahasa menjadi lambang kepada struktur pemikiran dan sistem nilai yang dipegang oleh masyarakat. Makanan menjadi saluran naratif yang mudah difahami dan diingat oleh semua lapisan

masyarakat. Oleh itu, elemen gastronomi dalam peribahasa bukan sahaja memperkayakan bahasa tetapi juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan menyampaikan warisan intelektual masyarakat Melayu. Melalui kajian ini, peribahasa yang berkaitan dengan makanan memberikan asas penting untuk memahami bagaimana puisi Melayu khususnya yang berkaitan dengan Kelantan yang turut mencerminkan nilai budaya melalui simbolisme gastronomi.

Seterusnya, menurut Mohd Faizal Musa, Suhaini Md Noor dan Muhamad Shafiq Mohd Ali (2022) dalam buku mereka yang bertajuk “Gastronomi Alam Melayu” membincangkan budaya makanan masyarakat Alam Melayu dari perspektif yang lebih mendalam dan berilmiah. Buku ini menggarap sains rasa dan merasa Alam Melayu yang melibatkan rentas bidang termasuklah bahasa, budaya, psikologi, sastera dan arkeologi. Dalam kajiannya turut menjelaskan bahawa gastronomi merupakan satu kajian tentang hubungan antara budaya dan makanan. Analisis dalam buku ini membantu memahami simbolisme makanan dalam puisi seta bagaimana elemen gastronomi digunakan untuk menyampaikan mesej sosial dan budaya. Oleh itu, buku ini sangat relevan untuk kajian yang mengkaji elemen gastronomi dalam sastera terutamanya puisi.

2.2.3 ARTIKEL JURNAL

Kajian lepas yang dilakukan oleh Khalila Ilia Ismail dan Mohd Faizal Musa pada tahun 2016 telah memberikan fokus kepada pantun dan kajiannya bertajuk “Makanan Dalam Pembayang Pantun Melayu Satu Wacana Dari Perspektif Gastronomi”. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji makanan dalam pembayang pantun Melayu dan peranannya dari perspektif gastronomi. Melalui kajiannya menjelaskan bahawa unsur makanan dalam teks sastera Melayu moden berperanan memperlihatkan cara hidup masyarakat, adat resam serta nilai-nilai kemasyarakatan. Makanan bukan sahaja dianggap suatu hidangan yang menarik malah merangsang pemikiran dan perasaan sebuah masyarakat. Oleh itu makanan dalam hal ini gastronomi telah pun dianggap sebagai satu disiplin budaya. Dunia makanan dan pemakanan juga tidak terkecuali menjadi latar untuk segala yang dirasakan, dikerjakan dan dialami. Dalam konteks sastera, makanan sering dijadikan simbol atau metafora yang membawa makna lebih mendalam dalam sesebuah karya.

Seterusnya, seperti yang kita tahu bahawa di Kelantan terdapat pelbagai makanan tradisional seperti nasi kerabu, budu, akok dan lompat tikam yang bukan sahaja menjadi identiti negeri tetapi turut diangkat dalam karya-karya kreatif sebagai lambing warisan turun-temurun. Perkara ini disokong melalui kajian lepas yang dilakukan oleh Suhaila Mohammed dan Shaiful Bahri Md Radzi pada tahun 2015 yang bertajuk “Makan Dan Makanan Dalam Kesusasteraan Melayu”. Menerusi kajiannya yang meneliti bagaimana makanan tempatan dijadikan unsur naratif dalam cerpen dan puisi Melayu kontemporari untuk mengangkat nilai tempatan dalam bentuk simbolik dan estetik. Menerusi kajiannya lagi menunjukkan bahawa penggambaran makanan bukan sekadar bersifat deskriptif tetapi sarat dengan makna tersirat. Namun yang lebih menarik lagi kajian tersebut turut menekankan bagaimana makanan boleh

memperkukuhkan tema lokaliti dan nasionalisme budaya dalam karya sastera. Oleh hal yang demikian dapat dirumuskan bahawa gastronomi mampu menjadi jalinan utama dalam penyampaian makna yang mendalam selaras dengan nilai-nilai budaya dan keindahan negeri Kelantan.

Menerusi sebuah artikel jurnal oleh Juliana Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan dalam kajiannya yang bertajuk “Refleksi Gastronomi Dalam Komunikasi : Analisis Semantik Inkuisitif” menerangkan bahawa gastronomi adalah tentang hubungan budaya dan makanan. Kajiannya memfokuskan terhadap cara masyarakat Melayu mengkomunikasikan objek makanan sebagai unsur gastronomi melalui peribahasa sekaligus mencungkil falsafah dan akal budi Melayu yang terkandung di dalamnya. Penggunaan peribahasa telah menjadi budaya orang Melayu secara turun-temurun. Penerokaan unsur peribahasa bertujuan mendedahkan penutur bahasa Melayu dengan kebijaksanaan dalam berkomunikasi meskipun dengan makna implisit. Orang Melayu akan menyampaikan mesej dengan gaya yang paling sopan dengan berselindung di sebalik tutur kata yang manis biarpun yang hendak dikatakan itu kurang menyenangkan. Dalam kajiannya diberikan tumpuan berdasarkan dua unsur makanan iaitu panas dan sejuk. Oleh hal yang demikian, aspek pemakanan yang ditonjolkan melalui peribahasa menunjukkan kajian gastronomi bukan sekadar seni memasak namun merangkumi pelbagai komponen budaya yang menjadikan makanan sebagai paksi penelitian.

Selain itu, kajian lepas yang dibuat oleh Shaik Azahar Bin Shaik Hussain pada tahun 2017 yang bertajuk “Pelancongan Gastronomi dan Hubungkait Dengan Makanan Tradisional” menjelaskan bahawa imej makanan sesuatu kawasan atau tempat itu mempunyai kuasa tarikan yang baik untuk menarik minat para pelancong untuk berkunjung di kawasan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana bukan hanya melihat gambar di sosial media sahaja bahkan bercakap tentang makanan tradisional juga merupakan satu bentuk tarikan kepada pelancong untuk datang berkunjung dan mencuba makanan tersebut. Kajian ini memfokuskan kepada aspek penginapan dan faktor mempengaruhi motivasi pelancong untuk melancong dan mengembara. Melalui kajiannya lagi menjelaskan bahawa makanan ini telah dianggap sebagai warisan kerana sesuatu budaya itu dapat dilihat dan dipelajari melalui makanan.

Berdasarkan kajian lepas melalui artikel yang dibuat oleh Izati Nabila Marzuki, Nurul aisyah Othman, Nor Asmidayu Mohammad Fauzi dan Sahrudian Mohamed Som (2024) yang bertajuk “Eksplorasi Gastronomi Kelantan Melalui Rekaan Tipografi Digital” telah memberikan perspektif yang relevan dalam memahami bagaimana elemen gastronomi Kelantan dapat diinterpretasikan dan dipromosikan melalui medium visual digital khususnya tipografi. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa makanan tradisional Kelantan yang kaya dengan pengaruh budaya Thai dan Cina dijadikan asas dalam rekaan tipografi digital untuk meningkatkan keterlihatan dan daya tarikan makanan tersebut dalam konteks media baharu. Dalam konteks puisi, pendekatan ini sejajar dengan usaha untuk mendokumentasikan keunikan budaya Kelantan melalui karya sastera dimana makanan sering menjadi simbol budaya yang penting. Justeru, dapat disimpulkan bahawa makanan

dalam puisi bukan sekadar latar malah sebagai lambing tradisi dan pengalaman kolektif sesebuah masyarakat.

2.2.4 LAMAN SESAWANG

Menurut Afif Zulhusni dalam Wadahdbp (2024) yang bertajuk “Gastronomi Sirih dalam Pantun Melayu” meneliti sirih dalam pantun Melayu dan mendapati bahawa sirih bukan sekadar elemen makanan tetapi sebagai simbol kasih sayang dan hubungan sosial dalam masyarakat Melayu. Dalam pantun, sirih sering dikaitkan dengan adat meminang dan melambangkan kesopanan serta kehalusan budi pekerti. Kajian ini menunjukkan bahawa makanan dalam pantun bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan bahasa tetapi juga sebagai medium komunikasi budaya dan identiti masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian dapat dirumuskan bahawa kajian gastronomi terhadap pantun Melayu membolehkan pemahaman lebih luas tentang bagaimana masyarakat Melayu memaknakan makanan bukan hanya dari sudut jasmani tetapi juga rohani dan simbolik.

2.3 KAJIAN LEPAS MENGANAI PUISI KEINDAHAN NEGERI KELANTAN

2.3.1 TESIS

Menurut Nirhoshan Vharmhan Nair (2023), dalam kajian beliau yang bertajuk *Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan Dalam Teks Syair Kesultanan Melayu Kelantan: Satu Penelitian Dokumentasi* menjelaskan berkenaan dengan maksud tersirat yang terdapat dalam sekumpulan syair adat istiadat seperti istiadat melenggang perut, istiadat bersalin, istiadat pijak tanah, istiadat menanam tembuni serta istiadat belah mulut. Selain itu, kajian ini menyatakan kepentingan pengalaman adat istiadat yang diwarisi secara turun-temurun. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif semasa melakukan kajian ini iaitu menggunakan

kaedah analisis teks dan ia dibantu dengan penggunaan Teori Sastera Budaya. Berdasarkan kajian ini, hasil kajian mendapati bahawa di dalam syair-syair adat istiadat tersebut terdapatnya unsur-unsur budaya yang tersendiri.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik (2022), dalam kajian beliau yang bertajuk *Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni* menyatakan berkenaan mengenalpasti serta menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks yang telah pengkaji pilih. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ini memilih menggunakan kaedah kepustakaan, rujukan teks dan dokumen untuk memperolehi maklumat yang diinginkan. Teori Pengkaedahan Melayu juga pengkaji gunakan sebagai satu perkara penting untuk melakukan pembuktian melalui teori. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu yang terdapat dalam teks ini memberikan kesan yang begitu tinggi terhadap pembentukan budaya Masyarakat Melayu itu sendiri kerana mampu untuk mengubah nilai moral dan jati diri Masyarakat Melayu yang bergelar insan.

Menurut Wan Siti Azahayu Binti Wan Mohamed (2022) dalam tesis kajian beliau yang bertajuk *Estetika Puisi Terpilih Karya Penyair Wanita Melayu Abad Ke-20* dijalankan bertujuan untuk meneroka serta mengenalpasti kesemua puisi-puisi yang telah dipilih oleh beliau berdasarkan penyair-penyair Wanita seperti Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Siti Zaleha M. Hashim dan Salmiah Ismail yang mana ia berteraskan aspek estetika dan keindahan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana pengkaji melakukan penelitian serta merujuk teks-teks syair penulis wanita tersebut. Kajian ini berpandukan dua teori

penting iaitu Teori Puitika Sastera Melayu yang dipelopori oleh Muhammad Haji Salleh bagi mengenalpasti ciri-ciri keindahan dan Teori Rasa Fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz digunakan bagi menilai kehadiran rasa indah pada khalayak terhadap puisi-puisi tersebut. Hasil kajian yang diperolehi boleh diungkapkan bahawa hanya lima orang penyair Wanita Sahaja yang terpilih kerana puisi-puisi ciptaan mereka ini berjaya memberikan unsur keindahan seperti mana ciri-ciri yang terdapat dalam Teori Puitika Sastera Melayu.

2.3.2 BUKU

Menurut Nor Azmi (2024), dalam karya beliau yang bertajuk Antologi Puisi Dialek Kelantan Bbaghie menceritakan berkenaan dengan budaya dan nilai yang dimiliki oleh sekelompok masyarakat di kawasan tertentu. Berdasarkan karya ini ia lebih merincikan terhadap nilai dan budaya masyarakat yang terdapat di Kelantan. Pengarang menulis karya ini bertujuan untuk memberikan gambaran berkenaan dengan aspek budaya, alam sekitar yang terdapat di negeri Kelantan, cara kehidupan masyarakat Kelantan, kesenian serta watak-perwatakan yang diungkapkan dalam bentuk puisi atau prosa di dalam karya ini. Kelantan yang boleh dikatakan terkenal dalam bidang kesusasteraan secara lisan seperti ungkapan-ungkapan sastera yang diucapkan dalam permainan tradisional wayang kulit, main puteri dan dikir barat adalah merupakan asas terhasilnya pengarang karya ini. Daripada karya ini ia akan meninggalkan kesan yang mendalam difikiran pembaca yang mana penciptaan karya ini membawa kepada kesan serta pencerahan yang lebih meluas terhadap budaya serta nilai yang terdapat di negeri Kelantan.

Karya yang dihasilkan oleh A. Aziz Deraman (2014), yang bertajuk Suara Gunung Kehidupan telah mempamerkan kepada Masyarakat kematangan seseorang penulis puisi yang menulis karya yang begitu baik hasil daripada penggunaan gaya bahasa sastera yang

begitu tinggi, puitis dan senang untuk difahami pembacanya. Di dalam buku ini, ia memperlihatkan kepada pengkaji sebuah puisi yang terhasil daripada pengalaman penulis itu sendiri iaitu A. Aziz Deraman. Hal ini dikatakan demikian kerana terciptanya 125 puisi ini tercetus semasa beliau melakukan kembara atau bercuti ke luar negara. Ilham semasa bercuti dengan pengamatan beliau semasa bercuti ke luar negara telah membawa kepada terhasilnya puisi berkenaan dengan politik, agama, seni, budaya, kemsyarakatan, jati diri, semangan patriotik dan lain-lain. Hasil pengamatan puisi ini, didapati bahawa jika pengkaji membacanya dengan sebaik mungkin ia memberi kesedaran kepada pengkaji bahawa terdapat hal-hal yang boleh dicontohi dari negara luar dari sudut politik contohnya. Lalu, ada yang tidak seharusnya diterapkan di negara kita walaupun negara luar mengamalkannya.

2.3.3 ARTIKEL JURNAL

Kajian yang dilakukan oleh Nordiana Binti Ab Jabar (2017), dalam kajiannya yang bertajuk Dikir Laba Imejan “Sek Kito” Di Kelantan. Persembahan Dikir Laba boleh dikategorikan sebagai kelompok puisi dikir dan kajian ini memfokuskan berkenaan dengan nilai estetika yang terdapat pada puisi Dikir Laba sehingga ia menjadi satu simbol kekuatan “sek kito” di negeri Kelantan. Kaedah kajian yang digunakan ialah menggunakan kaedah kualitatif yang mana pengkaji menggunakan proses pemerhatian dan menjalankan aktiviti turun lapangan untuk memperoleh serta menganalisis semua data yang diperolehi dalam kajian ini dengan mengadaptasi istilah “Sek Kito” bagi menjelaskan konsep perpaduan. Hasil kajian mendapati bahawa kajian ini akan memberikan kesedaran kepada masyarakat atau rakyat Kelantan bahawa Dikir Laba ini merupakan warisan budaya tidak ketara yang perlu diangkat darjatnya supaya setaraf dengan puisi-puisi tradisional yang lain.

Menurut Liliy Salwani Razali dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2019), dalam kajiannya yang bertajuk *Puisi Lisan: Pemerkasaan Warisan Bangsa Melayu* menjelaskan berkenaan dengan kepelbagaian fungsi puisi lisan Melayu serta bagaimana fungsi tersebut diwujudkan dalam suasana masyarakatnya yang bersifat tradisi. Kaedah kualitatif digunakan untuk menghasilkan kajian ini kerana pengkaji menggunakan puisi-puisi lisan yang sedia ada seperti pantun, teromba dan lain-lain sebagai sumber untuk memperoleh maklumat berkenaan fungsi-fungsi tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa setiap bait-bait atau rangkap-rangkap yang terdapat dalam teks puisi lisan tersebut telah membuktikan keperkasaan warga Melayu dalam membentuk ketamadunan bangsa Melayu melalui puisi lisan itu sendiri.

Menurut Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017), dalam kajian mereka yang bertajuk *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* menyatakan berkenaan dengan penganalisan jati diri Melayu dalam puisi *Suara Gunung Kehidupan* dan *Gelora Nurani*. Kajian ini mengetengahkan kepentingan berkenaan dengan jati diri yang mantap dapat membentuk ketatasusilaan, kebijaksanaan dan pekerti bangsa Melayu dan membicarakan berkenaan dengan cabaran globalisasi semasa menghadapi polemik yang mampu mengubah jati diri sesuatu bangsa. Kaedah kajian yang digunakan semestinya menggunakan kaedah kualitatif kerana terdapatnya kaedah analisis kandungan serta analisis kajian yang menggunakan bantuan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Daripada ketiga-tiga aspek utama jati diri yang kemukakan iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, aspek agama dan aspek budaya, hasil kajian mendapati bahawa daripada ketiga-tiga aspek ini membawa kepada ketulenan

jati diri Masyarakat Melayu di dalam puisinya berperanan sebagai nasihat, memberi peringatan dan berupaya memberikan manfaat kepada masyarakat Melayu itu sendiri.

Menurut Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2015), dalam kajian yang bertajuk *Pemikiran Melayu Tentang Ilmu Dan Adab Dalam Puisi Melayu Tradisional* membincangkan konsep pemikiran Melayu yang mempunyai kaitan dengan ilmu dan adab secara tersirat jika ia dikaji satu persatu berdasarkan puisi Melayu tradisional seperti pantun, peribahasa dan syair. Kajian ini juga menyatakan hubungan diantara ilmu dan adab dengan bahasa dan pemikiran yang terdapat dalam puisi Melayu serta hubungan ilmu dan adab dengan bahasa dan pemikiran dalam syair Melayu. Kedua-dua perkara ini membawa kepada hasil kajian yang boleh disama ertikan sebagai perantara dalam menyampaikan sesuatu pemikiran berkenaan dengan Masyarakat Melayu melalui puisi mahupun syair. Penggunaan Bahasa yang indah serta diselimuti dengan ilmu dan adab menjadikan kedua-dua perkara ini berfungsi sebaik mungkin dalam meninggalkan kesan serta makna yang begitu sarat isi kandungannya.

2.3.4 LAMAN SESAWANG

Menurut Salman Sulaiman dalam *Tunas Cipta* (2021) yang bertajuk “*Sekilas Ceritera Sastera Negeri Kelantan*” menjelaskan bahawa puisi yang bertemakan negeri berperanan dalam membina rasa kecintaan terhadap tempat asal melalui bahasa yang indah dan simbolisme budaya. Dalam puisi, penyair berupaya menghidupkan semula kenangan, suasana dan semangat sesuatu tempat tersebut melalui imejan yang kaya dan gaya bahasa yang menyentuh rasa. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang digunakan bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyampaian tetapi sebagai interaksi emosi antara penyair dan pembaca serta menyatukan nilai-nilai budaya setempat yang mempunyai unsur keindahan

yang boleh diterima oleh masyarakat seluruh dunia. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa keistimewaan puisi bertemakan negeri adalah keupayaannya mendekatkan pembaca dengan akar budaya dan menghidupkan warisan tempatan melalui larik-larik bahasa yang berjiwa.

2.4 KAJIAN LEPAS MENGENAI TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU

2.4.1 TESIS

Menurut Nurzahila Binti Abu Bakar (2024) menerusi tesisnya yang bertajuk “Genius Masyarakat Dalam Penciptaan Teka-Teki Menggunakan Teori Puitika: Kajian Pantun Pak Nazel Berirama Dengan Teka-Teki” yang bertujuan untuk merungkai kegeniusan masyarakat Melayu dalam penghasilan pantun teka-teki. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak kajian yang dilakukan hanya tertumpu kepada pantun sahaja dan kurang pendedahan mengenai pantun teka-teki ini yang sarat dengan ilmu pengetahuan dan pengajaran yang boleh diambil oleh masyarakat. Melalui kajian ini juga kegeniusan itu diukur berdasarkan setiap perkataan yang mampu memberikan makna yang mendalam dan ianya berdasarkan aspek kebijaksanaan yang menggunakan Konsep Perkataan yang Indh-Indh oleh Muhammad Haji Salleh.

Siti Nur Syakira (2023) yang bertajuk Nilai Estetika dalam Pantun Kanak-Kanak Adik Sayang Pantun: Penerapan Puitika Sastera Melayu yang mengkaji pantun kanak-kanak yang mempunyai estetikanya melalui teori Puitika Sastera Melayu. Nilai estetika yang terdapat dalam kajian adalah keindahan imaginasi manusia yang mampu mentafsir sesuatu perkara atau bidang tertentu dengan mengetahui ciri-ciri estetika yang digunakan malah nilai estetika dan keindahan hadir berdasarkan pemikiran pengarang dalam menyampaikan makna

dalam pantun yang dihasilkan. Pantun kanak-kanak yang dihasilkan merupakan pengajaran serta pembelajaran bagi tumbesaran kanak-kanak.

Abdul Halim Ali (2011) kajian yang bertajuk Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional yang menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh dan I.V. Braginsky bagi idea estetika iaitu erti keindahan dalam kesusasteraan tradisional. Kajian ini mengkaji perbezaan yang ketara diantara kedua-dua tokoh yang memberi konsep terhadap keindahan dalam kesusasteraan tradisional disebabkan perbezaan pendekatan. Keindahan dalam pantun seakan memberi gambaran secara awal terhadap konsep dan makna sastera Melayu tradisional (Muhammad Haji Salleh, 2000). Oleh itu, memberikan pandangan yang berbeza mengikut teks sastera mengikut unsur-unsur yang mempengaruhi dan keindahan dalam kesusasteraan Melayu. Analisis ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua idea ini menjadi asas akademik untuk memahami makna keindahan dalam sastera Melayu dari dua persektif yang berbeza.

Kajian bertajuk Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkasan Pertama oleh Eizah Mat Hussain (2016) menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu yang diasaskan oleh Muhammad Haji Salleh. Pendekatan ini dipilih kerana pengkaji menekankan prinsip Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu bagi menganalisis pantun dari sudut simbolik dan maknanya. Tiga sub-prinsip utama yang diketengahkan ialah penggunaan kiasan, pepadatan dunia yang luas dan konsep dunia yang berjodoh yang kesemuanya menonjolkan keindahan dalam pantun Melayu. Hal ini demikian kerana sebahagian pantun mengandungi makna yang sukar difahami dan menjadikan ia mencabar untuk ditafsir oleh masyarakat. Simbol-simbol yang digunakan dalam pantun seperti unsur tumbuhan dan haiwan sering membawa maksud yang tersurat dan tersirat yang memerlukan pemahaman mendalam. Oleh

itu, pengkaji menegaskan bahawa untuk memahami pantun Melayu, masyarakat perlu menelusuri simbolik dan maknanya yang berkait rapat dengan cara fikir orang Melayu.

Seterusnya, kajian bertajuk Estetika dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau, Indonesia oleh Efrizal A.S (2012) bertujuan untuk menghimpunkan pelbagai elemen daripada teori Puitika Sastera Melayu. Kajian ini turut menggabungkan pendekatan yang dikemukakan oleh Braginsky (1998) serta pandangan Sidi Gazalba (2002). Penulisan ini memberi tumpuan kepada aspek estetika dalam konteks sosial dan budaya masyarakat khususnya berkaitan dengan fungsi penceritaan, analisis terhadap khalayak serta penggunaan bahasa yang indah. Dalam analisisnya, pengkaji menerapkan prinsip Khalayak di Serambi Pentas daripada teori Puitika Sastera Melayu sebagai asas perbincangan.

2.4.2 BUKU

Muhammad Haji Salleh (2000) dalam bukunya Puitika Sastera Melayu menjelaskan bahawa Teori Puitika Sastera Melayu ini bertunjangkan kepada falsafah dan konsep keindahan yang terpancar dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Melalui bukunya beliau mengangkat nilai estetika tempatan yang lahir daripada pengalaman hidup, pemikiran dan kepercayaan Melayu yang kaya dengan simbolisme, adat serta sistem nilai yang unik. Keindahan dalam sastera Melayu bukan sahaja wujud dalam bentuk gaya bahasa yang indah seperti penggunaan pantun, metafora, simile dan perumpamaan tetapi juga terpancar dalam falsafah hidup yang cuba disampaikan melalui karya-karya tersebut. Dalam bukunya juga Muhammad Haji Salleh juga turut menekankan bahawa unsur keindahan dalam sastera Melayu sangat rapat kaitannya dengan kegiatan masyarakat, budaya, kehidupan, sejarah serta alam sekitar yang membentuk jati diri sesuatu bangsa. Oleh hal yang demikian, Teori Puitika Sastera Melayu ini mengajak pembaca dan pengkaji untuk meneliti kesusasteraan Melayu

bukan hanya melalui teks sahaja malah turut mempertimbangkan dalam konteks sosiobudaya yang ada di dalamnya.

2.4.3 ARTIKEL JURNAL

Kajian yang dilaksanakan oleh Goh Hin San dan Azhar Wahid (2021) telah menganalisis pantun Melayu gubahan Loo Mun dengan menggunakan pendekatan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh. Dalam kajian ini penekanan utama diberikan kepada aspek keindahan bahasa serta nilai-nilai murni yang terserap dalam struktur dan makna pantun. Keindahan dalam pantun bukan sahaja terletak pada pemilihan kata dan rima yang indah tetapi juga dalam penyampaian mesej yang bersifat mendidik dan memperkukuh jati diri masyarakat. Melalui kajian ini juga telah membuktikan bahawa karya sastera seperti pantun bukan hanya berfungsi sebagai hiburan malah turut menjadi wahana untuk merakamkan pandangan hidup dan identiti budaya sesebuah masyarakat. Justeru, penggunaan Teori Puitika Sastera Melayu dalam menganalisis teks pantun membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap elemen-elemen keindahan dan nilai budaya yang terkandung dalam puisi Melayu tradisional serta mencerminkan kehidupan masyarakat dan persekitaran tempatan.

Seterusnya, menerusi artikel yang dibuat Hashim Ismail (2019) dalam kajiannya yang bertajuk “Teori Puitika Sastera Melayu : Interpretasi dan Praktikaliti” menilai Teori Puitika Sastera Melayu sebagai satu pendekatan teori sastera tempatan yang unik dan berakar umbi dalam kebudayaan serta pemikiran Melayu tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana teori puitika sastera melayu dilihat sebagai suatu wacana yang bukan sahaja sesuai diterapkan dalam menganalisis karya-karya sastera klasik malah ianya juga relevan untuk meneliti karya kontemporari yang masih mengangkat nilai estetika Melayu. Menerusi

kajiannya beliau menghuraikan bahawa teori puitika sastera Melayu ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti penekanan kepada unsur keindahan dalam penceritaan, penggunaan bahasa yang kaya dengan metafora budaya serta penghayatan terhadap pandangan hidup masyarakat Melayu yang berpaksikan nilai, adat dan alam. Oleh hal yang demikian, kajiannya memberi sumbangan penting dalam memperkukuh kedudukan teori puitika sastera Melayu sebagai suatu kerangka teori yang bukan sahaja stabil tetapi relevan dalam memperkasa kajian sastera Melayu ke arah yang lebih beridentiti dan berwibawa dalam wacana ilmu serantau dan global.

Menurut artikel oleh Ab Jabar, N. ., Suliman, M.S. ., Sukri, S. ., Radzuan, A. W. ., & Muhammad Apandi, S. N. A. yang ditulis pada tahun 2022 bertajuk “Pembentukan Jati Diri Di Kanak-Kanak Melalui Teks Adik Sayang Pantun” menerangkan tentang Pantun Kanak-Kanak bukan sahaja menghiburkan malah mengajar dan mendidik serta dapat membentuk jati diri kanak-kanak menjadi insan yang berakhlak mulia. Pantun Kanak-Kanak juga muncul dalam bentuk biasa apabila kanak-kanak membesar yang lebih suka bahasa yang jelas dan berirama. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti pantun yang membentuk jati diri kanak-kanak dalam teks Pantun Adik Sayang dan menganalisis keindahan pantun kanak-kanak berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu. Justeru, teori puitika Sastera Melayu ini merupakan sebuah teori kesussasteraan yang memfokuskan kepada bahasa yang digunakan dalam sesebuah karya sastera.

Menerusi artikel kajian lepas yang dibuat oleh Nur Hikmahtul Aiman Kamarulzaman dan Mohd Norizam Jamian (2023) dalam tajuknya “Keindahan Luaran Gurindam Jiwa Penawar Duka Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu” membincangkan tentang keindahan gurindam yang merupakan puisi tradisi masyarakat Melayu sejak dulu lagi. Objektif kajian

ini adalah untuk menganalisis ciri-ciri keindahan luaran yang terdapat dalam puisi tersebut menggunakan Teori Puitika Saatera Melayu. keindahan luaran itu dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa. Kajian ini menggunakan kaedah Kualitatif dalam menganalisis teks Gurindam Jiwa Penawar Duka karya Minuddin Mansor (2018). Melalui kajian ini kesemua gurindam yang terpilih telah berjaya memberikan bentuk keindahan tersurat yang terdapat dalam gurindam Melayu. Secara tidak langsung bentuk keindahan ini membuktikan bahawa keindahan luaran dalam karya merupakan ciri terpenting dalam puisi tradisi gurindam.

Kajian artikel bertajuk Hikayat Char Darwis: Kajian berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Khatijah Mohamad Yatim (2016) meneliti elemen keindahan dalam karya tersebut dengan menumpukan kepada prinsip Perkataan yang Indah-indah dalam teori Puitika Sastera Melayu. Pengkaji memberi perhatian kepada penggunaan gaya bahasa sastera, sikap merendah diri pengarang dalam penyampaian mesej, serta kehalusan dan kesempurnaan bahasa yang digunakan. Setiap unsur yang dianalisis disesuaikan dengan prinsip yang dipilih bagi menampilkan keistimewaan sastera Melayu dari sudut pandang yang lebih mendalam. Kajian ini menjadikan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh sebagai kerangka utama dalam perbincangan

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi Kajian adalah merupakan kaedah dan teknik untuk mereka bentuk kajian, mengumpul dan menganalisis data bagi menghasilkan bukti untuk menyokong sesebuah kajian atau penyelidikan. Metodologi akan menerangkan bagaimana sesuatu masalah diteliti dan mengapa kaedah dan teknik tertentu digunakan untuk mendapatkan sesebuah data kajian yang berguna. Tujuan metodologi dilakukan adalah untuk menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas dalam mengaplikasikan sesebuah kaedah dengan menerangkan proses kajian yang dilakukan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, metodologi ditakrifkan sebagai satu sistem yang meliputi kaedah serta prinsip yang diaplikasikan dalam sesuatu bidang atau aktiviti. Oleh yang demikian, metodologi dapat difahami sebagai pendekatan, jenis, teknik, gaya, variasi, rentak, corak dan sistem yang digunakan. Ia juga membawa maksud ilmu atau pengetahuan berkaitan kaedah yang diguna pakai dalam melaksanakan sesuatu kajian bagi mencapai objektif tertentu. Antara perkara utama yang diberi perhatian dalam perbincangan bahagian ini ialah bagaimana responden diperoleh, kaedah pengumpulan data dan maklumat daripada responden, serta teknik yang digunakan dalam pemprosesan dan penyampaian data kajian.

Seterusnya, Nyoman Kutha Ratna (2010) menjelaskan bahawa metodologi merangkumi satu kerangka saintifik yang mencerminkan kemahiran penyelidik dalam mengenal pasti kaitan sesuatu pendekatan dan mempertimbangkan kaedah lain yang berkaitan dengan kajian tersebut, sama ada kaedah itu masih relevan atau tidak. Dari sudut

proses, metodologi merujuk kepada fungsi dan peranannya dalam sesebuah kajian yang dijalankan. Secara keseluruhan, metodologi merupakan satu bentuk pendekatan kerja yang berpaksikan kepada persoalan asas iaitu “apakah tujuan kajian ini dilaksanakan?”. Tambahan pula, Sabitha Marican (2005) serta Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali (2012) sependapat bahawa metodologi merujuk kepada cara kajian dilaksanakan terhadap sesuatu tajuk berdasarkan satu sistem atau disiplin yang teratur. Pendekatan ini penting untuk menjadi panduan dalam memastikan perjalanan kajian berlangsung secara tersusun, dengan matlamat utama menghasilkan penyelidikan yang mantap, berkualiti dan berteraskan prinsip ilmiah. Dalam bab ini pengkaji membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian “Gastronomi Dalam *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan Melalui Penelitian Teori Puitika Sastera Melayu*”. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif kualitatif. Cara pengumpulan data bagi kajian ini melalui analisis teks, kaedah kepustakaan dan kaedah internet. Metodologi kajian yang digunakan adalah penting kepada penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji dalam mendapatkan cara yang paling sesuai dan berkesan untuk menjawab persoalan dan permasalahan kajian. Oleh hal yang demikian, penyelidikan mesti dijalankan secara sistematik dan bersih agar boleh dipercayai serta dibuktikan dengan jelas.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Sulaiman Masri (2003) reka bentuk kajian ini adalah proses merancang sesuatu kajian bagi membuat pemilihan mengenai cara-cara penyelidikan yang bersesuaian bagi

memperoleh jawapan terhadap masalah kajian yang ditetapkan. Reka Bentuk merupakan kerangka sesebuah kajian untuk mengumpul dan menganalisis data. Terdapat dua reka bentuk kajian yang ada dan boleh dipilih untuk melakukan sesuatu kajian iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Dengan mengambil kira kesemua aspek yang terdapat dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini adalah membawa kepada menganalisis bahan bacaan dan dengan itu kaedah kualitatif adalah cara yang begitu sesuai menjalankan kajian dalam mengesan elemen gastronomi yang terdapat dalam teks *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Kaedah yang digunakan sesuai bagi memperoleh jawapan kepada setiap persoalan yang timbul supaya objektif kajian tercapai.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Bagi pengkaji kaedah kualitatif adalah kaedah kajian yang tidak menggunakan pencarian maklumat secara statistic atau penomboran. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah ini adalah lebih kepada pencarian maklumat data berdasarkan teks *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* semata-mata. Namun terdapat juga pencarian data yang lain seperti merujuk teks-teks, jurnal, artikel dan lain-lain bahan rujukan berbentuk tulisan dan juga hujahan juga terkandung dalam kaedah kualitatif ini.

Kaedah kualitatif terhasil daripada data deskriptif sama ada ia diperoleh dalam bentuk kata-kata lisan ataupun tulisan yang menjelaskan perilaku, reaksi, interaksi dan komunikasi sekelilingnya (Bogdan dan Taylor, 2004). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk memahami dan menilai elemen gastronomi yang terkandung dalam pantun khususnya dalam

konteks budaya dan tradisi masyarakat Kelantan. Kaedah kualitatif ini dipilih untuk meneliti secara mendalam aspek-aspek budaya yang tersirat dan tersurat dalam teks pantun. Kajian ini tidak hanya memfokuskan kepada elemen-elemen gastronomi sebagai elemen sastera tetapi juga sebagai refleksi identiti masyarakat dan daya tarikan pelancongan gastronomi

3.2.2 Dokumentasi

Kaedah dokumentasi adalah suatu pendekatan dalam penyelidikan yang melibatkan penggunaan dan analisis dokumen sebagai sumber data. Dokumen dalam konteks ini merujuk kepada bahan tertulis atau bahan lain yang boleh memberikan maklumat yang relevan untuk kajian. Kajian ini menekankan kepada kaedah dokumentasi terhadap penelitian teks. Analisis yang akan dilakukan adalah terhadap teks *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah analisis ini ditekankan kepada bahagian tertentu sahaja oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai sumber rujukan semasa melaksanakannya. Oleh itu, pengkaji akan lebih meneliti dalam melakukan kajian ini untuk menjadi bukti menjurus kepada panduan objektif kajian yang akan dicapai.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.3 CARA PENGUMPULAN DATA


Cara pengumpulan data merupakan satu kaedah bagi mengumpul segala data dan maklumat berkaitan topik kajian. Bagi kaedah ini sumber utama data ialah teks puisi daripada buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* yang dipilih berdasarkan keberadaan unsur makanan tradisional, adat resam pemakanan dan budaya kuliner masyarakat Kelantan dalam puisi tersebut. Setiap puisi yang mengandungi rujukan langsung atau tidak langsung kepada aspek gastronomi dianalisis dan dicatat dengan teliti. Seterusnya, data deskriptif juga diperoleh melalui bahan kepustakaan seperti buku, majalah jurnal, tesis dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian misalnya dari aspek gastronomi melalui penelitian kajian-kajian yang lepas dalam pelbagai medium begitu juga dengan aspek Teori Puitika Sastera Melayu yang dikaji. Data ini turut diperolehi melalui laman sesawang dengan mengakses internet. Menurut Asep Sudarsyah (2013) tujuan pengumpulan data adalah untuk mendapatkan data yang tepat, boleh dipercayai dan relevan bagi menjawab persoalan kajian atau mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

3.3.1 Analisis Dokumen

Analisis dokumen adalah proses sistematik yang dijalankan untuk mengumpul, menilai dan mentafsir maklumat yang terkandung dalam dokumen atau teks bertulis yang relevan dengan penyelidikan atau kajian yang dijalankan. Tutik Rachmawati (2017), dokumen yang boleh dianalisis termasuk artikel jurnal, laporan penyelidikan, buku, akhbar, dasar awam, dokumen syarikat, rekod sejarah dan banyak lagi. Pentingnya kaedah penganalisan dokumen dilakukan terlebih dahulu agar dapatan data yang diperolehi akan dianalisis dengan begitu baik supaya tiada bahan yang tidak berkaitan dengan tajuk dan analisis berkenaan dengan elemen gastronomi tepat dan sahih sumber datanya. Kaedah ini memberi tumpuan kepada

dokumen-dokumen bercetak dan digital yang bersifat ilmiah, budaya dan sastera seperti buku teks sastera, tesis, jurnal, laporan seminar, serta artikel. Di bawah analisis dokumen ini, pengkaji telah memilih beberapa bentuk bahan rujukan dan kajian seperti teks, artikel, jurnal, tesis, buku dan sumber internet. Kesemua bahan ini menjadi penyumbang utama dalam kajian yang dilakukan berdasarkan tajuk ini kerana bahan-bahan ini senang diperoleh dan memudahkan pengkaji mengesan elemen gastronomi dalam teks *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*.

3.3.1.1 Analisis Teks/Novel/Buku



Rajah 3.1: Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan

Kaedah analisis teks dalam tajuk kajian yang dibuat melibatkan penelitian yang mendalam terhadap kandungan puisi-puisi terpilih iaitu Pantun dalam buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* tersebut yang berkaitan dengan unsur gastronomi. Analisis ini dilakukan melalui pembacaan berulang dan pemilihan puisi yang menyentuh aspek makanan tradisional, penyediaan makanan serta makna simbolik makanan dalam konteks budaya Kelantan. kaedah ini

membolehkan pengkaji meneliti teks sastera secara dekat dengan memberi tumpuan kepada aspek striktur, gaya bahasa, kandungan serta nilai-nilai yang terkandung dalam sesebuah puisi. Hasil daripada teks puisi ini pengkaji mengesan dan memfokuskan puisi tradisional sahaja iaitu Pantun yang terkandung elemen gastronomi didalamnya. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti secara langsung bagaimana elemen gastronomi diterapkan oleh penyair dalam bentuk kiasan, simbol, metafora, atau penyampaian secara literal yang menggambarkan makanan tradisional, budaya jamuan dan unsur warisan kuliner masyarakat Kelantan. Kaedah analisis teks juga melibatkan pembacaan berulang terhadap puisi yang dikaji bagi menangkap nuansa makna, memahami konteks budaya yang tersirat, serta mengaitkan simbol makanan dengan struktur naratif dan estetik puisi tersebut. Teknik ini memberi peluang kepada penyelidik untuk membongkar lapisan makna dalam puisi dan menilai sejauh mana unsur gastronomi berjaya difungsikan sebagai elemen pengukuh mesej sastera.

3.3.1.2 Artikel/Jurnal/Tesis

Seterusnya, bagi artikel, jurnal dan tesis pula data-data yang diperoleh adalah juga merupakan hasil dari pembacaan yang dilakukan berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para sarjana atau pengkaji yang lain. Kesemua artikel, jurnal, dan tesis yang diambil adalah kajian di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah. Bahan-bahan kajian ini dijadikan rujukan dan dianalisis oleh pengkaji dalam menyesuaikan dengan tajuk kajian yang dibuat. Pengkaji meneliti kandungan setiap artikel dan tesis terpilih secara teliti untuk mengenal pasti pendekatan metodologi, dapatan berkaitan unsur makanan dalam karya sastera serta nilai budaya yang diketengahkan. Maklumat yang diperoleh digunakan untuk menyokong hujahan dalam kajian ini, memberi

gambaran terhadap kajian-kajian lepas yang relevan serta membantu mengenal pasti jurang kajian yang ingin diisi melalui penyelidikan ini. kebarangkalian penggunaan data-data yang diperolehi dari kajian para sarjana ini telah membantu dari segi kesahohan berkenaan dengan elemen gastronomi yang dapat dibawa keluar sebagai dapatan kajian untuk mencapai objektif kajian ini.


3.3.2 Kaedah Kepustakaan

Menerusi kaedah kepustakaan pula pengkaji membuat penyelidikan di perustakaan yang berdekatan iaitu di Universiti Malaysia Kelantan bagi mengenal pasti buku-buku atau bahan ilmiah yang berkaitan dengan elemen gastronomi yang mengaplikasikan Teori Puitika Sastera Melayu. Menurut Shaffie (1999) kajian kepustakaan merupakan proses pengamatan data-data yang bersifat sekunder dengan pencarian dan pemerolehan kajian-kajian lepas berbentuk dokumen seperti jurnal, artikel dan keratan akhbar. Rekod-rekod sedia ada pula merujuk kepada penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji luar sepertimana yang terdapat pada bahan tesis, projek akhir dan hasil tugas yang sedia ada bagi tujuan pengukuhan idea pengkaji. Oleh itu, melalui kaedah kepustakaan ini pengkaji dapat mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Kaedah ini juga membantu pengkaji mengelakkan pengulangan kajian yang telah dilakukan serta membuka ruang penemuan baharu dalam kajian sastera dan gastronomi tempatan.

3.3.3 Kaedah Internet

Sumber internet merupakan sumber sekunder yang telah membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang begitu banyak dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, kaedah internet juga digunakan dalam kajian ini bagi mengenalpasti bahan-bahan kajian. Pengkaji membuat carian berkaitan jurnal ilmiah dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dapat dijadikan sebagai rujukan dalam memperoleh data dengan lebih sistematik. Contoh kaedah internet yang dapat diakses oleh pengkaji ialah seperti Google Scholar, Myto, Researchgate dan scribd. Ha ini mendatangkan kesan yang begitu baik dari segi pencarian bahan yang membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian ini.

3.4 Analisis Tematik



Rajah 3.2 : Proses Analisis Tematik

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan analisis tematik bagi bertujuan untuk mengenal pasti data serta melaporkan tema dalam data yang dikumpul. Dengan kata lain, kaedah analisis tematik merupakan satu kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir corak atau tema yang muncul daripada data yang

dikumpul, Terdapat enam proses analisis tematik iaitu transkripsi, pengkodan, tema, menyusun tema, analisis dan triangulasi data. Menurut buku yang disunting oleh Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, dan Nazirah Hassan (2021) proses tematik ini bermula dengan pengkaji membiasakan diri dengan data yang diperoleh, biasanya melalui pembacaan berulang dan catatan awal. Seterusnya, data yang telah dikumpulkan akan diolah dan disusun ke dalam kategori-kategori yang lebih kecil serta lebih bermakna melalui proses pengkodan. Langkah ini membolehkan penyelidik mengatur dan menstrukturkan data dengan lebih sistematik sekali gus memudahkan proses penafsiran. Setelah proses pengkodan selesai, pengkaji akan mengenal pasti tema-tema utama dalam data iaitu ciri atau pola yang dilihat penting dan signifikan dalam konteks permasalahan kajian. Tema-tema ini akan diteliti dan dikembangkan supaya benar-benar mencerminkan maksud sebenar yang terkandung dalam data. Dalam proses semakan ini, pengkaji akan menilai sama ada sesuatu tema itu masuk akal, disokong oleh data yang kukuh serta mempunyai perbezaan yang jelas berbanding tema-tema lain. Pada peringkat seterusnya, pengkaji akan mengenal pasti inti pati bagi setiap tema dan meneliti hubungan antara tema-tema tersebut serta kaitannya dengan persoalan utama kajian. Fasa akhir dalam kaedah ini ialah penulisan laporan di mana kesemua tema yang telah dikenalpasti dan dianalisis akan disampaikan dalam bentuk penulisan yang sistematik seperti artikel jurnal mahupun laporan penyelidikan. Melalui pendekatan analisis tematik ini, pengkaji dapat mentafsir data kualitatif dengan lebih mendalam bukan sekadar merumuskan maklumat tetapi turut memahami isu yang dikaji secara menyeluruh dan berlapis. Justeru, kaedah ini dilihat fleksibel serta sesuai digunakan dalam pelbagai kajian kualitatif kerana ia tidak terikat kepada mana-mana teori tertentu dan boleh disesuaikan mengikut konteks penyelidikan.

3.5 PENERAPAN TEORI



Rajah 3.3 : Prinsip Teori Puitika Sastera Melayu

Teori sangat penting dalam bidang kajian yang dilakukan kerana dengan penerapan teori kajian ini akan lebih sistematik apabila berlandaskan objektif kajian. Teori dapat membantu pengkaji untuk lebih mudah dalam mengenalpasti dan menganalisis persoalan kajian. Teori yang digunakan adalah bertujuan untuk menjadi garis panduan buat pengkaji supaya kajian yang dilakukan tidak menyimpang daripada objektif utama dan mewujudkan ketidaksamaan

kajian ini dengan kajian-kajian lepas. Teori digunakan dalam kajian adalah untuk mengisi jurang kekosongan kajian yang dikenal pasti berbentuk fakta yang telah diketahui atau menjelaskan perkara-perkara yang masih kabur dalam kajian yang hendak dijakankan. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini pengkaji akan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu sebagai panduan dalam kajian ini.

3.5.1 Teori Puitika Sastera Melayu

Teori Puitika Sastera Melayu ini diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh yang merupakan seorang sasterawan Melayu di Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989. Teori ini berpaksikan kepada konsep keindahan yang mendasari sastera Melayu tradisional. Didapati satu penelitian telah dijalankan terhadap pantun-pantun Melayu sebelum memperkenalkan teori ini dan beliau menemukan pengaruh keindahan yang tergambar dalam pantun Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam membina kerangka teori ini beliau juga mengambil kira tulisan atau pandangan Vladimir I, Engleton dan Bringsky sering dijadikan rujukan untuk memantapkan idealism teoritikalnya. Muhammad Haji Salleh juga percaya bahawa keindahan sastera Melayu mempunyai kaitan dengan budaya, pandangan hidup, sejarah, alam sekitar dan kawasan lingkungannya. Dalam buku *Puitika Sastera Melayu* edisi ketiga Muhammad Haji Salleh (2021) menjelaskan bahawa sastera yang dikaji luas tebarannya dan walaupun terdapat pelbagai ragam dan cara khususnya namun pada akhirnya masih juga berkongsi sebuah tradisi asas yang dapat kita namakan sebagai tradisi sastera Melayu.

Melalui kajian ini, teori Puitika Sastera Melayu digunakan sebagai kerangka utama dalam menganalisis teks puisi yang mengandungi unsur gastronomi. Teori ini mempunyai 8 prinsip iaitu takrif dan istilah, fungsi karya sastera, genre, perkataan yang indah-indah, teks,

memperbaharui pengarang, yang indah-indah : Estetika Sastera Melayu dan khalayak di serambi pentas. Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan 3 prinsip sahaja iaitu fungsi karya sastera, genre dan yang indah-indah : Estetika Sastera Melayu. Ketiga-tiga prinsip ini digunakan sebagai panduan utama dalam menganalisis pantun terpilih dalam teks *Antologi Puisi Keistimewaan Dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Bagi prinsip fungsi karya sastera prinsip ini melihat kepada peranan karya sastera dalam masyarakat. Melalui kajian ini prinsip fungsi karya sastera digunakan untuk meneliti bagaimana puisi-puisi gastronomi menyampaikan makna yang lebih mendalam berkenaan identiti masyarakat Kelantan melalui penyampaian budaya makanan tempatan. Puisi pantun bukan berperanan sebagai hiburan semata tetapi ia juga sebagai medium pengajaran, penyampaian nilai budaya dan pengukuhan jati diri. Kaedah analisis ini dilakukan dengan meneliti bait-bait pantun dan mengenal pasti fungsi dominan dalam setiap teks. Fungsi pantun sebagai alat pendidikan tidak formal dan pemelihara identiti budaya menjadi fokus dalam menilai kekuatan mesej dan relevansinya kepada masyarakat Kelantan. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000) menyatakan dalam bukunya bahawa sastera merupakan alatan dan wadah bangsa Melayu yang terpenting kerana di dalamnya juga terkandung karya-karya agama, adat istiadat, hukum, sejarah, salasilah, perubatan dan sebagainya.


Seterusnya, bagi prinsip genre pula ianya menekankan ciri bentuk dan struktur karya sastera. Genre dalam puisi Melayu tradisional dan moden memainkan peranan yang penting dalam mencerminkan corak penyampaian mesej dan bentuk penyusunan puisi. Genre puisi juga mencerminkan pendekatan dalam menyusun struktur gaya penyampaian serta pengolahan tema makanan tradisional. Dalam kajian ini, prinsip genre diterapkan untuk

mengenal pasti bentuk puisi yang digunakan dalam teks bagi menggambarkan tema gastronomi Kelantan. Kajian ini hanya memfokuskan pada pantun sahaja sebagai genre utama kerana pantun merupakan bentuk puisi Melayu yang paling dominan dan kaya dengan unsur budaya tempatan. Pantun dikaji berdasarkan pembayang dan maksud, penggunaan rima akhir dan kiasan dan perlambangan yang menjadi sebahagian daripada konvensi genre pantun. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000) dalam bukunya *Puitika Sastera Melayu* menyatakan bahawa seorang penggubah pantun akan memilih bentuk empat baris itu dan menyesuaikan ciptaan peribadinya dengan sukatan perkataan, rima dan pembahagian pembayang/maksud bentuk itu. Menurutnya lagi konvensi setiap genre itu berakar, tumbuh dan dibajai seterusnya oleh pengarang-pengarang yang menggunakannya pada zaman awal atau zaman berikutnya. Oleh itu, genre bukan sahaja berperanan dari sudut bentuk tetapi turut mencerminkan kreativiti dan cara mempersembahkan warisan gastronomi kepada khalayak pembaca secara estetik dan bermakna.

Bagi prinsip yang indah-indah : Estetika Sastera Melayu pula melangkaui aspek bahasa dan menekankan kepada keseluruhan keindahan ciptaan sastera Melayu yang meliputi keseimbangan, keharmonian dan kehalusan dalam penyampaian. keindahan ini merangkumi penggunaan gaya bahasa seperti metafora, simile, personifikasi serta diksi yang halus dan berlapis makna. Estetika dalam kajian ini dilihat melalui keindahan bentuk dan isi, kehalusan makna dan kesantunan budaya. Dalam konteks kajian gastronomi dalam teks antologi puisi Kelantan, prinsip ini digunakan untuk meneliti bagaimana penyair memperindah deskripsi makanan tradisional melalui ungkapan berseni yang menyentuh rasa, emosi dan nilai budaya. Estetika ini memperlihatkan kehalusan budi pengarang dalam menyampaikan mesej secara tersirat sekaligus mengangkat puisi sebagai wadah pengucapan seni yang mendalam.

Jelaslah bahawa, melalui penerapan teori ini, pengkaji dapat mengenal pasti bagaimana makanan dalam puisi bukan sahaja diungkap sebagai objek fizikal tetapi turut berperanan sebagai medium puitis yang menghubungkan unsur estetik dengan nilai budaya. Teori ini juga membolehkan pengkaji menelusuri bagaimana puisi berfungsi sebagai wadah untuk memperlihatkan warisan tempatan dalam bentuk yang indah, berstruktur dan sarat dengan makna. Maka, Teori Puitika Sastera Melayu digunakan bukan sahaja untuk memahami struktur dan gaya penulisan tetapi juga untuk meneliti pemikiran, pandangan dunia dan nilai-nilai masyarakat yang disampaikan melalui simbol gastronomi dalam puisi.

3.5.2 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 3.4 Kerangka Konseptual

3.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian terhadap *Gastronomi dalam Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* telah membuktikan bahawa karya sastra tradisional Melayu bukan sekadar menjadi wadah hiburan tetapi juga mengandungi unsur pendidikan dan pengajaran terhadap masyarakat mengenai elemen gastronomi yang mampu mencerminkan identiti masyarakat Kelantan. Kaedah pengumpulan data melalui dokumentasi dan sorotan karya ilmiah menyokong ketepatan pemilihan puisi serta memberi konteks yang lebih menyeluruh terhadap kajian. Penerapan teori yang diguna juga membolehkan analisis dilakukan dengan lebih sistematik dan bersesuaian dengan konteks sastra Melayu yang kaya dengan unsur estetik dan nilai tradisional. Justeru, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini diharapkan dapat memberikan dapatan yang menyeluruh dan bermakna terhadap peranan puisi dalam mendokumentasikan warisan makanan tradisional masyarakat Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini membincangkan tentang dapatan kajian, bahagian dapatan kajian ini memainkan peranan yang sangat penting kerana segala dapatan kajian akan dianalisis dalam bab ini bagi menjawab persoalan objektif kajian yang dikemukakan dalam bab satu. Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada analisis terhadap pantun dalam buku Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan: Serambi Budaya Berkolek Warisan dengan memberi tumpuan kepada elemen gastronomi yang terkandung dalam buku tersebut. Analisis ini dilaksanakan berasaskan teori Puitika Sastera Melayu yang menitikberatkan tiga aspek utama iaitu genre, fungsi karya sastera dan prinsip yang indah-indah yang mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu. Melalui teori ini puisi bukan sahaja dinilai dari sudut estetikanya tetapi juga turut dinilai dari segi falsafah, nilai kemanusiaan dan simbol-simbol budaya yang terkandung di dalamnya. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menelusuri bagaimana penulis menggunakan citra makanan sebagai lambang nilai budaya dan alat penyampaian mesej moral. Penggunaan simbol gastronomi dalam puisi memperlihatkan kebijaksanaan penulis dalam mengangkat unsur kehidupan harian ke tahap falsafah dan estetika sekaligus menzahirkan keindahan puitika Melayu.

4.2 JENIS GASTRONOMI

Dalam Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan:Serambi Budaya Berkolek Warisan terdapat pelbagai jenis gastronomi makanan tradisional masyarakat Kelantan yang telah diangkat sebagai lambang budaya dan keindahan setempat yang sarat dengan nilai simbolik. Mohd Faizal Musa (2025) dalam konteks Melayu beliau menjelaskan bahawa gastronomi ialah sebuah disiplin yang luas, meliputi seni rasa, budaya makanan dan peranan makanan dalam membentuk identiti masyarakat. Seterusnya, gastronomi ini juga merupakan ilmu yang mengkaji hubungan antara makanan dan budaya, seni penyediaan makanan serta cita rasa manusia. Gastronomi bukan sekadar memasak tetapi satu disiplin yang merangkumi falsafah budaya makanan. Oleh hal yang demikian, jenis gastronomi makanan yang digambarkan dalam puisi bukan sekadar berfungsi sebagai elemen latar malah ianya sebagai wahana puitik yang menzahirkan identiti dan falsafah kehidupan masyarakat Melayu Kelantan. Bukan itu sahaja, apabila kesemua elemen gastronomi atau makanan dianalisis menggunakan teori puitika sastra Melayu jelas memperlihatkan bahawa elemen gastronomi berperanan bukan sahaja dalam memperindah puisi tetapi juga berperanan dalam mengungkap nilai estetika, pemikiran dan moral bangsa Melayu yang berpaksikan kesantunan serta kehalusan budi pekerti. Oleh itu, elemen gastronomi dalam kajian ini difokuskan kepada jenis-jenis makanan tradisional yang sering menjadi citra dalam kehidupan masyarakat Kelantan.

4.2.1 Nasi Kerabu



Rajah 4.1 : Nasi Kerabu

Sumber Internet : <https://www.rasa.my/resipi-lengkap-nasi-kerabu-bunga-telang-asli-dari-kelantan/>

Nasi Kerabu merupakan salah satu makanan tradisional yang sangat terkenal di negeri Kelantan. Dalam *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Bekolek Warisan*, makanan tradisional nasi kerabu sering diangkat sebagai simbol yang melambangkan keharmonian, perpaduan dan rasa syukur masyarakat Kelantan terhadap kurniaan rezeki Tuhan. Terdapat empat orang pengarang yang berbeza dalam buku ini menyentuh tentang nasi kerabu dan setiap pantun menerangkan keistimewaannya yang tersendiri mengenai Nasi Kerabu. Nasi kerabu adalah satu hidangan nasi yang dimakan bersama ulam-ulam yang dijadikan kerabu dan kebiasaannya dimakan untuk sarapan pagi bagi masyarakat di Kelantan. Nasi Kerabu bukan sekadar hidangan tempatan tetapi satu lambang jati diri dan kebersamaan komuniti. Hidangan ini biasanya dihidangkan dengan pelbagai jenis ulam-ulaman, sambal kelapa, budu, telur masin dan ayam bakar yang mencerminkan konsep kepelbagaian dalam kesatuan. Hal ini menunjukkan satu nilai yang juga mendasari kehidupan masyarakat Melayu Kelantan yang saling menghormati dan

bergotong-royong dalam suasana penuh muafakat. Hal ini dapat dilihat dalam pantun yang bertajuk “Pantun Makanan Tradisional Kelantan” ditulis oleh Aimi Ismail yang terkandung dalam *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* :

Nasi Kerabu pelbagai ulam,
Enak bersama budu yang likat,
Mari kita sebarkan salam,
Pasti hidup mendapat berkat.

(APKKK, 2021:8)

Pantun ini menggambarkan bahawa keindahan budaya masyarakat Kelantan tidak terletak pada kemewahan tetapi pada semangat berkongsi dan bersyukur. Elemen “Nasi Kerabu” yang diungkapkan dalam pembayang jelas menunjukkan nasi kerabu tidak asing lagi menjadi makanan tradisional yang ada di Kelantan. Campuran kombinasi yang sempurna daripada ulam-ulaman dan budu menjadikan nasi kerabu itu istimewa dan rasanya yang mampu memikat para pengunjung. Pelbagai ulam-ulaman yang terdapat dalam nasi kerabu yang menjadikan uniknya nasi itu lebih-lebih lagi bunga kantan yang mempunyai banyak khasiat dan keindahan dalam nasi kerabu itu sendiri. Perkara ini disokong oleh Sinar Harian (2022) menjelaskan bahawa bunga kantan ini juga terbukti mempunyai sifat anti oksida di mana ia berpotensi untuk mengurangkan radikal bebas di dalam badan dan mencegah kerosakkan sel-sel badan. Seterusnya bagi maksud pantun ini pula jelas menunjukkan masyarakat Kelantan sangat mengutamakan keberkatan dalam hidup sekaligus menjadi lambang perpaduan dan kasih sayang sesama insan.

Melalui teori Puitika Sastera Melayu simbol nasi kerabu ini memperlihatkan keindahan pemikiran bangsa yang berpaksikan nilai keseimbangan antara jasmani dan rohani serta hubungan harmoni antara manusia dengan pencipta. Hal ini terbukti apabila prinsip yang memperlihatkan keindahan bahasa dalam teori Puitika Sastera Melayu adalah yang indah-indah: estetika sastera Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana Muhammad Haji Salleh (2005) menjelaskan dalam bukunya bahawa prinsip ini berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh pengarang dalam mengarang sesebuah karya yang sebelum ini telah diambil oleh tradisi dan budayanya. Maka dengan mudah dia terjalin ke dalam budaya itu dan juga estetikanya. Estetika jelas menjadi sebahagian daripada pemikiran kesenian manusia. Manakala yang indah itu dicari kerana keupayaannya membawa nikmat yang membawa khalayak kepada suatu peringkat yang lebih tinggi kepada bayangan pengalaman luar biasa yang mungkin terdapat hanya di kayangan sastera yang terbina oleh imagiasi. Bahasa yang digunakan dalam pantun ini juga lembut, berirama dan penuh kesantunan menunjukkan keindahan bahasa yang menjadi ciri penting puitika Melayu. Justeru, nasi kerabu bukan hanya lambang gastronomi Kelantan tetapi juga menjadi metafora kesatuan hati, rezeki yang halal dan kehidupan yang berkat sejajar dengan nilai Islam dan tradisi masyarakat Melayu yang mementingkan kesejahteraan bersama.

Nasi Kerabu di dalam dulang,

Solok lada di atas timbangan;

Negeri Kelantan desa terbilang,

Medan ilmu kekal berpanjangan.

(APKKK, 2021 : 16)

Seterusnya, kita dapat lihat pula pantun di atas yang bertajuk “Pantun Kelantan Lapangan Keberkatan” ditulis oleh Anis Apandi mengenai Nasi Kerabu dalam buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Pengarang Anis Apandi juga menerangkan tentang keistimewaan nasi kerabu namun menurut beliau ada perbezaannya yang tersendiri diterangkan menerusi Pantun tersebut. Pantun ini menggambarkan nasi kerabu berfungsi sebagai penanda identiti negeri dan simbol kesinambungan ilmu dalam masyarakat Kelantan. Pada pembayang pantun menampilkan citra makanan tradisional iaitu “nasi kerabu” dan “solok lada” yang merupakan antara ikon gastronomi negeri Kelantan. Solok lada dalam nasi kerabu tidak asing lagi akan menambahkan kelazatan nasi kerabu tersebut sekaligus memperkukuh lagi imej budaya Kelantan sebagai sebuah negeri yang kaya dengan tradisi kulineri. Hidangan-hidangan ini bukan sahaja dianggap sebagai makanan tempatan tetapi juga sebagai lambang identiti kolektif masyarakat Kelantan, selaras dengan pandangan Idris (2018) menerangkan bahawa makanan tradisional berperanan besar dalam membentuk jati diri komuniti. Bagi dua baris maksud pantun itu pula memperlihatkan hubungan langsung antara makanan tradisi dan keunggulan negeri dari sudut budaya dan keilmuan. Dalam kajian Norazlina (2020) menjelaskan bahawa Kelantan digelar Serambi Mekah kerana tradisi ilmu, agama dan budaya yang mengakar dalam masyarakatnya.

Berdasarkan analisis Teori Puitika Sastera Melayu, pantun pada rangkap ini paling sesuai dihuraikan melalui prinsip Fungsi Karya Sastera kerana elemen gastronomi digunakan sebagai wahana pendidikan budaya dan pembinaan jati diri masyarakat Kelantan. Prinsip fungsi karya sastera penggunaan citra makanan ini menjalankan fungsi pendidikan budaya iaitu dengan memperkenalkan dan mengingatkan khalayak tentang kekayaan gastronomi tempatan yang wajar dipelihara. Menurut Muhammad Haji Salleh (2005) menjelaskan bahawa fungsi pantun sebagai alat pendidikan tidak formal dan pemelihara identiti budaya menjadi fokus dalam menilai kekuatan mesej dan relevansinya dalam masyarakat Kelantan.

Bersih sungguh air perigi,
 Buat membasuh kotor di jubah,
 Nasi kerabu hidangan pagi,
 Makan sekali pasti bertambah.

(APKKK, 2021 : 46)

Bagi rangkap pantun ini pula ditulis oleh pengarang yang bernama Fatin Najihah Mansor yang bertajuk “Pantun Warna-Warni Serambi Mekah”. Dalam pembayang pantun ini pengarang menggunakan imej alam dan kehidupan harian yang melambangkan kesucian, kebersihan dan kesederhanaan hidup masyarakat Melayu. Seterusnya bagi maksud pantun pula nasi kerabu digambarkan sebagai “hidangan pagi” yang mengenyangkan dan memuaskan. Ungkapan “makan sekali pasti bertambah” bukan hanya merujuk kepada kelazatan makanan tetapi membawa makna simbolik tentang rezeki yang mencukupi dan kehidupan yang diberkati. Menerusi pantun di atas dapat dijelaskan bahawa masyarakat Kelantan sangat menggemari nasi kerabu dan telah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Kelantan bersarapan pagi dengan menu nasi. Hal ini dikatakan demikian kerana nasi adalah

hidangan yang mengenyangkan dan padat dengan rasa serta melambangkan identiti dan warisan negeri. Bukan itu sahaja, masyarakat Kelantan gemar makan nasi pada waktu pagi adalah disebabkan oleh kebiasaan mereka akan memulakan harinya dengan kerja-kerja berat. Budaya makan nasi pada waktu pagi juga berpunca daripada amalan masyarakat dahulu yang bekerja dari pagi hingga ke petang serta ketersediaan nasi sebagai makanan ruji yang mengenyangkan. Menurut Ajid, C. M. (2019) makanan tradisional seperti Nasi Kerabu kekal popular sebagai sarapan kerana ia melambangkan keterikatan masyarakat kepada makanan warisan yang bersifat ringkas, berkhasiat dan mengandungi identiti tempatan.

Melalui Teori Puitika Sastra Melayu, pantun ini jelas memperlihatkan keindahan pemikiran bangsa yang berpaksikan nilai-nilai luhur seperti kesyukuran dan tolong menolong. Prinsip yang memperlihatkan keindahan pemikiran bangsa dalam pantun ini adalah genre. Hal ini dikatakan demikian kerana prinsip genre menekankan bahawa bentuk tradisional seperti pantun bukan sekadar struktur berima, tetapi wahana pemikiran bangsa. Dalam genre, seorang pengarang pantun akan memilih bentuk empat baris itu dan menyesuaikan ciptaan peribadinya dengan sukatan perkataan, rima dan pembahagian pembayang atau maksud bentuk itu. Oleh itu, nasi kerabu dalam konteks puisi ini bukan sekadar ikon gastronomi Kelantan tetapi satu manifestasi nilai kehidupan masyarakat yang menghargai rezeki, menjaga keharmonian dan mensyukuri nikmat Tuhan dengan penuh keinsafan dan kasih sayang. Pantun diatas adalah untuk memberitahu kepada masyarakat khususnya kepada pengunjung yang datang ke bumi Kelantan tentang kekayaan adat dan tradisi mereka yang tersendiri.

Memang riuh di Pasar Buluh Kubu,

Sambil teringat pesan buah mempelam;

Makanan tradisi Nasi Kerabu,

Sedap bersulam budu dan ulam.

(APKKK, 2021 : 114)

Di samping itu, rangkap pantun ini pula ditulis oleh pengarang yang bernama Nur Amirah Abdul Manaff yang bertajuk “Pantun Rindu Halamanmu”. Pantun ini menonjolkan fungsi budaya dan citra setempat melalui penggambaran suasana, lokasi, makanan serta identiti masyarakat Kelantan dalam rangkap pantun tersebut. Pembayang pantun ini jelas menunjukkan gambaran suasana masyarakat kampung yang sangat akrab dan membawa unsur alam dan hasil tempatan yang sangat dekat dengan kehidupan masyarakat. Bagi maksud pantun diatas pula menegaskan kepentingan nasi kerabu sebagai makanan tradisional masyarakat Kelantan yang menjadi lambang identiti dan kebanggaan setempat. Gabungan nasi kerabu dengan budu dan ulam menggambarkan keharmonian pelbagai unsur dalam satu hidangan yang secara simboliknya mencerminkan nilai perpaduan dan kesyukuran dalam kehidupan masyarakat. Menerusi pantun tersebut pengarang memberi pandangan bahawa nasi kerabu sudah menjadi makanan tradisi masyarakat Kelantan yang sering dijual di pasar-pasar atau gerai-gerai tepi jalan. Namun yang mengekalkan rasa kesedapan dan keistimewaan nasi kerabu itu sendiri apabila bersulam budu dan ulam yang melengkapkan citarasanya itu. Gabungan warna biru Nasi Kerabu dan rasa budu yang unik serta kesegaran ulam-ulaman tempatan itu menjadikan nasi kerabu kelihatan sangat menyelerakan. Menurut Hasni & Ismail (2020), Nasi Kerabu berfungsi sebagai ikon gastronomi Kelantan yang bukan sahaja terkenal dalam konteks tempatan tetapi turut menjadi simbol global kepada identiti negeri tersebut. Sementara itu, Menurut Harun N. (2019) menjelaskan bahawa budu pula dianggap

salah satu makanan etnik yang memperlihatkan kekayaan budaya masyarakat Pantai Timur serta menunjukkan kepelbagaian citarasa yang diwarisi dari generasi ke generasi .

Dari perspektif Teori Puitika Sastra Melayu pantun ini memperlihatkan prinsip yang indah-indah melalui estetika sastra Melayu khususnya dari segi keindahan bahasa, pemikiran dan nilai budaya. Keindahan bahasa terserlah melalui susunan kata yang berirama dan penggunaan citra tempatan yang dekat dengan pengalaman masyarakat. Keindahan pemikiran pula dizahirkan apabila nasi kerabu dijadikan simbol kesyukuran terhadap rezeki alam serta keharmonian hidup bermasyarakat di mana pelbagai ramuan dalam hidangan tersebut melambangkan perpaduan dan saling melengkapi. Oleh itu, pantun ini memainkan peranan penting dalam mengangkat Nasi Kerabu sebagai simbol budaya yang bukan hanya dirasai, tetapi juga dihargai sebagai warisan bersama masyarakat Kelantan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan penggunaan Nasi Kerabu dalam Pantun yang terdapat dalam buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* bagi keempat pengarang ini menjelaskan kekayaan budaya masyarakat Kelantan melalui penggambaran makanan tradisional khususnya Nasi Kerabu. Setiap pantun berperanan menyampaikan fungsi yang berbeza namun saling melengkapi dan masing-masing menerangkan keistimewaan nasi kerabu bagi masyarakat Kelantan. Keempat-empat pantun ini membuktikan bahawa makanan tradisional bukan sahaja berfungsi sebagai sumber nutrisi malah menjadi medium yang mewakili identiti, budaya, nilai dan warisan masyarakat Kelantan. Penggambaran yang konsisten serta berlapis dalam pantun-pantun tersebut memperlihatkan bahawa Nasi Kerabu bukan sekadar sebuah hidangan tetapi satu lambang jati diri serta kesinambungan tradisi masyarakat Melayu Kelantan yang terus dipelihara dari generasi ke generasi

4.2.2 Kuih Akok



Rajah 4.2 : Kuih Akok

Sumber Internet : <http://thekelantanesefavkuih.blogspot.com/2017/02/kuih-akok.html>

Kuih Akok merupakan salah satu kuih tradisional yang sangat terkenal di negeri Kelantan. Kuih Akok itu sendiri berasal dari negeri Kelantan dan sangat terkenal di negeri-negeri pantai timur khususnya Kelantan. Jamaludin, R. (2021) menyatakan bahawa kuih akok ini pada mulanya hanya dihidangkan ketika majlis keramaian dan sebagai juadah untuk yeyamu diraja namun kini ia boleh didapati dengan mudah di pasar pagi, bazar ramadhan dan di kedai kuih tradisional. Kuih Akok merupakan simbol gastronomi yang paling sinonim dengan negeri Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam teks Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan kuih ini digambarkan sebagai lambang tradisi turun temurun keaslian budaya dan kehalusan seni masakan masyarakat Melayu Kelantan. Abu Hassan, N., & Rahim, S. (2020) menjelaskan bahawa kuih ini dihasilkan daripad bahan-bahan asas seperti telur, santan, tepung dan gula. Akok biasanya dibakar menggunakan acuan tembaga kecil diatas bara api sehingga

menghasilkan tekstur yang lembut dan sedikit berkerak di bahagian luar. Namun rasanya yang lemak manis serta teksturnya yang lembut itu menjadikannya satu hidangan istimewa yang kaya dengan makna budaya. Sebagai contoh hal ini juga dapat dilihat menerusi pantun dibawah:

Kuih Akok kuih negeri,
Kuih terkenal negeri Kelantan,
Hati-hati membawa diri,
Kelak merana seluruh ingatan.

(APKKK, 2021 : 8)

Pantun di atas memperlihatkan bahawa kuih akok bukan hanya sekadar makanan tetapi turut dijadikan metafora kehidupan dan nasihat moral. Dua baris pertama pembayang pantun mengangkat kuih akok sebagai simbol kebanggaan negeri Kelantan dimana ia menerangkan bagaimana makanan mampu mewakili identiti setempat. Sementara itu, dua baris terakhir pula iaitu maksud pantun pula memberikan peringatan kepada masyarakat agar berhati-hati dalam tingkah laku dan peraturan kerana kelalaian boleh membawa kesan buruk yang berpanjangan terhadap diri. Hal ini menunjukkan bahawa makanan tradisional turut dijadikan wahana penyampaian nilai etika dan nasihat sejajar dengan ciri puitika Melayu yang menekankan keindahan bahasa dan ketinggian budi.

Dalam konteks Teori Puitika Sastera Melayu pantun ini turut menampilkan prinsip yang indah-indah melalui penggunaan bahasa yang ringkas, berirama dan mudah diingati. Hal ini dikatakan demikian kerana pengulangan frasa “kuih” dan rima akhir yang teratur mewujudkan keindahan bunyi serta keharmonian struktur pantun. Keindahan ini menjadikan nasihat yang disampaikan lebih berkesan dan meninggalkan kesan emosi kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, pantun ini bukan sekadar puisi tentang makanan tetapi juga satu cerminan falsafah hidup Melayu yang menekankan keseimbangan antara rasa, nilai, dan makna kehidupan

4.2.3 Ayam Percik



Rajah 4.3 : Ayam Percik Kelantan

Sumber Internet : <https://www.youtube.com/watch?v=Mf4ZCEUtlkY>

Ayam percik ini sudah biasa kita dengar pada masa sekarang bahkan setiap orang amat menggemari ayam percik dan mungkin pernah mencubanya di mana-mana tempat. Namun yang ingin ditekankan disini adalah tentang keunikan ayam percik Kelantan yang jauh berbeza daripada ayam percik lain serta mempunyai keasliannya yang tersendiri. Bagi ayam percik ini pula terdapat dua pengarang berbeza yang cuba menjelaskan keitimewannya

iaitu Athirah Razak dan Rosli Saludin. Ayam percik merupakan antara hidangan istimewa yang menjadi kebanggaan masyarakat Kelantan dan dikenali seluruh Malaysia. Ayam percik Kelantan amat dikenali lebih-lebih lagi pada musim puasa iaitu bulan Ramadhan dimana ramai yang akan menjualnya di bazar Ramadhan sebagai juadah berbuka ataupun sahur. Azman Hashim (2017) menjelaskan bahawa ayam percik Kelantan sememangnya berbeza daripada negeri lain kerana kuahnya berwarna putih dan menjadikannya sangat unik, rasanya sangat lazat dan menyelerakan. Menurut Hamzah, H., Karim, M.S.A., & Ishak, F.A.C. (2015) mengatakan bahawa asal usul ayam percik dikaitkan dengan masyarakat Melayu Pantai Timur khususnya Kelantan. Perkataan percik merujuk kepada kaedah memasak di mana kuah santan berempah disiram atau “dipercikkan” ke atas ayam yang sedang dibakar. Keistimewaan ayam percik terletak pada gabungan rasa lemak santan, aroma rempah ratus, serta warna sosnya yang putih dan likat sekaligus mencerminkan cita rasa halus dan kreativiti masyarakat tempatan dalam menyeimbangkan bahan dan rasa.

Pantun-pantun yang dihasilkan oleh Athirah Razak dan Rosli Saludin dalam antologi kajian ini memperlihatkan dua bentuk fungsi pantun yang berbeza namun sama-sama menonjolkan keistimewaan Ayam Percik sebagai salah satu makanan tradisional signifikan masyarakat Kelantan. Setiap pantun tidak hanya menggambarkan keunikan masakan tersebut tetapi turut menyampaikan nilai budaya, kepercayaan serta citra masyarakat setempat. Oleh itu, dapat kita lihat menerusi pantun pertama bertajuk “Pantun Nasihat Cik Siti Wan Kembang” yang ditulis oleh Athirah Razak dalam buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* :

Ayam percik menu utama,
 Dimasak jong tungge di sudut laman;
 Sedari kecil diajar agama,
 Semoga terpandu sepanjang zaman.

(APKKK, 2021 : 30)

Berdasarkan pantun di atas jelas menunjukkan pengarang ingin memberi nasihat kepada masyarakat atau sesiapa yang membacanya. Pengarang cuba menyelitkan elemen gastronomi iaitu ayam percik dalam pembayang pantun bagi mengetengahkan keunikan masakan Kelantan. Pantun ini mempunyai fungsi mendidik dan membentuk nilai moral kerana menggabungkan elemen gastronomi tradisional dengan ajaran agama. Ayam percik dan teknik memasaknya “jong tungge” menggambarkan penghayatan terhadap warisan kulineri Kelantan yang merupakan satu aspek budaya diwariskan secara turun-temurun. Bagi maksud pantun pula menunjukkan bahawa pendidikan amat penting bagi seseorang dan harus dimulai sejak dari kecil lagi seperti kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Pendidikan agama yang diterapkan sejak dari kecil lagi mampu membentuk arah hidup yang lebih baik kepada masyarakat. perkara ini disokong oleh Hashim, R., & Ismail, Z. (2020) menjelaskan bahawa pantun ini tidak hanya berfungsi sebagai puisi makanan tetapi turut berperanan sebagai medium didaktik yang menekankan kepentingan agama dalam membina peribadi masyarakat.

Dalam kerangka teori Puitika Sastera Melayu, karya sastera berfungsi sebagai alat didikan rohani dan sosial dimana mesej keagamaan disampaikan secara lembut dan berlapis melalui simbol makanan. Hal ini dikatakan demikian kerana ayam percik sebagai menu utama dan kebanggaan tempatan menjadi metafora kepada asas kehidupan yang kukuh sama seperti agama yang menjadi panduan utama dalam kehidupan manusia. Justeru, pantun ini menunjukkan hubungan rapat antara makanan tradisional, kehidupan harian dan nilai spiritual masyarakat Melayu Kelantan.

Empat baris satu stanza,

Pantun dikir bertingkat-tingkat,

Ayam percik Kelantan jauh berbeza,

Sosnya putih pekat dan likat.

(APKKK, 2021:138)

Berdasarkan pantun di atas bertajuk “Pantun Makanan Warisan Kelantan” yang ditulis oleh Rosli Saludin menggabungkan struktur dan makna. Hal ini dikatakan demikian kerana dua baris pertama iaitu pembayang menonjolkan kehalusan seni berbahasa dan struktur pantun Melayu yang berirama dan berlapis makna dimana seolah-olah menggambarkan kepelbagaian dalam adat dan budaya. Seterusnya, bagi dua baris terakhir pula iaitu maksud pantun jelas dapat kita lihat memperkenalkan ayam percik Kelantan sebagai lambang keunikan dan kebanggaan gastronomi Kelantan yang membezakan masakan negeri ini daripada tempat lain. Menurut Nor Faizah & Abdullah (2019) penegasan ini selari dengan dokumentasi gastronomi tempatan yang menyatakan bahawa Ayam Percik Kelantan sememangnya dikenali dengan kuah percik berwarna putih hasil campuran santan, bawang, halia dan rempah pilihan yang dimasak sehingga pekat. Keistimewaan sos putih

yang pekat dan likat bukan sahaja menggambarkan keunikan rasa tetapi membawa makna simbolik terhadap ketulenan dan keaslian budaya yang dijaga dengan rapi oleh masyarakat setempat. Pantun ini berfungsi sebagai wadah pengenalan makanan tradisional sekaligus mengekalkan pengetahuan turun-temurun mengenai variasi ayam percik yang membezakan Kelantan daripada negeri-negeri lain. Oleh hal yang demikian, Ayam percik dijadikan metafora kepada identiti dan rasa bangga terhadap warisan gastronomi manakala bahasa yang digunakan mencerminkan keindahan kesantunan dan kreativiti Melayu.

Pantun bagi rangkap ini paling tepat dianalisis melalui prinsip yang indah-indah : estetika sastera Melayu kerana penekanan terhadap keindahan bentuk pantun dan citra gastronomi. Keindahan tidak terhad kepada bahasa semata-mata malah ia turut melibatkan kebijaksanaan pengarang menimbulkan estetika melalui gambaran makanan tradisional. Menurut Muhammad Haji Salleh (2005) menjelaskan dalam bukunya bahawa estetika ini walaupun tidak diperikan dalam sebuah risalah yang canggih ia masih tetap wujud dalam contoh-contoh mentah atau halus dalam seluruh karya berbahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, pantun yang ditulis oleh Athirah Razak menonjolkan hubungan antara makanan dan pembinaan sahsiah manakala pantun Rosli menekankan keunikan visual dan rasa makanan itu sendiri. Walau bagaimanapun, kedua-duanya berkongsi persamaan dalam memperlihatkan kekayaan budaya makanan tradisional Kelantan serta usaha mempertahankan warisan kulinari negeri ini melalui medium pantun. Keistimewaan Ayam Percik Kelantan yang terserlah dalam kedua-dua pantun ini bukan sahaja terletak pada kaedah memasaknya yang unik dan kuah perciknya yang tersendiri malahan terletak juga pada nilai budaya yang turut mengiringi pemakanan tersebut menjadikannya bukan sekadar hidangan tetapi lambang identiti masyarakat Kelantan

4.2.4 Lompat Tikam



Rajah 4.4 : Lompat Tikam

Sumber Internet : <https://www.youtube.com/watch?v=ftJ740qmQ1A>

Lompat tikam merupakan salah satu kuih tradisional Kelantan yang sangat terkenal dengan keunikan rasa, warna serta penyediannya yang berseni. Bagi pantun berkaitan lompat tikam ini juga mempunyai dua pengarang berbeza yang cuba menerangkan mengenai keunikan makanan Lompat tikam iaitu Madza@Mazni dan Rosli Saludin. Jalaluddin, N. F. H. (2015) mengatakan bahawa kuih ini mempunyai dua lapisan utama iaitu bahagian hijau yang lembut diperbuat daripada tepung beras dan air pandan serta bahagian putih daripada santan pekat yang dikukus. Lompat tikam ini juga biasanya dihidangkan bersama gula melaka cair bagi menambah aroma dan rasa manis yang seimbang. Perbezaan lompat tikam Kelantan ianya lebih istimewa kerana ada tambahan pulut yang berwarna merah untuk menyerikan lagi dan membezakan ianya dari yang lain. Pulut berwarna merah ini tidak hanya memberikan elemen visual yang menarik tetapi menonjolkan variasi lain dalam hidangan Melayu. Perpaduan warna dan rasa tersebut bukan sahaja menggugah selera malah secara simboliknya mencerminkan kesederhanaan, keharmonian dan kreativiti masyarakat Melayu Kelantan dalam mengolah bahan asas menjadi hidangan istimewa. Menurut Hamzah, H.,

Karim, M. S. A., & Ishak, F.A. C. (2015) menjelaskan bahawa nama “Lompat Tikam” mempunyai pelbagai cerita lisan namun salah satu versi mengatakan nama tersebut muncul kerana rasa kuih yang begitu sedap sehingga orang “melompat” kegembiraan dan “menikam” atau menambah lagi kuih tersebut. Kuih ini dianggap sebagai makanan warisan yang sering dihidangkan ketika bulan Ramadhan, kenduri dan acara keluarga di Kelantan. Oleh itu, dapat dilihat melalui pantun bertajuk “Pantun Kuih Tradisi” yang ditulis oleh Madza@Mazni dalam buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* :

Hidup aman sapi dan rusa,
Ditambat bersama di tepi kali;
Gula nira pemanis rasa,
Lompat Tikam manis sekali.

(APKKK, 2021 : 86)

Pantun ini memaparkan tentang keistimewaan lompat tikam itu sendiri yang merupakan kuih tradisi masyarakat Kelantan. Pengarang menonjolkan pengalaman dan suasana yang mencipta hubungan antara makanan dengan kenikmatan serta keharmonian hidup melalui pembayang pantun. Dua baris pembayang menggambarkan suasana aman antara haiwan dan alam sekitar iaitu sapi dan rusa yang hidup bersama tanpa konflik. Gambaran ini mewujudkan imej yang tenang dan seimbang sekali gus mencerminkan konsep keindahan yang berteraskan keharmonian selaras dengan estetika sastera Melayu. Bagi maksud pantun ini pula menunjukkan fungsi pantun sebagai medium puji-pujian dan estetika rasa dimana maksud pantun pada rangkap ini memberi penekanan terhadap aspek rasa khususnya kemanisan yang menjadi ciri utama kuih tersebut. Dalam pantun ini fokus tidak

hanya pada rasa tetapi pada warna-warni dan keunikan penyediaan lompat tikam itu dalam menarik perhatian orang ramai. Kehalusan teksturnya, kemanisan gula nira dalam kuih lompat tikam ini akan menjadikan kuih ini bukan sahaja lazat bahkan turut mencerminkan kreativiti masyarakat tempatan dalam mencipta hidangan yang sangat unik.

Melalui teori puitika sastra Melayu prinsip yang ditekankan disini adalah yang indah-indah : estetika sastra Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana keindahan citra alam dan pengalaman rasa yang cuba ditampilkan dalam rangkap pantun tersebut. Keindahan gastronomi dizahirkan melalui penyebutan *gula nira* sebagai pemanis semula jadi dan kuih tradisional lompat tikam yang digambarkan “manis sekali”. Penggunaan diksi ini membangkitkan rasa dan kenikmatan dalam imaginasi pembaca. Keindahan bukan sahaja terletak pada bentuk bahasa tetapi juga pada kebijaksanaan pengarang menghubungkan alam, makanan dan rasa secara halus dan harmoni.

Rakyat Kelantan berjiwa murni,
Nak dara sunti secantik intan,
Lompat tikam berwarna-warni,
Kuih terlazat negeri Kelantan.

(APKKK, 2021 : 138)

Pantun ini pula ditulis oleh Rosli Saludin yang bertajuk “Pantun Makanan warisan Kelantan” menerangkan keperibadian rakyat Kelantan dengan kecantikan dan kelazatan kuih lompat tikam. Pada bahagian pembayang pantun jelas menggambarkan jati diri yang ada pada masyarakat Kelantan yang bersifat murni dan beradab. Pada bahagian maksud pula jelas menonjolkan Lompat Tikam ini sebagai kuih yang bukan sahaja sedap malah menjadi identiti negeri Kelantan. Ungkapan “Lompat Tikam berwarna-warni” menunjukkan kehalusan seni

pembuatan serta kreativiti dalam penyediaan kuih tradisional yang bukan sahaja enak tetapi juga indah dipandang. Secara keseluruhannya, pantun ini merumuskan bahawa makanan tradisional seperti Lompat Tikam bukan sekadar hidangan manisan tetapi juga cerminan kehalusan budi, keindahan budaya dan kemurnian jiwa rakyat Kelantan.

Melalui pendekatan teori Puitika Sastera Melayu prinsip yang memperlihatkan keindahan dalam rangkap pantun ini ialah yang indah-indah : estetika sastera Melayu kerana penekanannya terhadap keindahan insan, budaya dan gastronomi. Keindahan visual dan rasa kuih lompat tikam diserlahkan melalui frasa “berwarna-warni” dan “kuih terlazat”. Gambaran ini bukan sekadar memuji keenakan makanan tetapi mengangkat lompat tikam sebagai lambang kekayaan budaya dan kreativiti masyarakat Kelantan. Keindahan bahasa dan citra ini berfungsi membangkitkan rasa bangga terhadap warisan tempatan serta memberikan pengalaman estetik kepada pembaca.

Justeru, Perbezaan antara kedua-dua pantun ini dapat dilihat melalui aspek penekanan makna dan bentuk penyampaian. Pantun Madza@Mazni memberi tumpuan kepada aspek suasana kehidupan desa, manakala pantun Rosli Saludin lebih mengutamakan simbol identiti dan kebanggaan masyarakat Kelantan. Namun, kedua pantun tersebut jelas mengarah kepada tujuan yang sama iaitu merakamkan keistimewaan kuih lompat tikam sebagai sebahagian daripada warisan makanan tradisional negeri Kelantan. Lompat Tikam bukan sekadar teks sastera rakyat tetapi medium dokumentasi budaya yang menggambarkan nilai hidup, identiti negeri dan kehalusan seni kulinari masyarakat Kelantan. Kedua-dua pantun yang dikaji mengukuhkan kedudukan makanan tradisional sebagai unsur penting dalam pembentukan warisan budaya yang terus dihargai dan diwarisi oleh generasi kini.

4.2.5 Nasi Tumpang



Rajah 4.5 : Nasi Tumpang

Sumber Internet :

https://www.reddit.com/r/malaysia/comments/qwj2yq/todays_food_spotlight_is_nasi_tumpang_the/

Nasi Tumpang ini juga merupakan makanan yang sangat terkenal di negeri Kelantan. Nasi Tumpang adalah makanan tradisional Kelantan yang diiktiraf sebagai makanan warisan kebangsaan dan lebih dikenali sebagai “nasi tupe” dalam dialek Kelantan. Nasi Tumpang mempunyai keistimewannya yang tersendiri iaitu dibungkus padat dalam daun pisang berbentuk kon. Nasi tumpang ini adalah sejenis nasi bungkus yang mempunyai nasi lembut seperti nasi himpit. Dalam kon itu dicampur dengan lauk yang lazimnya ialah telur dadar, serunding daging, kari ayam, kari ikan atau kari udang serta sambal manis dan timunnya sekali. Hamzah, H., karim, M. S. A., & Ishak, F.A.C. (2015) menjelaskan bahawa nasi tumpang dikatakan dicipta oleh para isteri nelayan untuk menyediakan makanan yang padat dan mudah dibawa ke laut. Nama “tumpang” diambil daripada konsep lauk yang menumpang di antara lapisan nasi di dalam bungkus daun pisang. Nasi tumpang sering dijadikan

bekalan oleh nelayan dan petani kerana mudah dibawa serta tahan lama. Oleh itu, nasi tumpang kini menjadi ikon gastronomi negeri Kelantan dan sering dipromosikan dalam festival makanan warisan di Malaysia. Selain itu, sebagai contoh boleh dilihat dalam pantun di bawah :

Pokok Ketapang banyak dahannya,
Burung menumpang berbuat sarang,
Diletak berselang aneka lauknya,
Nasi Tumpang digemari orang.

(APKKK, 2021 : 65)

Pantun ini disampaikan oleh Huzaini Harun yang bertajuk “Pantun Aneka Nasi Penambat Hati” menggambarkan keistimewaan sebagai makanan tradisional yang mencerminkan kehalusan budaya dan nilai kehidupan masyarakat Kelantan. Dua baris pembayang menggunakan imej alam iaitu pokok ketapang yang rimbun dan burung yang menumpang membuat sarang. Gambaran ini mencerminkan konsep menumpang dan bersusun yang bersifat harmoni serta saling melengkapi. Bagi maksud pantun pula keunikan nasi tumpang digambarkan melalui susunan lauk yang berselang-seli, sejajar dengan pembayang yang menampilkan struktur alam yang berlapis dan teratur. Hubungan simbolik antara pembayang dan maksud ini memperlihatkan keindahan pemikiran Melayu yang mengaitkan alam dengan budaya makanan. Menerusi pantun tersebut juga dapat dirumuskan bahawa masyarakat Kelantan sangat menggemari nasi tumpang ini yang beraneka lauk di dalamnya serta dibungkus dengan daun pisang berbentuk kon. Perkara ini sekaligus mengaitkan keindahan nasi tumpang dengan citarasa dan minat masyarakat Kelantan dimana ia menunjukkan bahawa makanan ini bukan sekadar hidangan tradisional tetapi juga

merupakan warisan budaya yang mendekatkan masyarakat dengan nilai kebersamaan dan keindahan tradisi. Justeru, melalui medium pantun gastronomi ini diangkat sebagai satu bentuk seni yang bukan sahaja merangsang deria rasa bahkan ia juga mencetuskan renungan terhadap keindahan budi dan warisan bangsa.

Berdasarkan teori puitika sastra Melayu prinsip yang sesuai bagi rangkap pantun ini adalah Yang indah-indah : Estetika Sastra Melayu. Prinsip yang indah-indah paling menonjol dalam pantun ini kerana keindahan gastronomi Nasi Tumpang dizahirkan melalui imejan, simbol dan keselarasan bentuk dengan makna. Pembayang pantun yang menggunakan unsur alam seperti pokok ketapang dan burung menumpang berbuat sarang membentuk gambaran visual yang lembut dan tersusun. Unsur ini berfungsi sebagai simbol kepada cara penyusunan Nasi Tumpang yang berlapis-lapis sekali gus memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam mengaitkan alam dengan kehidupan seharian. Keindahan estetik turut terserlah melalui frasa “*diletak berselang aneka lauknya*” yang bukan sahaja menggambarkan struktur fizikal makanan malah membangkitkan deria rasa dan penglihatan pembaca. Keindahan tidak terhad kepada bunyi atau rima pantun semata-mata tetapi merangkumi kehalusan makna dan kesederhanaan penyampaian. Justeru, gastronomi Nasi Tumpang dalam pantun ini berfungsi sebagai lambang keindahan budaya Melayu yang mementingkan keharmonian, kreativiti dan nilai praktikal dalam kehidupan.


4.3 KAEDAH PEMELIHARAAN GASTRONOMI DI KELANTAN

Pemeliharaan gastronomi di Kelantan merupakan aspek penting dalam usaha mengekalkan kesinambungan warisan budaya tidak ketara negeri Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana sejajar dengan prinsip yang digariskan oleh UNESCO melalui Konvensyen 2003 bagi Pemeliharaan Warisan Budaya Tidak Ketara yang menekankan bahawa warisan bukan sahaja berbentuk fizikal tetapi merangkumi pengetahuan, kemahiran, amalan dan nilai budaya yang diwarisi dari generasi ke generasi. Dalam konteks Kelantan, gastronomi seperti Nasi Kerabu, Ayam Percik, Lompat Tikam, Akok dan Nasi Tumpang bukan sekadar makanan tetapi manifestasi identiti budaya, sejarah masyarakat dan cara hidup yang unik. Oleh itu, usaha pemeliharaan gastronomi tidak seharusnya terhad kepada penyediaan hidangan semata-mata, tetapi perlu merangkumi keseluruhan ekosistem budayanya termasuk aspek teknik masakan, peralatan tradisional, ritual penyediaan, ramuan tempatan dan perlambangan sosial yang terkandung di dalamnya. Golongan muda pada hari ini sering didedahkan dengan makanan ala-ala Barat yang dianggap lebih mewah daripada kuih tradisional. Pemikiran mereka sudah dipengaruhi oleh perspektif yang melihat makanan seperti ini jauh lebih sedap dan menarik berbanding makanan tradisional yang semakin diabaikan. Oleh hal yang demikian, kajian ini mengkaji kaedah pemeliharaan yang bukan sahaja praktikal tetapi juga menyeluruh bagi memastikan warisan gastronomi Kelantan terus hidup diamalkan dan dihayati oleh generasi kini dan akan datang.

4.3.1 Pendokumentasian Resepi dan Teknik Tradisional

Pendokumentasian resepi dan teknik tradisional merupakan langkah paling sesuai dalam usaha memelihara gastronomi Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik penyediaan makanan tradisional hanya disampaikan melalui lisan sahaja oleh orang dahulu

dan tidak mampu untuk mengekalkan keasliannya jika tidak belajar bermula dari sekarang. Dokumentasi ini penting kerana banyak teknik lama hanya diturunkan secara lisan dan berisiko hilang apabila generasi tua semakin berkurangan. Menurut Smith (2018) telah menjelaskan bahawa kaedah pendokumentasian ini berperanan untuk mengekalkan warisan masakan tradisional dengan merakam teknik penyediaan dan memasak secara tradisional mengikut perkongsian ramuan dan kepentingan budaya. UNESCO menekankan bahawa dokumentasi adalah strategi utama dalam usaha menjaga gastronomi Kelantan iaitu langkah perlindungan yang memastikan warisan budaya tidak ketara dapat terus difahami, direkod dan dipindahkan kepada generasi akan datang (UNESCO,2003). Dalam konteks gastronomi Kelantan, pendokumentasian merangkumi proses merekod resipi asli seperti Nasi Kerabu, Ayam Percik, Akok, Lompat Tikam, serta Nasi Tumpang termasuk kaedah penyediaan, jenis bahan mentah tempatan, teknik tradisional, peralatan dapur warisan dan nilai simbolik yang dikaitkan dengannya. Sebagai contoh, teknik membakar kuih Akok menggunakan sabut kelapa, penyusunan lapisan Nasi Tumpang yang memerlukan kemahiran tangan tertentu, keaslian kuih Lompat Tikam yang berwarna-warni dan sebagainya. Tanpa dokumentasi formal seperti video, foto, buku resipi, penerbitan ilmiah dan arkib digital warisan ini akan semakin sukar dipulihkan pada masa hadapan. Menurut Ismail dan Musa (2016) mengatakan bahawa hanya melalui dokumentasi yang sistematik inilah maklumat berkenaan sejarah kulinari dapat dipelihara secara sahih dan tidak diubah oleh pengkomersialan atau pemodenan yang keterlaluan. Pelbagai aplikasi media sosial dapat dimanfaatkan pada hari ini seperti facebook, Instagram dan Tiktok. Penggunaan media sosial sangat berkesan kerana masyarakat pada hari ini sangat terdedah dengan aplikasi sedemikian.




Rajah 4.6 : Pendokumentasian Resepi Masakan Kelantan Tiktok

Sumber : Wan Abdul Rahman 2025

Berdasarkan gambar di atas menunjukkan salah satu teknik pendokumentasian resepi dalam usaha melestarikan warisan gastronomi Kelantan terutamanya apabila medium digital seperti video kulinari digunakan untuk merakam dan menyebarkan ilmu tersebut. Konten yang selalu ditunjukkan menerusi pengasas tiktok tersebut iaitu ‘Abe La’ yang sering menerjah ke rumah-rumah atau tempat yang menghasilkan resepi asli makanan tradisional Kelantan. Dalam konteks ini video “Senok Perut” oleh Abe La berperanan sebagai arkib moden yang menyimpan bukan sahaja resepi bahkan menyimpan teknik penyediaan masakan tradisi yang diwarisi dari turun-temurun. Video tersebut memaparkan proses memasak secara langsung dari awal hingga akhir untuk memastikan tekstur masakan mencapai teknik yang betul. Rakaman yang jelas, terperinci dan menarik ini membantu mengekalkan ketulenan resepi tradisional agar tidak hilang ditelan zaman. Perkongsian proses dalam penyediaan

masakan tradisional juga dapat menarik minat dan penghargaan yang diperbaharui serta memberi inspirasi kepada individu dan komuniti untuk berhubung semula dengan warisan masakan mereka. Selain itu, video yang dipaparkan oleh “Senok Perut” ini juga turut memainkan peranan yang penting dalam menzahirkan ilmu tidak formal yang biasanya tidak dicatatkan dalam buku masakan. Banyak teknik tradisional diwarisi secara lisan atau pemerhatian keluarga. Oleh itu, pendokumentasian sebegini menjadi signifikan kerana ia merakam ilmu halus yang sukar diterangkan secara tulisan tetapi dapat dilihat dengan jelas melalui visual.



Rajah 4.7 : Pendokumentasian Resepi Masakan Kelantan Facebook

Sumber : Wan Abdul Rahman 2025


Bukan itu sahaja, berdasarkan gambar di atas ini juga menunjukkan salah satu pempengaruh yang terkenal di Kelantan melalui aplikasi facebook atau mana-mana medium

digital yang lain. Konten yang selalu ditunjukkan melalui pengasas tiktok itu sendiri iaitu “Abe Wea” sering menunjukkan teknik masakan Kelantan yang asli kepada penonton dengan penekanan terhadap resepi warisan, teknik memasak orang lama serta penggunaan bahan tempatan. Penyampaian konten dilakukan menggunakan dialek Kelantan sekali gus memperkukuh unsur loalti dan keaslian budaya yang dipersembahkan. Jumlah pengikutnya di facebook juga begitu ramai iaitu seramai 749,000 orang pengikutnya serta setiap video yang dihasilkan itu ada sampai mencecah 1 juta tontonan. Hal ini terbukti pendokumentasian video ini sangat berkesan dalam menarik minat dan menimbulkan kesedaran agar memelihara gastronomi di Kelantan. Oleh itu, skandungan yang dihasilkan oleh Abe Wea ini berfungsi sebagai dokumentasi kontemporari yang menyokong gambaran gastronomi dalam puisi. Elemen makanan yang muncul dalam puisi tidak lagi bersifat abstrak sebaliknya dapat dirujuk kepada amalan sebenar yang masih diamalkan dan direkod secara digital. Justeru, melalui dokumentasi yang tepat dan menyeluruh, gastronomi Kelantan dapat dipelihara sebagai bukti warisan budaya yang kaya dan pada masa yang sama menjadi bahan rujukan berharga untuk generasi akan datang, pengkaji dan komuniti global.

4.3.2 Penglibatan Komuniti dan Amalan Turun-Temurun

Warisan gastronomi Kelantan dipelihara paling kuat melalui amalan komuniti seperti gotong-royong memasak, majlis kenduri kampung dan tradisi keluarga. Penglibatan komuniti memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kelangsungan sesuatu warisan budaya khususnya dalam bentuk turun-temurun. Komuniti merupakan pemilik, pengamal, pewaris dan penyebar utama yang memastikan sesuatu tradisi dapat terus hidup dalam masyarakat. Oleh itu, kesinambungan warisan tidak boleh dipisahkan daripada penyertaan aktif komuniti kerana merekalah yang mengekalkan makna, identiti serta fungsi sosial tradisi tersebut. Komuniti menjadi nadi utama yang menghidupkan masakan warisan. Selain itu, penglibatan komuniti dalam usaha pemeliharaan warisan turut membantu memastikan bahawa amalan turun-temurun tidak disesuaikan secara berlebihan hingga hilang nilai asal akibat pengkomersialan. Amalan turun-temurun berlaku melalui kaedah seperti pembelajaran secara langsung, bimbingan generasi tua kepada generasi muda, latihan tidak formal dalam keluarga dan mempraktik melalui penyertaan dalam aktiviti kebudayaan setempat. Proses ini biasanya bersifat berterusan dan berlaku secara semula jadi melalui pemerhatian, penyertaan dalam majlis adat atau melalui aktiviti harian seperti memasak. Sebagai contoh, program pewarisan tradisi seperti bengkel resipi tradisional, kelas kemahiran, pertunjukan komuniti dan festival warisan bukan sahaja menghidupkan kembali tradisi tetapi juga menjadikan generasi muda lebih menghargai identiti budaya mereka. Malaysia baru-baru ini menyaksikan elemen “Budaya Sarapan Malaysia” diiktiraf oleh UNESCO dalam senarai Warisan Budaya Tidak Ketara. Walaupun fokus utama pengiktirafan ini lebih kepada menu sarapan seperti nasi lemak, roti canai dan teh tarik model ini sebenarnya menunjukkan bagaimana elemen makanan tradisional dapat dilindungi


sebagai warisan budaya. Pihak kerajaan kemudian menyatakan komitmen untuk memasukkan elemen warisan kuliner ke dalam program kebudayaan dan pelancongan. Oleh hal yang demikian, hal ini juga membuka jalan bagi negeri-negeri lain seperti Kelantan untuk menonjolkan masakan warisan tempatan melalui rangkaian warisan tidak ketara. Dengan memberikan ruang kepada komuniti untuk menjadi penggerak utama, tradisi dapat dikekalkan dalam bentuk yang asli tanpa menjejaskan makna simbolik dan konteks sosialnya.



Rajah 4.8 : Makanan Tradisional Kelantan

Sumber : Wan Abdul Rahman 2025

Berdasarkan gambar diatas merupakan penglibatan komuniti dalam memastikan kelestarian warisan gastronomi dapat dikekalkan dengan mempromosikan makanan dan resepi-resepi melalui laman web seperti Tiktok. Tiktok Kuliner Kelantan ini ditubuhkan sekitar tahun 2024 dengan video yang menampilkan tempat-tempat makanan terkini di Kelantan, mengetengahkan makanan tradisional Kelantan serta mengetengahkan tarikan kulineri tempatan. Resepi amalan turun-temurun ini didokumentasikan melalui media digital seperti video “Kuliner Kelantan” dan vlog makanan oleh penggiat masyarakat setempat. Setiap video yang dimuat naik juga menunjukkan sambutan yang tinggi serta menampilkan jumlah tontonan yang sangat tinggi sekaligus menarik minat orang luar akan masakan Kelantan. Melalui penghasilan video yang menampilkan proses penyediaan makanan tradisional seperti nasi kerabu, nasi tumpang, laksam, akok, dan lain-lain menunjukkan komuniti bukan sahaja melestarikan ilmu masakan warisan malah memperkukuh identiti budaya mereka. Bukan itu sahaja, video yang diapaparkan seperti “Kuliner Kelantan” ini juga menonjolkan suasana komuniti sebenar misalnya kegiatan memasak seperti gotong-royong, suasana pasar pagi seperti Pasar Siti Khadijah atau bengkel kecil di rumah yang menghasilkan kuih tradisional. Paparan ini bukan sahaja menzhahirkan nilai kolektif masyarakat Kelantan tetapi memperlihatkan bagaimana amalan turun-temurun itu dipelihara melalui hubungan sosial yang kukuh. Oleh hal yang demikian, masyarakat bukan sekadar mempromosikan makanan bahkan secara halus mempamerkan mekanisme perpaduan yang telah sekian lama membentuk struktur sosial negeri Kelantan.



Rajah 4.9 Penglibatan Komuniti Masyarakat Kelantan

Sumber : Wan Abdul Rahman 2025

Berdasarkan gambar diatas, menunjukkan penglibatan komuniti merupakan elemen penting dalam memastikan kelangsungan dan pemeliharaan gastronomi di Kelantan. Dalam konteks digital masa kini platform media sosial seperti Facebook ini juga telah menjadi ruang interaksi komuniti yang berkesan. Perkara ini jelas dapat kita lihat menerusi kandungan yang dihasilkan oleh Aaron Areminuddin atau dikenali sebagai “Aremin” merupakan seorang pengengaruh gastronomi tempatan yang aktif menyokong dan mengekalkan warisan makanan Kelantan. Beliau sangat terkenal dengan kontennya mengenai perkongsian visual dan video yang merakam aktiviti komuniti setempat termasuk peniaga pasar pagi, pengusaha gerai jalanan, tukang masak tradisional serta suasana penyediaan makanan di tapak jualan. Kandungan ini bukan sahaja memfokuskan kepada makanan malah turut menonjolkan wajah, peranan dan interaksi masyarakat yang menjadi tunjang kepada kelastarian gastronomi tempatan. Kandungan konten yang dihasilkan juga dilihat sangat bermanfaat apabila memperlihatkan unsur kebersamaan dan sokongan sosial apabila masyarakat setempat

terlibat sebagai sunjek utama dalam penceritaan makanan. Visual makanan, teknik penyediaan dan persekitaran sosial yang dirakam membolehkan generasi muda mengenali warisan gastronomi Kelantan secara lebih dekat dan menarik. Justeru, Penglibatan komuniti dalam video makanan ini juga jelas memberi impak ekonomi dan sosial yang besar agar terus berkembang dalam dunia moden.

4.3.3 Pendidikan dan Pengajaran Melalui Institusi

Institusi pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan pemeliharaan gastronomi di Kelantan agar terus hidup, difahami dan dimanfaatkan dengan baik oleh generasi muda. Melalui kurikulum yang tersusun, latihan formal dan pendekatan pembelajaran yang aktif sudah pasti pengetahuan tradisional dapat dipindahkan secara lebih terancang dan berkesan. Penglibatan institusi pendidikan seperti sekolah, kolej, university serta pusat latihan vikasional membantu menjadikan amalan budaya serta masakan tradisional kekal relevan dalam konteks perkembangan semasa tanpa menghilangkan nilai asalnya. Hal ini selari dengan UNESCO melalui Cities Of Gastronomy 2021 menjelaskan bahawa pendidikan kulinari merupakan peluang yang semakin berkembang sam ada di peringkat universiti atau melalui pusat latihan vokasional. Hal ini juga menyokong penyelidikan yang dirangsang oleh badan-badan seperti Pusat Biodiversiti setempat yang menjalankan program dokumentasi pengetahuan tradisional yang terkenal. Inisiatif seperti ini menyokong pembelajaran berasaskan pengalaman serta membolehkan pelajar mempelajari sesuatu tradisi dengan lebih mendalam melalui interaksi langsung bersama pengamal budaya atau pengkarya tradisional. Bukan itu sahaja, institusi pengajian tinggi turut menjadi pusat penyelidikan yang menyediakan dokumentasi saintifik, penerbitan akademik dan kajian lapangan tentang amalan budaya. Ini bukan sahaja menambah nilai

akademik tetapi juga membolehkan maklumat tradisional direkodkan secara beretika, tepat dan selaras dengan standard antarabangsa. Oleh hal yang demikian, pendidikan melalui institusi adalah komponen yang berkesan dalam menjamin kelangsungan gastronomi di Kelantan. Dengan memupuk kesedaran budaya sejak peringkat sekolah lagi sudah pasti institusi pendidikan membantu untuk memastikan bahawa pengetahuan warisan tidak hanya dihargai sebagai peninggalan masa lalu tetapi terus berfungsi sebagai sebahagian daripada identiti dan gaya hidup masyarakat masa kini.

4.3.4 Penjenamaan Makanan Warisan dan Pengkomersialan

Pengkomersialan dan penjenamaan makanan warisan memainkan peranan yang penting dalam usaha pemeliharaan gastronomi di Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah ini bukan sahaja menjadikan makanan tradisional lebih mudah diakses tetapi turut meningkatkan nilai ekonomi dan memastikan permintaan berterusan dalam pasaran. Penjenamaan semula makanan warisan bermaksud mempersembahkan semula makanan tradisional untuk menjadikannya relevan dan menarik kepada generasi kini dengan beberapa contoh seperti menukar nama, menaikkan statusnya daripada "makanan hampir pupus" kepada "Makanan warisan", atau memperkenalkannya dalam bentuk baru. Produk seperti akok, nasi kerabu, ayam percik, lompat tikam, nasi tumpang dan pelbagai kuih tradisional kini dipasarkan dalam bentuk moden termasuk pembungkusan rapi, piawaian kebersihan yang lebih baik serta strategi pemasaran digital. Menurut Dr. Eyo Leng Yan (2023) dalam seminar “Persidangan Kebangsaan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara 2023” menjelaskan bahawa orang tua-tua pada zaman dahulu tidak menggunakan buku resepi untuk memasak sesuatu makanan. Oleh itu ilmu memasak sesuatu menu itu akan diturunkan kepada mereka yang ingin mempelajari sesuatu masakan warisan tetapi jika anak mereka tidak berminat

makanan warisan itu berkemungkinan boleh pupus pada suatu hari nanti. Oleh hal yang demikian bagi mengelakkan daripada makanan warisan itu pupus wajarlah pengkomersialan dan penjenamaan semula ini dilakukan. Hal ini juga disokong oleh Dr Mohd Faizal Musa (2023) mengatakan bahawa cadangan supaya makanan warisan tidak pupus termasuklah penjenamaan semula makanan seperti “dodol” dengan jenama makanan tradisional Malaysia. Menurut beliau lagi apabila terjual sebagai “Makanan Malaysia”, makanan itu berpotensi untuk berkembang dan dapat mengelakkannya daripada kepupusan. Pengkomersialan juga berfungsi sebagai platform untuk memperluas akses masyarakat luar terhadap makanan warisan. Dengan adanya penghasilan produk siap bungkusan, pembukaan restoran bertema Kelantan, serta pemasaran melalui media sosial, makanan tradisional seperti Nasi Kerabu, Nasi Dagang, Lompat Tikam dan Kuih Akok kini dapat diakses oleh generasi muda dan para pelancong. Ini menyumbang kepada pengukuhan penghargaan budaya di samping memperkukuh identiti gastronomi Kelantan sebagai elemen signifikan dalam warisan Melayu.

4.3.5 Promosi Melalui Pelancongan Gastronomi

Promosi melalui pelancongan gastronomi merupakan salah satu kaedah pemeliharaan warisan makanan yang semakin mendapat perhatian dalam usaha mengekalkan kelangsungan gastronomi di Kelantan. pelancongan gastronomi berfungsi sebagai platform penting untuk memperkenalkan keunikan hidangan tradisional seperti Nasi Kerabu, Nasi Tumpang, Akok, Lompat Tikam dan Ayam Percik kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Melalui promosi yang terancang, makanan warisan bukan sahaja dikenali sebagai produk kulinari tetapi sebagai lambang identiti, sejarah dan budaya masyarakat Kelantan. sebagai contoh, Tourism Malaysia Wilayah Timur merancang “Food Trail

Kelantan” yang membolehkan pelancong menjejaki destinasi kulineri warisan dari Gua Musang ke Kota Bharu dengan mengetengahkan makanan tradisional dan menu-menu tempatan yang semakin viral. Program sebegini bukan sahaja mempromosikan makanan tradisional kepada pengunjung malah menyokong usahawan tempatan seperti penjaja, peniaga-peniaga kecil dan pengusaha makanan tradisional supaya mengekalkan resepi tradisi sambal menjana pendapatan. Perkara ini juga disokong oleh UNESCO melalui Cities Of Gastronomy dalam negara Malaysia di Kuching Sarawak yang telah diiktiraf oleh UNESCO mengenai kebudayaannya dimana disana juga menjalankan festival makanan terbesar yang dinamakan “Festival Kuching” bagi memelihara makanan tradisional. Kuching merupakan sebuah bandar perayaan dan makanan menjadi asas kepada setiap satu. Acara ikonik seperti Festival Muzik Hutan Hujan Sedunia atau Regatta Sarawak menawarkan bazar makanan yang menampilkan makanan kegemaran tempatan. Pelancongan gastronomi menjadi platform untuk generasi muda menghargai resepi tradisional yang hamper pupus. Oleh hal yang demikian, mana-mana pelancong yang datang bukan sahaja membeli makanan tetapi turut menyokong rangkaian ekonomi budaya yang melibatkan komuniti setempat. Justeru, promosi melalui pelancongan gastronomi bukan sahaja meningkatkan keterlihatan makanan tradisional Kelantan tetapi turut menyumbang kepada pemerksaan ekonomi komuniti, pengukuhan identiti budaya dan pemeliharaan berterusan warisan tidak ketara.

4.4 IMPAK GASTRONOMI

Penggambaran gastronomi dalam pantun memberi kesan besar terhadap pembentukan makna, simbolisme dan fungsi pantun dalam masyarakat Melayu. Berdasarkan perspektif teori puitika Melayu pantun merupakan wahana untuk menzahirkan identiti nilai dan pemikiran masyarakat. Dari segi gastronominya pula pelbagai jenis makanan tradisional seperti Nasi Kerabu, Lompat Tikam, Akok, Nasi Tumpang dan Ayam Percik berperanan sebagai simbol budaya, petunjuk sosial serta lambang identiti kolektif. Oleh hal yang demikian, pantun yang menampilkan makanan tradisional atau gastronomi tidak sekadar menggambarkan makanan sebagai objek malah turut mengandungi makna budaya yang mendalam. Terdapat lima impak utama gastronomi terhadap pantun.

4.4.1 Pelancongan

Menurut kamus dewan, pelancongan berasal daripada perkataan lancong atau melancong yang membawa maksud melawat sambil melihat-lihat (bersenang-senang) (Noresah, 1997). Manakala menurut Ibn Hussain Naqud, (2003) pelancong pula diertikan sebagai orang yang bermusafir ke sesuatu tempat dengan tujuan tertentu dan tidak bertujuan untuk berhijrah atau berkerja di tempat tersebut. Pelancongan juga merujuk kepada pergerakan individu tau sekumpulan pelancong ke destinasi pilihan sama ada dalam atau luar negara untuk pelbagai tujuan. Gastronomi yang digambarkan dalam pantun memberi impak yang berkesan terhadap sektor pelancongan kerana makanan tradisional sering menjadi tarikan utama kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Pantun yang menyebut tentang gastronomi atau makanan tradisional seperti nasi kerabu, nasi tumpang, lompat tikam dan lain-lain jelas bukan sekadar unsur estetika bahasa tetapi berfungsi memperkenalkan identiti makanan tempatan. Penggambaran ini membina rasa ingin tahu terhadap budaya pemakanan

masyarakat Melayu dan seterusnya mendorong pelancong untuk datang sendiri merasai pengalaman tersebut. Makanan bukan lagi sekadar keperluan fizikal tetapi elemen pengalaman budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila pantun menonjolkan keunikan warna, rasa dan cara penyediaan makanan tradisional sudah pasti ia membentuk naratif budaya yang lebih hidup serta mempengaruhi persepsi pelancong terhadap keaslian destinasi tersebut. Roozbeh et al. (2013) menyatakan bahawa budaya, pendidikan dan hiburan adalah bahan-bahan utama bagi produk pelancongan gastronomi dan elemen-elemen tersebut mempengaruhi pengalaman pelancong terhadap sektor ini. Hal ini menjadikan gastronomi sebagai produk pelancongan berasaskan budaya yang mampu meningkatkan daya tarikan sesebuah destinasi. (Habibah Ahmad et al., 2014) menjelaskan bahawa negeri Kelantan mempunyai citra yang lebih memberangsangkan dari segi tarikan makanan dan minuman. Pelancong bukan sahaja datang untuk menikmati pemandangan atau membeli-belah bahkan akan mencuba makanan yang digambarkan dalam karya-karya tradisional. Justeru, mana-mana pantun atau puisi yang memaparkan makanan warisan memainkan peranan penting dalam mempromosikan pelancongan gastronomi secara tidak langsung.

4.4.2 Budaya

Seterusnya, budaya adalah suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki bersama oleh sekelompok orang serta diwariskan dari generasi ke generasi. Budaya terbentuk dari banyak unsur yang rumit termasuk sistem agama dan politik, adat istiadat, bahasa, perkakas, pakaian, bangunan, makanan dan karya seni. Gastronomi yang dipaparkan dalam pantun juga membawa impak besar terhadap pemerkasaan dan kelangsungan budaya masyarakat Melayu. Makanan bukan sekadar keperluan fizikal tetapi merupakan simbol identiti sosial yang mencerminkan sejarah, cara hidup, nilai dan kepercayaan komuniti. Dalam konteks budaya

Melayu, makanan tradisional seperti Nasi Kerabu, Nasi Tumpang, Kuih Akok, Lompat Tikam dan Ayam percik bukan sahaja menjadi hidangan harian tetapi berfungsi sebagai penanda identiti kolektif yang membezakan masyarakat Kelantan daripada negeri-negeri lain. Identiti budaya ini dapat dilihat melalui rasa, warna, teknik penyediaan serta penggunaan bahan tempatan yang mencerminkan hubungan masyarakat dengan alam sekitar. Misalnya, dalam proses penyediaan makanan yang diwarisi daripada eluarga seperti cara menumbul sambal secara manual, teknik mengukus makanan menggunakan periuk tanah atau cara meracik daun untuk Nasi Kerabu memupuk kefahaman tentang akar budaya sendiri. Identiti ini bukan sahaja dilihat dalam rasa dan aroma makanan bahkan dalam simbolik warna, hiasan dan gabungan bahan yang melambangkan nilai budaya seperti kehalusan seni dan kreativiti masyarakat. Nasi Kerabu kini juga telah mempunyai versi moden dengan penyediaan yang lebih ringkas tetapi masih mengekalkan warna biru bunga telang dan sambal kelapa sebagai teras hidangan. Inovasi ini memastikan makanan tradisi terus diterima oleh generasi baharu sekaligus menyokong evolusi budaya yang dinamik tetapi tetap berlandaskan tradisi. Menurut Nor Shela, Mohd Shafie dan Andi (2021), makanan tradisional yang diwarisi turun-temurun melambangkan latar belakang identiti sesebuah komuniti. Kenyataan ini juga disokong oleh Ellis, Park dan Sangkyun (2018) yang menyatakan makanan tempatan termasuk makanan tradisional memainkan peranan penting untuk membangunkan identiti dan latar belakang sesebuah tempat.

Gastronomi terhadap budaya ini memainkan peranan yang penting kerana menjadi medium yang menghubungkan generasi lama dengan generasi baharu melalui amalan masakan turun-temurun. Penggunaan bahan semula jadi, teknik tradisional dan resepi asli yang diwariskan sejak generasi terdahulu menjadikan makanan tradisional sebagai dokumentasi hidup budaya lampau. Dalam era moden ini pendokumentasian dan pengalaman makanan tradisi membantu memastikan warisan budaya tetap relevan dan tidak ditelan zaman. Keunikan budaya makanan sesuatu tempat perlu diketengahkan kerana makanan tempatan dan tradisional boleh menarik ramai pelancong berkunjung ke destinasi tersebut. Bukan itu sahaja, gastronomi dalam pantun juga turut memupuk rasa bangga terhadap warisan budaya. Penggambaran makanan tradisional melalui bahasa puitis meningkatkan penghargaan masyarakat terhadap makanan tempatan dan mengukuhkan identiti budaya. Melalui cara sebegini gastronomi dalam pantun bukan sahaja memberi gambaran tentang makanan tetapi mencerminkan falsafah budaya masyarakat Melayu.

4.4.3 Adat

Gastronomi memainkan peranan yang penting dalam memelihara, mengukuhkan dan meneruskan adat dalam masyarakat melayu khususnya di Kelantan. Adat tidak hanya dilihat melalui ritual dan perayaan tetapi turut tercermin dalam pilihan makanan, cara penyediaan, cara hidangan serta konteks sosial dimana makanan itu dihidangkan. Setiap hidangan atau makanan lazimnya melambangkan makna tertentu yang menggambarkan kepercayaan, nilai, dan norma yang diwarisi sejak turun-temurun. Salah satu impak utama gastronomi terhadap adat ialah peranan makanan sebagai simbol adat yang membawa makna tersendiri. Banyak hidangan tradisional memiliki maksud simbolik yang berkait rapat dengan adat. Di Kelantan, makanan seperti kuih-muih tradisi akok, tepung pelita, lompat tikam serta masakan seperti

ayam percik, singgang turut dihidangkan dalam majlis adat tertentu sebagai mengiktiraf warisan yang dipertimbangkan oleh generasi terdahulu. Misalnya pada nasi tumpang yang mempunyai adatnya yang tersendiri dimana nasi tumpang disediakan sebagai bekal perjalanan orang dahulu. Adat ini bermula daripada masyarakat dahulu yang membawa nasi tumpang ketika ke ladang, ke sawah atau merantau jauh kerana ia tahan lama dan mudah untuk dibawa ke mana-mana. Walaupun telah moden adat membungkus nasi tumpang menggunakan daun pisang dijadikan bentuk kon juga masih dikekalkan sehingga kini.

Seterusnya, makanan tradisional atau gastronomi terus memberikan impak terhadap adat melalui pengukuhan identiti adat tempatan. Hal ini dapat dilihat melalui majlis perkahwinan Kelantan mempunyai juadah tertentu seperti nasi berlauk, solok lada dan akok sebagai hidangan wajib dalam dulang hantaran dan jamuan. Hal ini membentuk citra adat yang membezakan masyarakat Kelantan daripada masyarakat negeri lain. Oleh hal yang demikian, makanan menjadi komponen adat yang memperlihatkan keunikan budaya setempat sekaligus mengekalkan tradisi dalam masyarakat moden. Sehingga kini makanan tradisi terus menjadi sebahagian daripada ritual adat walaupun wujud pengaruh moden dalam bentuk catering dan enyedian makanan komersial. Elemen makanan ini juga menjadi ruang bagi generasi muda untuk mempelajari adat daripada golongan tua dan berpengalaman. Proses ini bukan sekadar aktiviti memasak tetapi satu bentuk pewarisan adat yang memelihara struktur sosial masyarakat. Melalui penyampaian secara lisan, demonstrasi dan amalan berulang adat kekal hidup menerusi warisan gastronomi. Justeru gastronomi atau makanan sangat berkait rapat dengan adat dalam masyarakat Melayu. Kehadiran makanan dalam pantun memelihara pemahaman tentang adat dan amalan tradisi masyarakat setempat. Pantun yang menyebut makanan tradisi seperti nasi, kuih-muih atau hidangan kenduri

merakam amalan adat masyarakat pada sesuatu zaman. Hal ini membantu masyarakat memahami fungsi makanan sebagai simbol kesyukuran dan kebersamaan dalam adat Melayu.

4.4.4 Ekonomi

Gastronomi juga memberikan sumbangan yang berkesan terhadap pembangunan ekonomi komuniti tempatan khususnya melalui penghasilan, penjualan dan promosi makanan warisan. Makanan gastronomi di Kelantan bukan sahaja memenuhi keperluan pemakanan masyarakat malah menjadi sumber ekonomi yang berdaya saing apabila dikomersialkan secara sistematik. Hal ini dikatakan demikian kerana makanan seperti nasi kerabu, akok, lompat tikam, nasi tumpang dan pelbagai kuih tradisional telah menjadi produk ekonomi yang menyokong pendapatan peniaga kecil, pengusaha industri desa dan perusahaan mikro. Salah satu impak utama gastronomi terhadap ekonomi ialah penciptaan peluang pekerjaan dalam komuniti setempat. Misalnya melalui aktiviti penyediaan dan penjualan makanan yang melibatkan pelbagai peringkat rantaian ekonomi termasuk pembekal bahan mentah, tukang masak, pembuat kuih, penjual di pasar, pengusaha gerai serta pengedar makanan. Apabila makanan tradisional menjadi tarikan budaya permintaan terhadap hidangan tersebut akan meningkat sekaligus merangsang pertumbuhan perniagaan tempatan. Sebagai contoh kita dapat lihat permintaan nasi kerabu pada masa kini sangatlah tinggi sehingga membantu peniaga-peniaga kecil dalam perniagaannya malah nasi kerabu sangat terkenal oleh orang ramai akan kelazatannya. Peningkatan permintaan ini memberi kesan langsung kepada pendapatan peniaga kecil serta merancakkan aktiviti ekonomi di sesebuah kawasan seperti pasar tani, kawasan tumpuan pelancong dan pusat-pusat warisan budaya. Gastronomi juga berfungsi sebagai aset ekonomi jangka panjang kepada komuniti

tempatan khususnya di Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana berbeza dengan produk industri moden yang mudah ditiru manakala makanan tradisional mempunyai nilai keaslian dan identiti budaya yang tinggi. Dengan pengurusan yang baik gastronomi bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan malah menjamin kelestarian ekonomi komuniti tempatan secara berterusan.

Bukan itu sahaja, gastronomi juga memberi impak ekonomi apabila pantun digunakan untuk mengangkat makanan tradisional sebagai simbol kebanggaan setempat. Pantun yang menampilkan identiti gastronomi memberi nilai tambah kepada sesuatu makanan sehingga ia mampu dijadikan produk komersial yang mempunyai permintaan tinggi. Gastronomi yang tercermin dalam pantun bukan sahaja berfungsi sebagai medium sastera bahkan turut memberi rangsangan kepada pembangunan ekonomi. Oleh hal yang demikian, gastronomi bukan sekadar warisan budaya tetapi merupakan sumber ekonomi yang penting dalam memperkukuhkan ekonomi komuniti tempatan.

4.4.5 Sosial – Mengukuhkan Jalinan Kemasyarakatan

Gastronomi memainkan peranan penting terhadap sosial dalam membentuk dan mengukuhkan jalinan kemasyarakatan dalam kalangan masyarakat Kelantan. Elemen makanan bukan sekadar keperluan asas untuk kelangsungan hidup tetapi menjadi medium interaksi sosial yang menyatukan individu, keluarga dan komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana makanan tradisional seperti nasi kerabu, nasi tumpang, ayam percik, akok dan lompat tikam sering dikaitkan dengan aktiviti sosial yang melibatkan kerjasama, perkongsian dan hubungan yang erat. Melalui amalan ini, gastronomi berfungsi sebagai pengikat yang mengukuhkan nilai kebersamaan dan semangat kekitaan. Makanan seperti nasi kerabu yang disajikan dengan ulam dan budu bukan sahaja menonjolkan keunikan rasa tetapi

menggambarkan gaya hidup masyarakat tempatan yang mesra alam dan menghargai keseimbangan alam. Bentuk jalinan kemasyarakatan dapat dilihat melalui amalan penyediaan makanan secara bersama-sama seperti majlis perkahwinan, kenduri kesyukuran, majlis keagamaan dan program kemasyarakatan. Proses memasak secara kolektif ini bukan sahaja mempercepatkan kerja tetapi menjadi ruang interaksi sosial antara anggota masyarakat yang pelbagai peringkat usia. Hubungan sosial yang terjalin melalui aktiviti ini mengukuhkan persefahaman, toleransi dan rasa hormat antara generasi. Bukan itu sahaja, gastronomi juga memainkan peranan dalam mewujudkan interaksi sosial dalam ruang awam. Pasar tani seperti Pasar Siti Khadijah menjadi pusat pertemuan masyarakat untuk membeli, menjual dan menikmati makanan tradisional. Interaksi antara penjual dan pembeli bukan sekadar urusan jual beli malah turut melibatkan pertukaran cerita, perkongsian resepi dan hubungan sosial yang berterusan. Oleh itu, ruang sosial ini memperkukuh jaringan kemasyarakatan dan membina kepercayaan antara komuniti. Menurut Suhaini dan Mohd Faizal (2021) menjelaskan dalam kajiannya bahawa dalam budaya Kelantan tetamu yang hadir ke rumah biasanya akan disambut dengan hidangan makanan kuih muih seperti akok, bahulu, lompat tikam dan lain-lain sebagai tanda penghormatan. Amalan ini, mencerminkan nilai kesantunan, keramahan dan adab yang tinggi dalam masyarakat Melayu. Pemberian dan perkongsian makanan melambangkan keterbukaan serta kesediaan untuk menjalin hubungan sosial yang baik antara individu dan komuniti.

Gastronomi menyumbang kepada pembentukan identiti sosial kolektid masyarakat Kelantan. Hal ini kerana apabila makanan tradisional terus diamalkan dan dihargai dan kehidupan seharian ia memperkukuh rasa bangga dan kepunyaan dalam kalangan masyarakat. identiti sosial ini mengukuhkan jalinan kemasyarakatan kerana masyarakat berkongsi simbol budaya yang sama. Dengan itu, gastronomi tradisional bukan sahaja memperkaya kehidupan sosial bahkan menjadi asas kepada keharmonian dan kelangsungan hubungan kemasyarakatan di Kelantan. Justeru, pantun yang menampilkan identiti gastronomi memberi nilai tambah kepada sesuatu makanan sehingga ia mampu dijadikan produk komersial yang mempunyai permintaan yang tinggi. Peningkatan permintaan terhadap makanan yang mempunyai nilai budaya pula menggerakkan aktiviti perdagangan, meningkatkan pendapatan komuniti serta merancakkan ekonomi tempatan. Oleh itu, gastronomi yang tercermin dalam pantun bukan sahaja berfungsi sebagai medium sastera tetapi turut memberi rangsangan kepada pembangunan ekonomi masyarakat di Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah memperlihatkan kajian yang menegaskan bahawa elemen gastronomi dalam Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan memainkan peranan yang penting dalam mengungkapkan makna buday, identiti dan nilai masyarakat Kelantan. Melalui penerapan Teori Puitika Sastera Melayu gastronomi atau makanan tradisional seperti Nasi Kerabu, Lompat Tikam, Nasi Tumpang, Akok dan Ayam Percik bukan sahaja berfungsi sebagai unsur latar atau hiasan yang menarik malah diangkat sebagai simbl sosial dan budaya yang sarat dengan makna tersirat. Analisis terhadap pantun-pantun yang dihasilkan oleh pelbagai pengarang dalam teks Antologi Puisi Kesitimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan menunjukkan bahawa gastronomi digunakan sebagai wahan untuk menzahirkan fungsi puitika seperti pengindahan bahasa, penyampaian nilai kesantunan, pemeliharaan tradisi serta pengukuhan jati diri masyarakat setempat. Kepelbagaian pendekatan pengarang dalam menggambarkan makanan tradisional memperlihatkan keunikan sudut pandang masing-masing namun tetap berpaksikan kepada nilai kolektif masyarakat Kelantan yang menyanjung adat, budaya dan warisan. Gastronomi bukan sahaja mengukuhkan hubungan kemasyarakatan malah berperanan sebagai medium pewarisan budaya serta sumber ekonomi setempat. Hal ini memperlihatkan bahawa sastera lisan dan tulisan khususnya pantun berupaya menjadi medium dokumentasi budaya yang berkesan dalam mengekalkan gastronomi Melayu Kelantan. Justeru, pantun adalah wadah penyampaian yang sangat sesuai untuk menyampaikan dan menjelaskan sesuatu termasuk berkenaan dengan nilai, akal, budi dan pandangan alam.

BAB 5

RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Bab 5 ini merupakan bab terakhir dalam kajian dalam kajian ini. Justeru itu, menerusi bahagian ini pengkaji akan melakukan rumusan dan kesimpulan bagi keseluruhan kajian penyelidikan yang bertajuk *Gastronomi Dalam Antologi Puisi Keistimewaan Dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan Melalui Penelitian Teori Puitika Sastera Melayu* yang telah dilaksanakan mulai daripada bab pertama sehingga bab keempat. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh para pengkaji pada masa hadapan tidak kira individu, masyarakat mahupun institusi dan negara. Selain itu, dengan adanya penerapan Teori Puitika Sastera Melayu dalam kajian ini telah membantu pengkaji untuk menghadkan skop kajian tanpa tersasar jauh. Oleh itu, dalam memelihara gastronomi dalam pantun perbincangan ini turut menyumbang kepada saranan dan cadangan yang bernas serta relevan yang mampu mencapai tujuan asal objektif kajian ini dilaksanakan.

5.2 Rumusan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ini, pengkaji telah membuktikan bahawa gastronomi makanan tradisional memainkan peranan yang sangat berkesan dalam pembinaan makna, simbol dan fungsi Teori Puitika Sastera Melayu dalam pantun yang terkandung *Antologi Puisi Keistimewaa Dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam penghasilan karya sastera terdapat pelbagai elemen-elemen keindahan yang digunakan untuk menjadikan karya tersebut sebagai sebuah karya yang mempunyai penjiwaan yang baik untuk dibaca oleh khalayak. Melalui pendekatan teori sastera melayu ini jelas menunjukkan bahawa gastronomi dalam pantun bukan sahaja berfungsi sebagai unsur estetika bahasa malah menjadi lambang identiti, budaya, adat dan nilai masyarakat Kelantan.

Kesusasteraan Melayu merupakan satu wadah atau medium yang besar dalam menarik minat dan perhatian masyarakat untuk sentiasa menyedari dan belajar mengenai banyak hal yang berkaitan dengan suatu tamadun dan juga kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi. Oleh itu, melalui kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji dimana pengkaji telah mengenalpasti jenis gastronomi yang terdapat dalam pantun buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Oleh hal yang demikian, disini pengkaji akan merungkai semula setiap perkara yang terkandung dalam setiap bab yang dilaksanakan dalam kajian ini. Kajian ini telah mencapai ketiga-tiga objektif kajian yang ditetapkan selari dengan perbincangan dan dapatan yang dikemukakan dalam bab 1 hingga bab 4.

Menerusi bab pertama dalam kajian ini, pengkaji telah memperincikan latar belakang kajian yang menekankan kepentingan gastronomi sebagai elemen budaya dan sastera dalam masyarakat Melayu khususnya di Kelantan. Pengenalan bab satu juga melibatkan definisi gastronomi istilah yang berkaitan dengan kajian ini. definisi ini bukan sahaja menjadi asas pemahaman kepada pembaca malah menunjukkan kesedaran tentang kejelasan konsep dan istilah dalam kajian. Dengan menyusun definisi ini pengkaji memberikan pandangan yang konsisten dan tepat tentang aspek berkaitan kajian. Bab ini turut menghuraikan permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian dimana objektif tersebut merangkumi 3 perkara iaitu mengenalpasti jenis gastronomi yang terdapat dalam buku *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*, menganalisis sejauh mana gastronomi dalam teks *Antologi Puisi Keistiewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* dapat menarik minat pelancong datang ke Kelantan dan Menerangkan kesan gastronomi terhadap masyarakat Kelantan. Lain daripada itu, pengkaji tidak lua menyatakan batasan kajian, memetakan sempadan dan skop kajian ini. Batasan ini memberikan pembaca pemahaman yang jelas serta memastikan pembaca memahami parameter dan konteks kajian dengan sewajarnya. Bab pertama ini kemudiannya diakhiri dengan kesimpulan yang meringkaskan secara menyeluruh inti pati pengenalan kepada kajian. Kesimpulan ini bukan sahaja merumuskan elemen-elemen utama yang dibincangkan tetapi juga menyediakan ramalan ringkas tentang struktur dan hala tuju kajian yang akan membawa kepada penghujung kajian ini.

Sementara itu, menerusi bab 2 kajian ini telah merangkumi segala kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu mengenai gastronomi, puisi keindahan negeri Kelantan dan juga Teori Puitika Sastera Melayu. Perbincangan mengenai kajian lepas ini mengambil beberapa kajian yang relevan sahaja dan mempunyai kaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Sorotan dalam kajian lepas adalah elemen penting dalam membina asas pengetahuan yang kukuh dan komprehensif. Pengkaji telah memilih sorotan yang diperoleh menerusi kajian tesis, jurnal dan artikel, akhbar dalam talian, majalah dan lain-lain. Perbincangan dalam bab ini memperlihatkan bahawa kajian terdahulu lebih menumpukan aspek gastronomi dari sudut budaya, pelancongan dan identiti manakala kajian sastera pula menerangkan pantun dari sudut estetika bahasa dan fungsi sosial secara umum. Oleh hal yang demikian bab ini amat membantu pengkaji dalam mencari peluang baru untuk menyentuh isu dan aspek yang belum lagi disentuh oleh mana-mana pengkaji terdahulu di samping mengisi segala kelompongan yang berkaitan dengan kajian ini serta menggabungkan unsur gastronomi dan pantun melalui Pendekatan Puitika Sastera Melayu khususnya dalam konteks setempat Kelantan.

Seterusnya, bab 3 dalam kajian ini pula memerihalkan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan kehadiran elemen gastronomi dalam pantun yang terdapat dalam teks Antologi. Bab ini menghuraikan kaedah kualitatif melalui analisis teks terhadap pantun-pantun yang terkandung dalam antologi terpilih. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti jenis gastronomi dalam pantun serta meneliti fungsi estetika, simbolik dan budaya makanan itu sendiri dalam pantun. Hal ini dikatakan demikian kerana sejajar dengan objektif pertama kajian dimana bab ini menyediakan asas metodologi yang sistematik untuk mengenai pasti

dan mengklasifikasikan jenis gastronomi makanan tradisional yang diangkat oleh pengarang pantun. Pengkaji juga mengambil kaedah kepustakaan dan kaedah internet bagi mengenalpasti bahan-bahan kajian. Lain daripada itu, kajian ini menggunakan penerapan teori iaitu Teori Puitika Sastra Melayu. Teori ini dilakukan bagi memberikan pengukuhan dan sokongan kepada setiap data yang dibuat dan memastikan kajian ini berada pada landasan yang benar. Pengaplikasian teori menjadi satu pegangan oleh pengkaji dalam menganalisis data kajian sehingga membawa kepada kebenaran terhadap isu yang diteliti iaitu mengenai elemen gastronomi dalam pantun menerusi teks *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Justeru, pengaplikasian kaedah kajian ini telah memberi kemudahan kepada pengkaji untuk meneliti elemen gastronomi dalam pantun.

Selanjutnya, menerusi bab 4 pula adalah bahagian dapatan kepada kajian ini. Bahagian dapatan ini telah menjawab setiap persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji dan seterusnya menerangkan dengan terperinci mengenai *Gastronomi Dalam Antologi Puisi Keistimewaan Dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Bagi objektif yang pertama ialah kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis gastronomi makanan tradisional yang terdapat dalam *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pantun-pantun dalam antologi tersebut secara konsisten menampilkan pelbagai makanan tradisional Kelantan seperti Nasi Kerabu, Lompat Tikam, Akok, Ayam Percik dan Nasi Tumpang. Setiap makanan ini bukan sekadar disebut secara literal tetapi digambarkan melalui konteks budaya dan kehidupan masyarakat setempat. Kehadiran makanan tradisional dalam pantun membuktikan bahawa gastronomi menjadi sebahagian daripada pengalaman kolektif

masyarakat Kelantan serta berfungsi sebagai elemen penting dalam menggambarkan keistimewaan dan keindahan setempat yang ingin diketengahkan oleh pengarang. Puitika Sastera Melayu membantu mengangkat elemen gastronomi sebagai wahana pengucapan budaya yang sarat dengan makna dan nilai warisan.

Seterusnya, dalam objektif dua pula adalah pengkaji menganalisis sejauh mana gastronomi dalam teks *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* dapat menarik minat pelancong untuk berkunjung ke Kelantan. Kaedah pemeliharaan gastronomi Kelantan dilakukan bagi mengekalkan keaslian masakan Kelantan. Melalui objektif ini pemeliharaan gastronomi diterangkan dengan terperinci oleh pengkaji sekaligus menunjukkan penggambaran gastronomi dalam teks puisi bukan sahaja berfungsi sebagai unsur estetika sastera malah berperanan sebagai wahana penting dalam memelihara, memperomosi dan memartabatkan warisan makanan Kelantan. Hasil kajian dapat dilihat melalui pendokumentasian resepi dan teknik tradisional, penglibatan komuniti serta amalan turun-temurun, gastronomi diangkat sebagai identiti budaya yang hidup dan berterusan. Sokongan pendidikan melalui institusi, penjenamaan makanan warisan serta pengkomersialan yang beretika turut memperkukuh nilai gastronomi sebagai asset pelancongan. Oleh hal yang demikian, puisi terbukti menjadi medium promosi budaya yang berkesan dalam menyokong pembangunan pelancongan gastronomi Kelantan secara lestari, beridentiti dan berteraskan warisan tempatan.

Objektif ketiga pula meneroka kesan gastronomi terhadap masyarakat Kelantan. Hasil kajian bagi objektif ini membuktikan bahawa gastronomi memberikan impak yang menyeluruh dan berkesan terhadap masyarakat Kelantan merangkumi aspek pelancongan, budaya, adat, ekonomi dan sosial. Gastronomi bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal malah berperanan sebagai pemangkin pemeliharaan identiti budaya yang dapat mengukuhkan adat resam serta penyatuan sosial masyarakat. Analisis mendalam tentang kesan gastronomi dalam pantun teks Antologi menunjukkan bahawa puisi bukan sahaja sekadar hiburan tetapi juga sebagai medium mengajar, memelihara tradisi dan mengukuhkan identiti. Melalui pelancongan gastronomi warisan makanan tempatan dapat dipromosikan secara berkesan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti. Pada masa yang sama, amalan memasak dan menikmati makanan tradisional secara kolektif, memperkukuh nilai gotong-royong, kebersamaan dan kesinambungan warisan. Melalui ketiga-tiga objektif ini kajian ini memberikan pandangan yang menyeluruh dan mendalam tentang elemen gastronomi dalam sesebuah puisi sebagai perakam budaya serta melambangkan identiti sesebuah negeri. Pendekatan ini bukan sahaja memahami malah menghayati kepelbagaian, kedalaman dan keunikan budaya masyarakat Kelantan melalui elemen gastronomi sebagai medium utama menerusi kajian ini.

Akhir sekali, dalam bab 5 ini akan merumuskan kajian ini dengan kesimpulan yang merumuskan penemuan utama gastronomi yang digarap dalam teks Antologi dalam menzahirkan identiti, budaya dan kehidupan masyarakat Kelantan. Kesimpulan ini juga mencadangkan kajian lanjutan atau bidang yang boleh diterokai dengan lebih lanjut berdasarkan penemuan dan cabaran yang dihadapi semasa kajian dijalankan. Bab lima ini juga membuktikan bahawa gastronomi merupakan elemen budaya yang signifikan yang

wajar dimartabatkan melalui karya sastera sebagai khazanah warisan bangsa yang bernilai tinggi dan berterusan.

5.3 Implikasi Kajian

Implikasi merujuk kepada akibat yang berlaku terhadap sesuatu perkara yang dilakukan sama ada implikasi terhadap individu, masyarakat dan negara. Oleh itu, hal ini secara tidak langsung setelah menyelesaikan kajian ini, terdapat beberapa implikasi yang boleh diketengahkan sebagai rujukan dalam meneliti hasil kajian yang dilaksanakan. Justeru, beberapa implikasi kajian akan diketengahkan dalam bab ini seperti hal-hal berikut ;

5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Individu

Implikasi kajian “*Gastronomi dalam Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Berkolek Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan Melalui Penelitian Teori Puitika Sastera Melayu*” terhadap individu merupakan aspek penting untuk difahami kerana setiap kajian mempunyai potensi mempengaruhi persepsi, pengetahuan dan pemahaman seseorang terhadap sesuatu topik atau budaya yang dikaji. Kajian ini memberi implikasi penting kepada individu, khususnya dalam aspek peningkatan kesedaran dan penghayatan terhadap nilai gastronomi sebagai warisan budaya. Melalui pendedahan terhadap gastronomi dalam karya sastera individu dapat memahami bahawa makanan tradisional bukan sekadar keperluan fizikal malah mengandungi makna simbolik, nilai adat dan pemikiran masyarakat. Kesedaran ini mampu membentuk sikap apresiasi terhadap warisan budaya tempatan serta menggalakkan individu khususnya generasi muda untuk mempelajari, mempraktikkan dan mendokumentasikan gastronomi. Secara tidak langsung, kajian ini mendorong pembentukan identiti diri yang berteraskan budaya dan jati diri tempatan. Kefahaman ini membantu

individu menilai semula peranan gastronomi sebagai medium penting dalam pembentukan identiti budaya dan kesinambungan warisan bangsa.

Di samping itu, implikasi kajian ini turut merangkumi aspek pembangunan sahsiah dan nilai murni individu. Penghayatan terhadap gastronomi tradisional yang sering dikaitkan dengan nilai gotong-royong, kesederhanaan dan rasa syukur mampu membentuk sikap hormat terhadap tradisi serta memupuk rasa tanggungjawab untuk memelihara warisan budaya. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa individu bukan sekadar pengguna budaya tetapi pemegang amanah yang berperanan penting dalam memastikan kelangsungan gastronomi sebagai warisan tidak ketara yang bernilai tinggi. Implikasi kajian kepada individu jelas menunjukkan bahawa penghayatan gastronomi melalui karya sastera dapat memperkukuh kesedaran budaya, meningkatkan apresiasi terhadap warisan tempatan serta membentuk identiti diri yang berakar pada tradisi. Kesedaran dan penglibatan individu ini merupakan asas utama kepada kelestarian gastronomi Melayu khususnya di Kelantan agar terus relevan dan diwarisi oleh generasi akan datang.

5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat

Implikasi kajian “*Gastronomi dalam Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Berkolek Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan Melalui Penelitian Teori Puitika Sastera Melayu*” kepada masyarakat menonjolkan bagaimana kajian ini dapat memberikan sumbangan dan pengaruh yang signifikan tentang pemahaman, penghayatan dan pembangunan masyarakat Kelantan dan masyarakat Malaysia keseluruhannya. Kajian ini memperlihatkan peranan gastronomi sebagai medium penyatuan sosial dan pemeliharaan budaya secara kolektif. Penggambaran gastronomi dalam puisi membuktikan bahawa amalan makanan tradisional mampu mengukuhkan hubungan sosial melalui nilai kebersamaan dan

perkongsian budaya. Implikasi ini mendorong masyarakat untuk lebih aktif terlibat dalam usaha mendokumentasikan, mempromosikan dan mengekalkan gastronomi sebagai warisan hidup. Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada pengukuhan ekonomi komuniti melalui pelancongan gastronomi dan aktiviti keusahawanan berasaskan makanan tradisional, sekali gus meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat setempat. Kajian ini membantu masyarakat memahami bahawa pengabaian terhadap gastronomi boleh membawa kepada kehilangan identiti budaya. Sebaliknya, penghayatan dan pengamalan berterusan terhadap gastronomi akan memastikan kesinambungan nilai adat, norma sosial dan kearifan tempatan. Gastronomi berfungsi sebagai medium pendidikan tidak formal yang menghubungkan generasi tua dan muda sekali gus mengelakkan jurang budaya antara generasi. Implikasi kajian kepada masyarakat ini memberikan nilai yang positif dan mendalam serta mampu berkembang sebagai asas pembinaan identiti, kesejahteraan sosial dan kelestarian budaya masyarakat Kelantan.

5.3.3 Implikasi Kajian Kepada Negara

Implikasi kajian “*Gastronomi dalam Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Berkolek Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan Melalui Penelitian Teori Puitika Sastera Melayu*” terhadap negara menonjolkan bagaimana kajian kesusasteraan ini mempengaruhi dan memperkaya landskap kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik negara secara keseluruhan. Berdasarkan aspek kebudayaan dan identiti negara, kajian ini memberikan sumbangan penting kepada kekayaan warisan budaya Malaysia. Dapatan kajian membuktikan bahawa gastronomi yang diangkat melalui karya sastera seperti pantun dan puisi berupaya berfungsi sebagai wahana pembinaan naratif budaya kebangsaan yang berteraskan tradisi tempatan. Hal ini penting dalam memperkukuh jati diri nasional dan

memastikan warisan budaya tempatan terus dihargai dalam arus globalisasi. Gastronomi makanan khususnya di Kelantan perlu dilihat sebagai khazanah budaya negara yang wajar dipelihara secara sistematik melalui dasar, dokumentasi dan penyelidikan berterusan. Pengintegrasian gastronomi dalam kajian sastera dan budaya membolehkan warisan makanan direkodkan bukan sahaja dari aspek resipi tetapi juga nilai simbolik, adat dan pemikiran masyarakat yang membentuk identiti bangsa. Penggambaran gastronomi dalam karya sastera mampu dijadikan asas kepada strategi promosi pelancongan yang berteraskan naratif budaya. Pendekatan ini bukan sahaja membezakan Malaysia daripada destinasi pelancongan lain malah memperkayakan pengalaman pelancong melalui penghayatan budaya yang autentik. Hal ini dibuktikan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (2021) menjelaskan bahawa gastronomi yang dipromosikan bersama elemen sastera dan sejarah tempatan dapat meningkatkan nilai tambah sektor pelancongan negara serta menyokong kelestarian ekonomi budaya.

Dari perspektif pembangunan ekonomi, kajian ini menunjukkan bahawa gastronomi makanan berpotensi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri kreatif dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dengan sokongan dasar dan institusi negara, gastronomi boleh dikembangkan melalui penjenamaan makanan warisan, inovasi produk berasaskan tradisi serta pengkomersialan yang beretika. Usaha ini bukan sahaja menjana pendapatan negara malah membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan kesejahteraan komuniti tempatan, khususnya di kawasan luar bandar. Implikasi kajian ini juga menggalakkan gastronomi dan karya sastera yang mengangkat budaya tempatan diintegrasikan dalam dasar kebudayaan kebangsaan serta sistem pendidikan. Langkah ini dapat melahirkan generasi yang lebih peka terhadap warisan budaya seterusnya memastikan

kesinambungan nilai tradisi dalam pembangunan negara yang seimbang dan berteraskan identiti. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa gastronomi bukan sekadar sumber budaya, tetapi merupakan aset strategik negara yang wajar dimanfaatkan secara holistik untuk kelestarian budaya, ekonomi dan identiti nasional. Dengan demikian, kajian ini memainkan peranan strategik dalam memperkukuh, memelihara dan mempromosikan kebudayaan Malaysia khususnya di Kelantan dalam landskap antarabangsa.

5.4 Cadangan

Melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu *“Gastronomi dalam Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Berkolek Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan Melalui Penelitian Teori Puitika Sastra Melayu”* ini telah memberikan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan sama ada pihak individu ini sendiri, masyarakat bahkan melalui institusi. Cadangan ini dapat diaplikasikan dan diterapkan kepada individu, masyarakat, institusi dan juga negara dengan harapan dapat memastikan pengetahuan mereka terhadap intipati dan pemikiran dalam unsur gastronomi dalam puisi ini semakin luas dan tidak ditelan zaman. Dalam usaha meningkatkan kualiti dan kerelevanan kajian, cadangan ini dapat dijadikan rujukan kepada mereka yang berminat sama ada penyelidik akan datang atau individu lain yang mungkin memilih untuk meneroka topik yang sama. Cadangan yang dinyatakan ini bukan sahaja bermakna untuk meningkatkan kualiti kajian tetapi juga menggariskan kepentingan kajian ini dalam konteks yang lebih luas.

5.4.1 Individu

Kehadiran kajian “*Gastronomi dalam Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Berkolek Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan Melalui Penelitian Teori Puitika Sastra Melayu*” ini telah memberikan beberapa cadangan kepada setiap individu agar sentiasa berusaha menghargai dan mempelajari gastronomi tradisional perlu diperkukuhkan secara berterusan agar warisan ini tidak terpinggir dalam arus pemodenan dan globalisasi. Generasi muda disarankan untuk mendekati gastronomi bukan sahaja melalui amalan memasak dan menikmati makanan tersebut malah melalui pembacaan karya sastra seperti pantun dan puisi yang mengangkat makanan sebagai simbol budaya dan identiti masyarakat. Karya sastra berfungsi sebagai medium pendidikan budaya yang halus membolehkan generasi muda memahami makna tersirat, nilai adat dan falsafah hidup yang terkandung dalam amalan gastronomi Melayu khususnya di Kelantan.

Selain itu, pendokumentasian digital melalui media sosial, video dan platform perkongsian kandungan wajar dimanfaatkan oleh individu muda sebagai ruang untuk merakam resepi, teknik memasak tradisional serta kisah di sebalik makanan warisan. Pendekatan ini bukan sahaja sejajar dengan minat dan gaya hidup generasi muda kini malah membantu memastikan pengetahuan gastronomi dapat disimpan, disebar dan diakses oleh masyarakat yang lebih luas. Penglibatan aktif dalam aktiviti kebudayaan seperti bengkel masakan tradisional, festival makanan dan program warisan tempatan turut berperanan membentuk pengalaman langsung yang bermakna serta memperkukuh rasa bangga terhadap identiti budaya sendiri. Kesedaran awal dalam kalangan individu, khususnya generasi muda amat penting kerana merekalah pewaris utama warisan gastronomi bangsa. Dengan pengetahuan, penghayatan dan penglibatan yang berterusan ini jelas memperlihatkan

gastronomi bukan sahaja dapat dipelihara malah berpotensi berkembang sebagai aset budaya dan ekonomi yang lestari. Pengkaji baharu hendaklah bersedia dalam melakukan penelitian terhadap karya-karya sastera agar dapat membawa pembaharuan dalam bidang penyelidikan di negara ini. Justeru, peranan individu perlu dilihat sebagai asas kepada kelangsungan warisan gastronomi Melayu khususnya di Kelantan.

5.4.2 Masyarakat

Menerusi golongan masyarakat pula, penglibatan aktif komuniti setempat dalam usaha mendokumentasikan, mempraktikkan dan mempromosikan masakan tradisional perlu diperkasakan secara kolektif dan berterusan bagi memastikan gastronomi kekal sebagai warisan hidup. Masyarakat berperanan sebagai pemegang utama pengetahuan tradisional khususnya golongan warga emas dan tukang masak tempatan yang mewarisi resipi serta teknik memasak secara turun-temurun. Pengetahuan ini wajar dikongsi melalui penceritaan lisan, demonstrasi memasak dan dokumentasi komuniti agar tidak terputus antara generasi. Pendekatan ini juga membantu memperkukuh identiti komuniti serta meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan memelihara warisan makanan tempatan.

Bukan itu sahaja, pelaksanaan aktiviti berasaskan komuniti seperti festival makanan tradisional, hari warisan, kenduri kampung dan bengkel masakan tempatan dapat menjadi medium interaksi sosial yang berkesan serta memperkukuh hubungan antara generasi. Aktiviti sebegini bukan sahaja memupuk semangat gotong-royong dan kebersamaan malah membuka ruang kepada masyarakat luar untuk mengenali keunikan gastronomi Kelantan secara langsung. Dalam konteks ini, gastronomi bukan sekadar hidangan, tetapi menjadi

pengalaman budaya yang menyatukan komuniti. Oleh hal yang demikian, penglibatan masyarakat secara aktif dan bersepadu mampu memastikan gastronomi tradisional terus diamalkan, difahami dan dihargai dalam kehidupan seharian. Apabila komuniti berfungsi sebagai agen pemeliharaan budaya sudah pasti gastronomi bukan sahaja dapat dikekalkan malah berpotensi berkembang sebagai aset sosial dan budaya yang menyumbang kepada kesejahteraan dan kelestarian masyarakat setempat. Justeru, masyarakat haruslah bersedia untuk menerima segala perkara yang diberikan dan diselitkan dalam setiap karya yang dibaca agar dapat memberikan kebaikan dalam kehidupan mereka.

5.4.3 Institusi

Pihak institusi yang merangkumi institusi pendidikan haruslah mempertingkatkan lagi pemahaman dan penelitian yang menjurus kepada aspek-aspek yang belum lagi disentuh oleh mana-mana pihak. Hal ini dilakukan bagi membuka minda dan pengetahuan para pelajar untuk berani dalam melihat dan menyentuh isu-isu penting yang terdapat dalam sesebuah karya sastera itu. Institusi pendidikan, kebudayaan dan pelancongan, memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan pemeliharaan dan pemerkasaan gastronomi dapat dilaksanakan secara sistematik dan berimpak tinggi. Institusi pendidikan disarankan untuk mengintegrasikan gastronomi sebagai elemen pembelajaran dalam kurikulum di peringkat sekolah dan pengajian tinggi sama ada melalui mata pelajaran kesusasteraan, sejarah, budaya, hospitaliti mahupun pengajian warisan. Karya sastera seperti pantun dan puisi yang memaparkan gastronomi setempat wajar dijadikan bahan rujukan akademik bagi membolehkan pelajar memahami hubungan antara makanan, budaya dan pemikiran masyarakat secara holistik. Penyelidikan sebegini bukan sahaja menyumbang kepada pengayaan ilmu akademik malah dapat mendokumentasikan resipi, teknik tradisional serta

nilai budaya yang terkandung dalam gastronomi secara lebih terperinci dan berautoriti. Hasil kajian ini seterusnya boleh dijadikan asas kepada penerbitan ilmiah, bahan pengajaran dan dasar pemeliharaan warisan.

Dari sudut institusi kebudayaan dan pelancongan, gastronomi wajar dimanfaatkan sebagai strategi promosi budaya dan pelancongan yang berkesan. Penganjuran festival makanan, pameran budaya, program pelancongan gastronomi serta penerbitan bahan promosi yang menggabungkan elemen sastera dan gastronomi mampu menonjolkan keunikan identiti Kelantan sebagai destinasi pelancongan warisan. Karya sastera yang mengangkat makanan tradisional boleh dijadikan naratif budaya bagi memperkayakan pengalaman pelancong dan membezakan Kelantan daripada destinasi lain. Oleh itu, penglibatan institusi secara menyeluruh dan bersepadu dapat memastikan gastronomi tradisional bukan sahaja dipelihara sebagai warisan budaya tidak ketara malah dimartabatkan sebagai sumber ilmu, aset pelancongan dan identiti sebuah negeri. Kerjasama antara institusi pendidikan, kebudayaan dan pelancongan akan mewujudkan ekosistem yang mampan dalam memelihara dan mempromosikan gastronomi untuk generasi kini dan akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.5 Kesimpulan

Kesimpulan keseluruhan kajian ini secara menyeluruh membuktikan bahawa gastronomi yang digarap dalam *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan* bukan sekadar berfungsi sebagai unsur estetika dalam karya sastera malah menjadi wahana penting dalam menzahirkan identiti, pemikiran, nilai dan keindahan budaya masyarakat Kelantan. Melalui penerapan Teori Puitika Sastera Melayu, kajian ini berjaya mengenal pasti jenis-jenis gastronomi utama seperti Nasi Kerabu, Akok, Ayam Percik, Lompat Tikam dan Nasi Tumpang serta menyingkap makna simbolik dan fungsi budaya yang terkandung di sebalik penggambaran makanan tersebut dalam pantun dan puisi. Selain itu, kajian ini turut menilai peranan gastronomi sebagai medium promosi budaya yang berkesan dalam menarik minat pelancong melalui pendokumentasian resipi dan teknik tradisional, penglibatan komuniti, pendidikan formal dan tidak formal, penjenamaan makanan warisan serta pembangunan pelancongan gastronomi. Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa gastronomi memberi kesan yang signifikan terhadap masyarakat Kelantan dari aspek pemeliharaan budaya dan adat, pengukuhan hubungan sosial, pemerdayaan ekonomi komuniti serta pembinaan identiti dan jati diri yang berteraskan tradisi. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa gastronomi merupakan khazanah warisan budaya tidak ketara yang bernilai tinggi dan relevan sepanjang zaman serta wajar dimartabatkan melalui karya sastera sebagai medium pemeliharaan, pendidikan dan pembangunan budaya yang lestari demi kesejahteraan masyarakat dan kelangsungan identiti budaya negara.

SUMBER RUJUKAN

- A. Aziz Deraman . (2014). *Suara Gunung Kehidupan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ab Jabar, N., Suliman, M. S., Sukri, S., Radzuan, A. W., & Apandi, S. N. A. M. (2022). Pembentukan Jati Diri Di Kanak-Kanak Melalui Teks Adik Sayang Pantun. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(2), 88-98.
- Abham T.R, Mazli Husma, & Mukhtar Mustafa. (2020). *Antologi Puisi Dialek Kelantan : Bbaghie*. Pustaka Dewan Puisi.
- Abu Hassan, N., & Rahim, S. (2019). Warisan kuih tradisional Pantai Timur: Kajian terhadap teknik pembuatan kuih akok di Kelantan. *Jurnal Warisan dan Budaya Melayu*, 12(2), 45–53.
- Afif Zulhusni. (2024). Gastronomi sirih dalam pantun Melayu. *WadahDBP*. Retrieved from <https://wadahdbp.my/titisan-pena/gastronomi-sirih-dalam-pantun-melayu/>
- Ajid, C. M. (2019). *Warisan kulineri Melayu: Analisis budaya makan dan identiti masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, A. H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional.
- Aniza Zainudin. (2019). Sajian tradisi kian dilupakan. Diakses pada 20 Disember 2020 dari <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/06/462677/sajiantradisi-kian-dilupakan>
- Awang, H., & Ismail, H. (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al- Salatin. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 23.
- Azman Hashim (2017). Ayam Percik. Scribd. Retrieved from <https://share.google/dn3nFE3KUML2rqBMN>
- Csoban, K., & Konyves, H. E. 2015. *Gastronomy and Culture*. Hungary: University of Debrcen
- Sosial dan Kemanusiaan, K. (2024). *Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff* (Vol. 8, Issue 3).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2023). Dewan Bahasa Pustaka
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa Pustaka
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa Pustaka
- Dewan Budaya (2023). *Penjenamaan Semula Makanan Warisan Yang Hampir Pupus*. Universiti Kebagsaan Malaysia (UMK) Retrived From
- Discovery Terengganu. (2020). *Budaya Sarapan Rakyat Malaysia: Kini Diiktiraf Sebagai Warisan Dunia oleh UNESCO*. Retrived from <https://www.discoveryterengganu.com/budaya-sarapan-malaysia-diiktiraf-warisan-unesco/>
- Efrizal A. S.(2012).Kajian Estetika dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau,
- Eizah Mat Hussain (2016). Simbol dan mana dalam Pantun Melayu Bingkisan

Ellis, A., E. Park and K. Sangkyun. 2018. What is food tourism? *Tourism Management* 68: 250–263. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2018.03.025>

Fatin Rozaini Abdul Aziz. (6 November 2019). Haaa...jangan tak tahu, inilah 6 seni budaya dan warisan di Malaysia!. <https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2019/11/06/rentak-selangor>. Dirujuk pada 4 Jun 2024

Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, & Nazirah Hassan. (2021). *Kaedah penyelidikan kualitatif: Pendekatan dalam kajian sains sosial*. Penerbit Universiti Malaya.

Ferguson Priscilla. P. 1998. A cultural field in the making: Gastronomy in 19th-century France. *The American Journal of Sociology* 104(3): 597-641.

Goh, H. S., & Wahid, A. (2021). Unsur keindahan dan nilai murni dalam pantun Melayu gubahan Loo Mun berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 1–15.

H. R. Hafiz (2024) Gastronmi: Pendekatan Menarik dalam Bahasa Melayu. Dewan bahasa Jendeladbp <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2024/08/18/14737/>

Hamizul, I. H. (2022, Mac 11). Melestarikan tradisi lisan dalam kalangan khalayak muda. Tunas Cipta. <https://tunascripta.jendeladbp.my/2022/03/11/2328/>

Hamzah, H., Karim, M. S. A., & Ishak, F. A. C. (2015). Traditional Malaysian culinary heritage: A review. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts*, 7(2), 45–60.

Haron, N. (2019). Budu as cultural heritage: Identity and continuity of traditional Malay condiments. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2), 69–88. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp69-88>

Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu perbincangan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka

Hashim Ibn Muhammad Ibn Hussain Naqud (2003), *Ahkam Al-Siyahah wa Atharuha*, Arab Saudi, Dar Ibn al-Jauziyah, h. 17.

Hashim, R., & Ismail, Z. (2020). *Nilai moral dalam puisi Melayu tradisional: Analisis terpilih*. *Jurnal Melayu*, 19(2), 45–60.

Hasni, N., & Ismail, M. F. (2020). Traditional Kelantanese cuisine as a representation of cultural identity. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(12), 120–130. <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2023/09/13/7076/>

Idris, M. H. (2018). *Makanan tradisional sebagai identiti budaya masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail, A.M. & Ali, M. N. S. (2012). *Memahami Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail, H. (2019). *Teori puitika sastera Melayu: interpretasi dan praktikaliti*. *MANU Journal*, 29. <https://doi.org/10.51200/manu.v29i.1867>

ISMAIL, H. (2019). TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU: INTERPRETASI DAN PRAKTIKALITI: Malay Poetic Theory: Interpretation and Practicality. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 29.

Ismail, K. I. (2016). *Makanan dalam pembayang pantun Melayu: Satu wacana dari perspektif gastronomi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail, K. I., & Musa, M. F. (2016). *Makanan dalam pembayang pantun Melayu: Satu wacana dari perspektif gastronomi*. *Jurnal Melayu*, 15(1), 1–13.
<https://journalarticle.ukm.my/9954/>

Jabatan Warisan Negara. (2021). Nasi tumpang: Warisan kuliner masyarakat Kelantan. Retrived From <https://www.heritage.gov.my>

Jalaluddin, N. F. H. (2015). Warisan kuih dan manisan tradisional Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jamaludin, R. (2021). Pengaruh modernisasi terhadap pemeliharaan makanan tradisional di Malaysia. *Dewan Masyarakat*, 59(4), 28–31.

Kamarulzaman, N. H. A., & Jamian, M. N. (2023). Keindahan luaran Gurindam Jiwa Penawar Duka dari perspektif Puitika Sastera Melayu. *Jurnal Melayu*, 152-166.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. (2021). *Pelan tindakan pelancongan budaya dan warisan Malaysia*. Putrajaya: MOTAC.

Khatijah Mohamed Yatim. (2016). Hikayat Char Darwis: Kajian berdasarkan teori

Liliy Salwani Razali, & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2019). Puisi Lisan : Pemerkesan Warisan Bangsa Melayu. *Universiti Kebangsaan Malaysia*, 2 issue 1(234-277).

Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya, Selangor*: Pearson Prentice Hall.

Marzuki, I. N., Othman, N. A., Fauzi, N. A. M., & Som, S. M. (2024). EKSPLORASI GASTRONOMI KELANTAN MELALUI REKAAN TIPOGRAFI DIGITAL:(EXPLORATION OF KELANTAN GASTRONOMY THROUGH DIGITAL TYPOGRAPHY DESIGN). *ASIAN JOURNAL OF ENVIRONMENT, HISTORY AND HERITAGE*, 8(Special Issues).

Md Ramli, A., Mohd Zahari, M. S., Abdul Halim, N., & Mohamed Aris, M. H. (2017). Knowledge on the Malavsian Food Heritage. *Asian Journal of Onality of Life*, 2(5).31-42.

Md Ramli, A., Mohd Zahari, M. S., Abdul Halim, N., & Mohamed Aris, M. H. (2017). Knowledge on the Malaysian food heritage. *Asian Journal of Quality of Life*, 2(5), 31–42.

Mohamed, S., & Md Radzi, S. B. (2015). *Makan dan makanan dalam kesusasteraan Melayu*. *Jurnal Melayu*, 14(2), 274–288.

Mohd Faizal Musa, Suhaini Md Noor, & Muhamad Shafiq Mohd Ali. (2022). *Gastronomi Alam Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd. Taib Osman. (1989). *Warisan persembahan dalam kebudayaan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2000). *Puitika Sastera Melayu* (Edisi ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan
- Muhammad Haji Salleh. (2013). *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Ilham, A. (2025). *Gastronomi Dalam Perspektif Folklor: Kajian Tentang Makanan Tradisional Minangkabau* (Doctoral dissertation, Universitas Andalas).
- Muhammad, R. (2020). *Kelantan: Makanan tradisi & budaya*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musa, M. F. (2025). Gastronomi sebagai identiti budaya. *Jurnal Melayu*, 24(1), 180. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/viewFile/86744/17169>
- Nirhishan Vharmhan Nair. (2023). *Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan Dalam Teks Syair Kesultanan Melayu Kelantan: Satu Penelitian Dokumentasi* [Universiti Malaysia Kelantan].
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi*, 34(1), 185-201.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2022). *Gastronomi, Peribahasa dan Akal Budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Faizah, M. Z., & Abdullah, H. (2019). *Warisan kulinari Pantai Timur: Satu kajian dokumentasi makanan tradisional Kelantan*. *Jurnal Kebudayaan Malaysia*, 34(1), 72–85
- Nor Shela Saleh, Mohd Shafie Rosli dan Andi Sukri. 2021. *Budaya masyarakat Bugis dalam aspek perkahwinan, komunikasi dan makanan warisan*. *Kajian Malaysia* 40(2): 227–253. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.2.10>
- Norazlina, I. (2020). *Kelantan sebagai pusat perkembangan budaya dan pendidikan Islam di Malaysia*. *Malaysian Journal of Humanities*, 3(1), 72–84.
- Nordiana Ab Jaafar (2022), *Antologi Puisi Keistimewaan dan Keindahan Setempat Kelantan Serambi Budaya Berkolek Warisan*. Komuniti Menulis Malaysia.
- Nordiana Binti Ab Jaafar. (2017). *Dikir Laba Imejan “Sek Kito” di Kelantan*. *Universiti Malaysia Kelantan*.
- Noresah Bt Baharom (1997), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 756.
- Nurzahila Binti Abu bakar (2024) *Genius Masyarakat Dalam Penciptaan Teka-Teki Menggunakan Teori Puitika : Kajian Pantun Pak Nazel Berirama Dengan Teka-Teki*. Final Year Project Thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Pendeta: *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2,99-117.

- Permata. Tesis PhD, Universiti Malaya. puitika sastera Melayu. Pustaka, Kuala Lumpur.
- Putri Nur Anis Balqis Binti Yazik. (2022). *Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni*. Discol.umk.edu.my.
- Rahman Shaari. (2004). *Puisi Melayu Moden: Tradisi dan Pembaharuan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratna, N. K. (2010). *Metodologi Penelitian: Kajian Budaya dan Ilmu Sosial Humaniora Pada Umumnya*. Pustaka Pelajar : Yogyakarta.
- Retrieved From <https://sinarplus.sinarharian.com.my/Lifestyle/sedapnya-bunga-kantan-goreng-ringkas-sihat-dengan-10-khasiat>
- Roosbeh BH, Ng SI & Boo HC (2013) *Effect Of Food Experience On Overall Satisfaction: Comparison Between First-Time And Repeat Visitors To Malaysia*. International Food Research Journal 20 (1), 141-146
- Santich, B. 2004. The Study of Gastronomy and Its Relevance to Hospitality Education and Training. International Journal of Hospitality Management 23(1): 15–24.
- Shaik Hussain, S. A. B. (2017). Pelancongan gastronomi dan hubungkait dengan makanan tradisional Melayu. Retrieved from https://www.academia.edu/33447766/PELANCONGAN_GASTRONOMI_DAN_HUBUNGKAIT_DENGAN_MAKANAN_TRADISIONAL_MELAYU
- SinarPlus (2022). *Sedapnya Bunga Kantan Grend Ringkas, Sihat Dengan 10 Khasiat*. Sinar Harian
- Siti Nur Syakira binti Ab Aziz (2023) Nilai estetika dalam pantun kanak-kanak Adik Sayang Pantun: Penerapan Puitika sastera Melayu. Final year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Smith, A. (2018). Recipe books, reimagined: Virtual reality, augmented reality, and the future of cookbooks. Cookbook Conference Proceedings, 5(1), 97-113
- Sudarsyah, A. (2013). Kerangka Analisis Data Fenomenologi (contoh analisis teks sebuah catatan harian). *Jurnal Penelitian Pendidikan*, 13(1).
- Suhaini, Md, Noor dan Mohd Faizal Musa (2021), *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu : Satu Kajian Teks Cerita Rakyat*. International Journal of the Malay World and Civilisation 9(2), 2021: 59 – 67 Retrieved From <http://journalarticle.ukm.my/16756/1/jatma-2021-0902-06.pdf>
- Syaidul Azam Kamarudin Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJEAL)*, vol. 7,(43-67).
- Tradisional Masyarakat Melayu Kelantan Dan Peranakan Siam Kelantan Traditional Food of Kelantan Malay, M., Peranakan Kelantan People Siti Nor Alia Farhana Saidi, S., Persuratan Melayu Pusat Kajian Bahasa, P., & dan Kebudayaan Melayu Fakulti Sains

Tunas Cipta. (2021, September 14). *Sekilas ceritera sastera negeri Kelantan*. Retrieved from <https://tunascipta.jendeladbpm.my/2021/09/14/1460/>

UNESCO. (2003). *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. UNESCO. <https://ich.unesco.org/en/convention>

UNESCO. (2021). *Creative Cities Of Gastronomy*. UNESCO <https://citiesofgastronomy.com/>

UNESCO. (2021). *Safeguarding intangible cultural heritage: Key concepts and approaches*. UNESCO ICH Documentation Platform. <https://ich.unesco.org>

Wan Siti Azahayu Binti Wan Mohamed . (2022). *Estetika Puisi Terpilih Karya Penyair Wanita Melayu Abad Ke-20*. Universiti Sains Malaysia

Zurakintan Abdul Razak , & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu Tentang Ilmu Dan Adab Dalam Puisi Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2)(121-129).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN